

LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

2024

LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA
2024

Cetakan 2025
© Pusat Sumber Jabatan Ketua Menteri Melaka

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
Setiausaha Kerajaan Negeri d/a Pusat Sumber, Jabatan Ketua Menteri Melaka,
Aras Bawah Blok Bentara, Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, 75450,
Ayer Keroh, Melaka.

PUSAT SUMBER
Jabatan Ketua Menteri Melaka

9 772232 062002
ISSN 2232-0628



KANDUNGAN

	Sekapur Sirih	**VI**
	Seulas Pinang	**VII**
	Visi, Misi, Objektif dan Fungsi	**VIII**
	Pengurusan Tertinggi	**IX**
	Ketua Bahagian atau Unit	**X-XI**
1	Pejabat Ketua Menteri Melaka	1-24
2	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi	25-52
3	Unit Perancang Ekonomi Negeri	53-68
4	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	69-92
5	Bahagian Khidmat Pengurusan	93-132
6	Unit Dewan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	133-142
7	Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka	143-170
8	Perbadanan Ketua Menteri Melaka	171-182
9	Bahagian Khidmat Musaadah dan Pembangunan Belia	183-188
10	Majlis Sukan Negeri Melaka	189-212
11	Bahagian Komunikasi Korporat	213-220
12	Badan Kawal Selia Air	221-244
13	Unit Kerajaan Tempatan	245-252
14	Unit Integriti	253-274
15	Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Awam	275-284
16	Bahagian Koridor Infrastruktur dan Impak Sosial	285-298
17	Bahagian Promosi Pelancongan	299-334



Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia, Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Laporan Aktiviti Tahunan Jabatan Ketua Menteri Melaka bagi Tahun 2024 berjaya diterbitkan. Laporan ini bukan sekadar dokumen rasmi, malah menjadi cerminan kepada segala usaha, pencapaian dan inisiatif strategik yang telah digerakkan oleh kerajaan negeri sepanjang tahun ini.

Tahun 2024 menyaksikan negeri Melaka terus melakar kejayaan yang membanggakan hasil kesungguhan seluruh warga pentadbiran, khususnya di Jabatan Ketua Menteri Melaka. Sebagai tulang belakang pentadbiran negeri, peranan yang dimainkan oleh setiap anggota perkhidmatan awam amat signifikan dalam memastikan dasar dan agenda kerajaan dapat dilaksanakan secara berkesan, berintegriti dan berorientasikan rakyat.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Jabatan Ketua Menteri Melaka atas dedikasi dan komitmen padu yang ditunjukkan. Kejayaan yang dicapai ini adalah hasil usaha kolektif yang wajar dibanggakan dan menjadi asas kukuh untuk kita melangkah lebih jauh dalam menjayakan agenda pembangunan negeri secara menyeluruh dan inklusif.

Akhir kata, saya menyeru agar laporan ini dijadikan rujukan utama dan sumberinspirasi kepada seluruh jentera pentadbiran negeri. Jadikanlah ia sebagai pencetus kepada semangat iltizam untuk terus menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, seterusnya memperkukuh keyakinan terhadap perkhidmatan awam dan memperkasakan martabat Melaka sebagai sebuah negeri berprestij di mata negara dan dunia.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh
Ketua Menteri Melaka



Seulas Pinang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam sejahtera; Salam Melakaku Maju Jaya Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia; Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat dan Salam MALAYSIA Madani.

"Tegak Berdiri Mercu Maruah,
Teguh Bersama Amanah Dijulang;
Penjawat Awam Sentiasa Gagah,
Menyuluh Bangsa Menuju Cemerlang.

Aspirasi "Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat" diterjemahkan dalam bentuk kecekapan dan kecemerlangan penjawat awam negeri Melaka yang sepakat serta memberikan komitmen utama demi membawa negeri ke arah yang lebih maju dan berdaya saing.

Ini diterjemah dan dibuktikan dalam **Laporan Tahunan Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM)** bagi tahun 2024 dengan pencapaian yang memberangsangkan dalam pelbagai aspek. Hal ini membuktikan sinergi warga JKMM berada pada tahap optimum dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan. Kejayaan ini juga diperkukuhkan lagi dengan amalan tata kelola yang cekap, telus dan berintegriti.

Bagi mendepani tuntutan dan ekspetasi *stakeholders* serta rakyat dapat dipenuhi dengan sebaiknya, warga JKMM disarankan untuk sentiasa bersiap sedia menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang. Di samping itu, amalan tadbir urus berteraskan **"Bekerja Semudah ABC (Amanah, Betul, Cepat)"** hendaklah dihayati dan diterapkan sebagai budaya kerja seharian supaya membentuk penghasilan kerja yang lebih baik lagi.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat ilahi serta ucapan tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga JKMM di atas mutu kerja cemerlang yang dipamerkan sepanjang tahun 2024. Semoga kecemerlangan ini dapat terus dipertingkat pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Azhar bin Haji Arshad
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Visi

Menjadi organisasi berkeupayaan tinggi untuk memberikan perkhidmatan bertaraf global kepada rakyat

Misi

Memperkukuh penyampaian perkhidmatan secara inklusif melalui penambahbaikan berterusan

Objektif

- Memperkasakan perancangan dan pelaksanaan pembangunan sosioekonomi yang komprehensif untuk memacu negeri Melaka
- Melaksanakan dasar dan strategi untuk memperkukuh pembangunan sosioekonomi negeri Melaka
- Menilai prestasi keberhasilan pelaksanaan dasar dan strategi
- Melahirkan modal insan yang berintegriti dan kompeten untuk menambah baik prestasi penyampaian perkhidmatan
- Memberikan perkhidmatan ICT yang diperlukan kepada semua Bahagian/Unit/Seksyen bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka termasuk Jabatan/Agensi Negeri yang lain dalam pelaksanaan program-program dan aktiviti ICT yang telah ditetapkan agar Jabatan/Agensi berkenaan menjadi lebih produktif, cekap dan berkesan untuk menjalankan fungsi-fungsinya

Fungsi

- Merancang, merangka, menggubal dan melaksanakan Dasar Kerajaan Negeri, Dasar Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran negeri mengikut Jadual Kesembilan, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan dan juga peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Perlembagaan Negeri
- Merancang, merangka, menggubal, mengurus dan menyelaras Dasar Kerajaan Negeri berkaitan dengan pentadbiran negeri mengikut Jadual Kesembilan, Senarai Bersama, Perlembagaan Persekutuan
- Mengurus, memantau, mengesan dan menilai pelaksanaan setiap Dasar Kerajaan Negeri yang ditetapkan oleh Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)



Pengurusan Tertinggi



KETUA MENTERI MELAKA
YAB DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA
YB DATUK WIRA AZHAR BIN HAJI ARSHAD



TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)
YBHG. DATUK MASLINA BINTI BAKI



TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)
YBHG. DATUK SAIFUL AZWA BIN KIPLI



KETUA ICT NEGERI MELAKA
PUAN MAHANUM BINTI DAIM

Ketua Bahagian Atau Unit



UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

YBHG. DATUK SHAMSUL AMBIA BIN ABDUL AZIZ
SETIAUSAHA BAHAGIAN



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

YBHG. DATIN ELYA JULIANA BINTI ABDUL WAHAB
SETIAUSAHA BAHAGIAN



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

NORENA BINTI JAAFAR
KETUA PENOLONG SETIAUSAHA KANAN KERAJAAN



UNIT DEWAN DAN MMKN

YBHG. DATUK HAELMY BIN MOHD HANIFAH
KETUA PENOLONG SETIAUSAHA KANAN KERAJAAN



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

ROSMAWATI BINTI YAS
KETUA PENOLONG SETIAUSAHA KERAJAAN



BADAN KAWAL SELIA AIR

AZIZUL ADZRAN BIN MAHMOR
PENGARAH



UNIT KERAJAAN TEMPATAN

MAHATHIR BIN MUSTAFA
KETUA PENOLONG SETIAUSAHA KERAJAAN



UNIT NTEGRITI

ANURADAH A/P SOCKLINGAM
KETUA UNIT



TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA

ABDUL AZIZ BIN BABA
PENGURUS BESAR



PERBADANAN KETUA MENTERI

YBHG. DATUK AHMAD AZLAN BIN AHMAD SALLEH
PENGURUS BESAR



BAHAGIAN KHIDMAT MUSAADAH DAN PEMBANGUNAN BELIA

HAJI SHA'ARI BIN SAMSUDIN
KETUA BAHAGIAN



MAJLIS SUKAN NEGERI

MOHD ASRI BIN HJ. NINGGAL
PENGARAH



BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN SIASATAN AWAM

NORITA BINTI ISMAIL
PENGARAH



BAHAGIAN KORIDOR INFRASTRUKTUR DAN IMPAK SOSIAL

IRMAYANTI BINTI HJ IBRAHIM
PENGARAH



PEJABAT KETUA MENTERI

MOHD HARITH BIN RAHMAD
SETIAUSAHA SULIT KANAN



BAHAGIAN PROMOSI PELANCONGAN

NASRUL BIN AHMAD
PENGURUS BESAR

PEJABAT
KETUA MENTERI MELAKA

PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA

PENDAHULUAN

Penggerak utama untuk memastikan segala urusan berkaitan dengan agenda dan pembangunan negeri dilaksanakan mengikut inti pati undang-undang/peraturan serta memacu kemajuan negeri bagi memenuhi kehendak dan kesejahteraan rakyat negeri Melaka.

Visi
Mewujudkan persekitaran yang kondusif, efisien dan berkualiti dalam sistem penyampaian.

Misi
Memberikan perkhidmatan dan layanan yang mesra, cekap dan teratur.

Objektif
Memastikan kelancaran urusan harian YAB Ketua Menteri Melaka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab selaku Ketua Eksekutif Kerajaan Negeri Melaka.

Fungsi
Mengurus aktiviti YAB Ketua Menteri Melaka melalui tiga unit utama iaitu :

a) Khidmat Pengurusan - Pentadbiran, Kewangan, Kediaman Rasmi;
b) Komunikasi & Media - Komunikasi & Media Teks; dan
c) Hal Ehwal Masyarakat & Perhubungan - Perhubungan & Majlis, Politik.

Piagam Pelanggan

Kami, warga Pejabat Ketua Menteri Melaka akan sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan dan layanan yang berkualiti, cekap dan berkesan untuk rakyat. Bagi mencapai dan merealisasikan matlamat tersebut, kami berjanji :

i. Memberi maklum balas permohonan jadual program bersama YAB Ketua Menteri Melaka dalam tempoh dua hari selepas diperakukan.

ii. Menyediakan teks ucapan YAB Ketua Menteri dalam tempoh tiga hari sebelum tarikh program berlangsung.

iii. Memastikan 100% daftar bil Peruntukan Pembangunan dan Khidmat Masyarakat (P23) YAB Ketua Menteri Melaka diluluskan dalam tempoh tiga hari bekerja.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Lawatan Kerja Rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia Ke Melaka

Kerajaan Negeri Melaka berbesar hati menerima lawatan kerja YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke Melaka pada 9 Februari 2024. Pelbagai program diatur semasa lawatan ini merangkumi Taklimat Pembangunan Negeri Melaka di Bilik Mesyuarat Tun Mutahir, Seri Negeri; Majlis Ucapan Amanat oleh YAB Perdana Menteri kepada penjawat awam bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka; lawatan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah dan diakhiri dengan sesi *walkabout* sekitar Jonker Walk, Banda Hilir, Melaka.



Taklimat Pembangunan Negeri Melaka di Bilik Mesyuarat Tun Mutahir, Seri Negeri.



Ribuan penjawat awam negeri Melaka hadir ke Majlis Ucapan Amanat oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.



YAB Perdana Menteri menyantuni anggota polis semasa lawatan ke Ibu Pejabat Kontinjen Polis Daerah Melaka Tengah.



Sesi *walkabout* YAB Perdana Menteri Malaysia di Jonker Walk.

2. Ziarah Kasih DUN Tanjung Bidara

Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh telah meluangkan masa menyantuni lima buah rumah di DUN Tanjung Bidara untuk Program Ziarah Kasih pada 12 Mac 2024.

Lawatan pertama, kediaman milik Puan Nyacik binti Salleh, berusia 86 tahun. Ziarah Kasih kedua, Encik Thalib bin Adam, berusia 71 tahun yang menghidap penyakit tiga serangkai dan demensia dan seterusnya menziarahi sahabat Ketua Menteri Melaka, Encik Khalid bin Tamby, 63 tahun dan Encik Rauf bin Habibon, 64 tahun yang terlibat dengan kemalangan jalan raya. Program Ziarah Kasih DUN Tanjung Bidara berakhir dengan menyantuni kediaman milik Puan Timah binti Kedom, 83 tahun seorang penghidap penyakit angin ahmar.



Puan Nyahcik binti Salleh yang juga sahabat baik kepada arwah ibu YAB Ketua Menteri Melaka.



Ziarah Kasih Kedua ke rumah Encik Thalib bin Adam.

3. Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian German Technology Park (GTP)

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka mengadakan kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Dr. Peter Blomeyer, Duta Besar Jerman di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur pada 22 Mac 2024 dan seterusnya menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara Perbadanan Melaka (MCORP) dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan lapan pemilik tanah untuk pembangunan German Technology Park (GTP) di sebuah kawasan perindustrian baharu di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh, Melaka.



Kehadiran YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka disambut oleh Tuan Yang Terutama Dr. Peter Blomeyer, Duta Besar Jerman ke Malaysia di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur.



Majlis Menandatangani Perjanjian dengan disaksikan oleh YAB Ketua Menteri Melaka, TYT Duta Jerman ke Malaysia dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri.



Bergambar kenangan bersama semua pihak yang terlibat selepas selesai Majlis Menandatangani Perjanjian.

4. Lawatan Kerja Ke Amsterdam, Netherlands Bagi Pengkajian Sejarah Melaka

Delegasi Kerajaan Negeri Melaka telah mengadakan lawatan kerja ke Amsterdam, Netherlands bagi mengkaji lebih lanjut mengenai bahan bersejarah berkaitan Empayar Kesultanan Melaka khususnya Hikayat Hang Tuah sebagai dokumen sokongan membuktikan kewujudan pahlawan hebat negeri Melaka. Pasukan pengkaji termasuk YAB Ketua Menteri Melaka telah diberi kesempatan untuk melihat sendiri naskah "Hikyat Hang Tuah" berusia 266 tahun yang tersimpan rapi di Perpustakaan Universiti Leiden, Netherlands dan juga naskah "Undang-undang Laut Melaka" atau dikenali juga sebagai "Hukum Kanun Melaka" yang mengandungi peruntukan penting berkaitan peraturan bagi pelayaran, pentadbiran, dan kemasyarakatan yang akhirnya menjadi panduan kepada pentadbiran kerajaan selepas dari itu.



Naskhah 'Hikayat Hang Tuah' dipercayai antara yang tertua diterbitkan pada tahun 1758, sebelum diterjemahkan dalam banyak bahasa asing termasuk Perancis, Jerman, Rusia dan Indonesia.



Usaha ini merupakan misi pencarian bukti kewujudan Hang Tuah serta kehebatan empayar Kesultanan Melayu Melaka demi tatapan generasi akan datang.



Kerajaan Negeri Melaka berhasrat untuk membawa pulang artifak bersejarah yang terdapat di Belanda ke Melaka.

5. Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2024 Peringkat Negeri Melaka

Majlis Sambutan Aidilifitri MADANI 2024 Peringkat Negeri Melaka telah diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) pada 23 April 2024 dengan kehadiran 20,000 orang tetamu.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka dan isteri, YABhg. Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab Rahman; YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia; YAB Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka.



Ketua Menteri Melaka menyambut kehadiran Perdana Menteri Malaysia dan mengiringi beliau masuk ke Dewan Utama MITC, Ayer Keroh, Melaka.



Turut hadir sama ke majlis ini adalah YABhg. Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka ke-6, YB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka ke-12 dan YB Tuan Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia.



Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh tidak melepaskan peluang menyantuni rakyat yang ingin mengambil gambar secara swafoto.



YAB Ketua Menteri Melaka bersama sebahagian dari penari cilik yang membuat persembahan kebudayaan.

6. Kunjungan Hormat ke atas Tuan Yang Terutama Zhou Zuyi, Setiausaha Jawatankuasa Parti Wilayah Fujian CPC

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka dan para delegasi Kerajaan Negeri Melaka menghadiri sesi kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Zhou Zuyi, Setiausaha Jawatankuasa Parti Wilayah Fujian CPC di Fujian, China.

Perbincangan dua hala antara kedua belah pihak meliputi isu kerjasama yang melibatkan pembangunan sektor ekonomi, pelancongan dan pelaburan yang turut dihadiri oleh Perbadanan Melaka (MCORP), Straits of Melaka Waterfront Economic Zone (SM-WEZ), Invest Melaka Berhad dan Malaysian Investment Development Authority (MIDA) Negeri Melaka.





Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh dan Setiausaha Jawatankuasa Parti Wilayah Fujian CPC, Tuan Yang Terutama Zhou Zuyi ketika sesi kunjungan hormat.



Gambar kenangan delegasi Kerajaan Negeri Melaka bersama delegasi Parti Wilayah Fujian CPC.

7. Majlis Pemasyhuran Masjid Sultan Ibrahim

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan bercemar duli ke Majlis Pemasyhuran Masjid Sultan Ibrahim di Tanjung Bidara pada 14 Jun 2025 bersempena keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke negeri Melaka dari 14 Jun hingga 16 Jun 2024.

Turut hadir pada majlis cukup bersejarah ini ialah Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka; YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka ke-13; YB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka ke-12; YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka; dan YB Datuk Wira Salhah binti Salleh, Pegawai Kewangan Negeri Melaka yang menjalankan tugas Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka serta barisan Exco Kerajaan Negeri Melaka.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan menandatangani plak perasmian pemasyhuran Masjid Sultan Ibrahim di perkarangan masjid berkenaan.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan bakul makanan Yayasan Sultan Ibrahim Johor kepada Ketua Menteri Melaka.

8. Kunjungan Hormat kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia

Bersempena Lawatan Kerja Rasmi Kerajaan Negeri Melaka ke Australia, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka bersama delegasi mengadakan sesi kunjungan hormat ke Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Yarralumla, Canberra, Australia pada 4 Ogos 2024. Delegasi Kerajaan Negeri Melaka disambut oleh Puan Yang Terutama Sharrina binti Abdullah, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia.

Hadir sama, YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka; YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan para delegasi Kerajaan Negeri Melaka.



Gambar kenangan delegasi Kerajaan Negeri Melaka bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia.



Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh menandatangani buku pelawat sambil ditemani oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia, Puan Yang Terutama Sharrina binti Abdullah.

9. Mesyuarat Dua Hala Antara Kerajaan Georgia dan Malaysia Mengenai Penyerahan Rasmi Penganjuran World Tourism Day (WTD) 2025

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka mengiringi YB Dato' Seri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menghadiri Mesyuarat Dua Hala antara Kerajaan Georgia dan Malaysia pada 24 September 2024. Tujuan mesyuarat adalah bagi memperincikan mengenai penyerahan rasmi penganjuran World Tourism Day (WTD) 2025 pada 27 September 2025 di Melaka.

Delegasi Georgia diketuai oleh Tuan Yang Terutama Levan Davitashli, Menteri Ekonomi dan Lestari Georgia; serta Timbalannya, Puan Miriam Kvrivishli dan juga Ketua Pentadbiran Pelancongan Kebangsaan Georgia, Puan Maia Omiadze.

Manakala, delegasi Malaysia khususnya negeri Melaka turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka Ke-12; YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YB Datuk Wira Abdul Razak bin Abdul Rahman, Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya Negeri; dan YBhg. Datuk Shadan bin Haji Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).



Sesi Mesyuarat Dua Hala antara Kerajaan Georgia dan Malaysia Mengenai Penyerahan Rasmi Penganjuran World Tourism Day (WTD) 2025.



Gambar kenangan delegasi Malaysia bersama Tuan Yang Terutama Levan Davitashli, Menteri Ekonomi dan Lestari Georgia.

10. Forum Ketua Menteri dan Gabenor ke-21 (21st CMGF) bawah Siri Mesyuarat Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT)

Mesyuarat Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) telah dipengerusikan oleh YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor bertempat di Desaru Coast Conference Centre, Johor Bharu pada 11 September 2024. Mesyuarat ini dihadiri oleh Menteri-Menteri dan Ketua-Ketua Menteri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta delegasi dari Indonesia dan Thailand.

Kerajaan Negeri Melaka berkesempatan mengetengahkan projek berimpak tinggi di Melaka termasuklah Straits of Melaka Waterfront Economic Zone (SMWEZ), Kawasan Industri Utama di MCORP Hi-Tech Park (MHTP), Elkay Industrial Park Phase II (ELKAY 2) dan German Technology Park (GTP) serta mencadangkan penerbangan melibatkan tiga negara dari Indonesia, Malaysia dan Thailand.



Gambar kenangan bersama ahli Mesyuarat Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) di Desaru Coast Conference Centre.



Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, bersama Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari dan Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun.



Mesyuarat Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) di Desaru Coast Conference Centre.

11. Majlis Serahan Projek Siap Kepada Kerajaan Negeri Melaka

YAB Dato' Sri Fadillah bin Yusof, Timbalan Perdana Menteri II merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bersama delegasi kementerian hadir ke negeri Melaka sempena Majlis Serahan Projek Siap Kepada Kerajaan Negeri Melaka pada 16 November 2024. Penyerahan lima projek ni membabitkan peruntukan berjumlah RM28.6 juta.

Negeri Melaka menerima penyerahan 5 projek bawah seliaan PETRA iaitu:

PERTAMA : Projek Pemuliharaan Muara Sungai Baru, Daerah Alor Gajah
KEDUA : Projek Pemuliharaan Muara Sungai Punggor, Daerah Melaka Tengah
KETIGA : Projek Mencegah Hakisan Pantai Telok Gong, Daerah Alor Gajah
KEEMPAT : Projek Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri Untuk Program Ramalan Dan Amaran Banjir (PRAB) Fasa II
KELIMA : Kerja-Kerja Pemasangan Dan Naiktaraf Peralatan Mekanikal Dan Elektrikal Bagi Sistem Rangkaian Hidrologi Nasional (RHN)



Penyerahan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Rozman bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia selaku wakil Kerajaan Persekutuan dan YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka selaku wakil Kerajaan Negeri Melaka.



Gambar kenangan antara delegasi Kerajaan Negeri Melaka dan delegasi Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bersama Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Ketua Menteri Melaka.

12. Program *Melaka Night Life*

Program *Melaka Night Life* merupakan salah satu program anjuran Kerajaan Negeri Melaka bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang julung kali diadakan pada 15 Disember 2024 sempena Program PDRM bersama Kerajaan Negeri Melaka yang berlangsung selama tiga hari di negeri Melaka.

Antara pengisian program *Melaka Night Life* ialah pertunjukan payung terjun oleh Unit Payung Terjun 69 Komando PDRM, persembahan pancaragam, kawad patung dan kawad senyap dari Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur, kawad kaki senyap dari PULAPOL Ayer Hitam, persembahan bermotosikal, T Baton serta persembahan daripada Unit Anjing Pengesan (K9) PDRM.

Program *Melaka Night Life* telah dihadiri oleh ribuan rakyat Melaka yang berlangsung di Persiaran Merdeka, Banda Hilir, Melaka.



Tetamu kehormat menerima tabik hormat daripada perbarisan anggota PDRM.



Sketsa pendek adegan tembak menembak antara samseng yang menyeludup senjata api dan Pasukan Gerakan Am (PGA).



Persembahan Perbarisan Kawad Kaki oleh pasukan PDRM.



Antara persembahan semasa *Melaka Night Life.*

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

PENDAHULUAN

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk memastikan dasar dan pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) kerajaan negeri selaras dengan dasar dan panduan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) kerajaan. BTMK juga merancang, melaksana dan menambah baik keperluan TMK Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Melaka bagi meningkatkan kecekapan jentera dan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan. Penyelarasan keperluan teknologi maklumat dan komunikasi Jabatan Kerajaan Negeri Melaka dengan Kerajaan Persekutuan juga merupakan tugas berat yang perlu dilaksanakan bahagian ini kerana melibatkan sistem sokongan dan data-data rahsia kerajaan, terutama apabila semakin banyak aplikasi yang disediakan dalam talian. BTMK turut memberikan khidmat nasihat dan bantuan sokongan teknikal teknologi maklumat kepada jabatan dan agensi kerajaan negeri yang memerlukannya.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. **Bengkel Penetapan KPI Flagship 8: Teknologi dan Komunikasi Digital bagi Tahun 2024 bawah Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035)**

   Bengkel Penetapan KPI Flagship 8: Teknologi dan Komunikasi Digital telah diadakan pada 5 Februari hingga 7 Februari 2024 bertempat di Hotel Grand Paragon, Johor Bahru yang melibatkan penyertaan daripada 20 agensi pelaksana. Flagship 8: Teknologi dan Komunikasi Digital diletakkan bawah portfolio Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital (STIKD) yang dipengerusikan oleh YB Datuk Fairul Nizam bin Roslan, Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital dan dibantu oleh Timbalan Pengerusi, YB Datuk Mohd Noor Helmy bin Abdul Halim. Bengkel ini diadakan bertujuan menyelaraskan projek atau program baharu oleh agensi pelaksana Flagship 8 di bawah 6 Strategi Utama seperti Memantapkan Pembangunan Infrastruktur Komunikasi dan Digital, Memperluaskan Platform dan Aplikasi Digital, Memperkasa Smart Melaka, Memacu Melaka Ke Arah Bio-inovasi untuk Kemakmuran Ekonomi, Kesejahteraan Sosial dan Kemampanan Negeri, Meningkatkan Kesedaran dan Kefahaman Masyarakat Terhadap Dasar dan Inisiatif Kerajaan di Peringkat Nasional dan Negeri serta Memacu Modal Insan Berinovasi dan Teknologi. Penyelarasan senarai projek atau program yang dirancang juga dibuat agar pelan tindakan dan senarai projek selaras dengan Smart Melaka Blueprint (SMB 2035).





Bengkel Penetapan KPI Flagship 8: Teknologi dan Komunikasi Digital.

2. Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tempoh 2024-2028

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Melaka bagi Tempoh 2024-2028 telah diadakan di Hotel Tunamaya, Desaru, Johor selama 5 hari bermula dari 22 Julai hingga 26 Julai 2024 yang melibatkan penyertaan daripada 20 Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Melaka termasuk Pihak Pentadbiran Tanah Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri dan juga pihak perunding daripada Jabatan Digital Negara, Kementerian Digital.

PSP Kerajaan Negeri Melaka 2024-2028 ini dibangunkan dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada Bahagian Perundingan Digital, Jabatan Digital Negara. Bengkel ini mempunyai lima fasa utama, antaranya ialah Fasa Mobilisasi, Fasa Analisis, Fasa Strategi, Fasa Formulasi dan Fasa Dokumentasi. Dokumen PSP yang dibangunkan ini adalah kesinambungan daripada Pelan Strategik ICT (PSICT) 2019 – 2023 sebagai usaha menyokong kejayaan pelaksanaan Program Transformasi Nasional di samping mempertingkat sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri Melaka.







Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tempoh 2024-2028.

3. Sesi Libat Urus (SLU) Perkongsian Data Sektor Awam bagi Agensi di Melaka

Kerajaan Negeri Melaka melalui Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) dengan kerjasama Bahagian Kerajaan Digital, Jabatan Digital Negara, Kementerian Digital telah menganjurkan Sesi Libat Urus (SLU) Perkongsian Data Sektor Awam bagi Agensi di Melaka di Hotel Hatten, Melaka pada 8 Ogos 2024. SLU ini melibatkan 70 orang peserta daripada Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri Melaka yang bertujuan memberi panduan kepada Agensi Sektor Awam melaksanakan perkongsian data merentas agensi. Pada masa yang sama, Ekosistem Perkongsian Data Sektor Awam yang dikenali sebagai MyGDX juga telah dibangunkan sebagai pemangkin pelaksanaan perkongsian data Sektor Awam.







Sesi Libat Urus (SLU) Perkongsian Data Sektor Awam bagi Agensi di Melaka.

4. Hari Keselamatan Siber Negeri Melaka

Hari Keselamatan Siber Negeri Melaka 2024 telah diadakan dari 4 November hingga 5 November 2024 bertempat di Hotel Ames, Ayer Keroh, Melaka yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Fairul Nizam bin Roslan, Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital dan turut sama hadir ialah YB Datuk Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem selaku Timbalan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital.

Pengisian program meliputi 12 sesi perkongsian maklumat berkaitan keselamatan siber oleh Bank Negara Malaysia, PDRM, Cybersecurity Malaysia, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan dan juga lapan syarikat penyedia produk keselamatan siber. Selain itu, terdapat juga reruai pameran dan kuiz berkaitan isu-isu keselamatan siber. Peserta program merupakan wakil Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Melaka dan mereka didedahkan dengan isu-isu terkini berkenaan keselamatan siber, arahan-arahan dan garis panduan baharu kerajaan, teknologi dan produk keselamatan siber yang terkini di pasaran serta mewujudkan pasukan keselamatan siber negeri Melaka yang lebih proaktif untuk mengurus dan mengawal insiden keselamatan siber di negeri Melaka.









Hari Keselamatan Siber Negeri Melaka dari 4 November hingga 5 November 2024.

5. Mesyuarat Penilaian Prestasi Tahunan 2024 dan Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2025 Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Ketua Menteri Melaka Tahun 2024

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) telah menganjurkan Mesyuarat Penilaian Prestasi Tahunan 2024 dan Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2025 selama tiga hari bermula dari 24 November hingga 26 November 2024 bertempat di Bertam Resort, Pulau Pinang. Bengkel ini disertai oleh 48 orang peserta yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua warga kerja mengenai peranan, pembentukan dan penilaian Sasaran Kerja Tahunan yang lebih objektif dan komprehensif. Selain itu, ianya juga bagi menetapkan dan menyusun semula perancangan dan program tahunan bagi tahun 2025 untuk memastikan sasaran yang telah ditetapkan adalah realistik dan selari dengan matlamat hala tuju pembangunan Kerajaan Negeri.









Mesyuarat Penilaian Prestasi Tahunan 2024 dan Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2025 Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Ketua Menteri Melaka Tahun 2024.

6. Majlis Digital Negeri Melaka

Majlis Digital Negeri Melaka ditubuhkan bertujuan untuk mencipta peluang pendapatan dalam ekonomi digital dan menyelaraskan pelbagai inisiatif berkaitan dengan digital yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Majlis ini dipengerusikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka dan dianggotai oleh 15 orang ahli tetap daripada pelbagai latar belakang serta bidang kepakaran dan boleh ditambah mengikut keperluan. Mesyuarat Majlis Digital Negeri Melaka telah diadakan pada 15 November 2024 bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan pembangunan dan pendigitalan negeri Melaka.





Mesyuarat Majlis Digital Negeri Melaka Bil. 1/2024 pada 15 November 2024.

7. Kajian Penilaian Outcome (KPO) dan Pembangunan Laporan Pengurusan Amalan Projek Terbaik bagi Pelaksanaan Sistem Tender Online Melaka (STOM)

Kajian Penilaian Outcome (KPO) bagi Sistem Tender Online Melaka (STOM) telah dilaksanakan bagi tujuan untuk menilai implikasi pelaksanaan projek terhadap pihak berkepentingan serta tahap keberhasilan objektif projek. Skop kajian melibatkan pengumpulan sampel data daripada enam agensi terpilih (data sebelum pelaksanaan STOM) serta maklumat dari pangkalan data STOM untuk tempoh empat tahun bermula tahun 2020 sehingga tahun 2023. Sebanyak dua set borang kaji selidik telah disediakan melibatkan responden bagi kategori pengguna agensi dan pengguna syarikat. Tempoh kajian adalah selama enam bulan bermula dari pembentukan terma rujukan (TOR) dan penubuhan pasukan projek pada Januari 2024 sehinggalah selesai penulisan laporan pada 15 Jun 2024.

Penyediaan laporan ini adalah bagi menyertai pertandingan Anugerah Pembangunan Negeri Melaka 2024 bagi kategori Kajian Penilaian Outcome Terbaik (Kluster Sistem) dan kategori Pengurusan Amalan Projek Terbaik Negeri Melaka (Projek Bukan Fizikal). Pembentangan separuh akhir bagi kategori KPO telah diadakan pada 17 Julai 2024. Projek STOM telah terpilih ke peringkat akhir bagi kedua-dua kategori dan pembentangan akhir diadakan pada 3 Disember 2024 semasa Konvensyen Pembangunan Projek Negeri Melaka 2024.

Dalam Majlis Anugerah Pembangunan Negeri yang telah diadakan pada 7 Februari 2025, projek STOM versi 2.0 telah menjadi Johan bagi kategori Kajian Penilaian Outcome Terbaik (Kluster Sistem), Anugerah Pengurusan Amalan Projek Terbaik Negeri Melaka (Projek Bukan Fizikal) serta Anugerah Keseluruhan Projek Terbaik Negeri Melaka tahun 2024. Pelaksanaan pembangunan laporan projek terbaik dan KPO berfungsi sebagai alat pengukuran prestasi bagi STOM untuk melihat dan menilai sejauh mana projek ini mencapai sasaran yang ditetapkan. Laporan ini juga penting sebagai pelaporan kepada pihak berkepentingan untuk menunjukkan bahawa dana dan sumber telah digunakan dengan berkesan dan memberi impak yang signifikan.



Penyampaian Hadiah pada Majlis Anugerah Pembangunan Negeri Melaka.

8 Pembangunan Baharu dan Penaiktarafan Papan Pemuka dan Kandungan Digital Melaka Digital Command Centre (MD2C) Fasa III

Melaka Digital Command Centre (MD2C) merupakan pusat bagi kandungan digital terselaras dan platform Data Raya Negeri Melaka. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2024, papan pemuka bagi Business Requirement Specification (BRS) iaitu Profil Penerima Bantuan bagi Portfolio Pertanian Negeri Melaka dan Pengurusan Usahawan Bersepadu telah selesai dibangunkan. Selain itu, satu portal data untuk paparan awam juga telah dibangunkan di mana sumber data adalah daripada papan pemuka yang telah dibangunkan dalam MD2C seperti papan pemuka pelancongan, aduan, cuaca dan juga sumber daripada Data Asas Negeri Melaka.

Dengan adanya pertambahan papan pemuka dan kandungan digital di MD2C, pelbagai sumber data dapat diperolehi di satu tempat sahaja dan ini memudahkan pengurusan atasan atau *stakeholder* membuat keputusan berdasarkan papan pemuka dan analitis data raya yang telah dibangunkan. MD2C juga menjadi pusat rujukan bagi jabatan/agensi sama ada dari dalam Melaka dan dari luar Melaka yang menjadikan MD2C sebagai rujukan dalam membangunkan papan pemuka dan analitis data raya di agensi masing-masing.





Antaramuka *Dashboard* BRS 1: Profil Penerima Bantuan bagi Portfolio Pertanian Negeri Melaka dan BRS 5: Pengurusan Usahawan Bersepadu Negeri Melaka.



Antaramuka Portal Rasmi Data Negeri Melaka.

9. Penambahbaikan Sistem Kampung Digital Versi 1.0

Sistem Kampung Digital Versi 1.0 telah ditambah baik bagi memastikan kefungsian sistem sentiasa selari dengan keperluan semasa pengguna. Skop penambahbaikan sistem termasuklah pembangunan dua modul baharu iaitu Modul Pengurusan Pengguna dan Modul Admin Agensi untuk kegunaan kakitangan Pegawai Sambilan Harian (PSH) di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) serta menambah baik fungsi sedia bagi Modul Jana Pelekat dan Modul Laporan. Kerja-kerja penambahbaikan sistem selesai dalam tempoh lebih kurang satu bulan iaitu bermula 15 Oktober 2024 dan selesai pada 15 November 2024. Dengan penambahbaikan yang dilaksanakan, kerja-kerja penjanaan pelekat dapat dilaksanakan dengan lebih mudah, cekap dan pantas.



Antaramuka Modul Pengurusan Pengguna.

10. Penaiktarafan dan Penyelenggaraan Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Negeri Melaka (MelakaPay) Fasa VI

Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Negeri Melaka (MelakaPay) merupakan Pusat Sehenti untuk semakan dan pembayaran pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Melaka menerusi portal dan aplikasi mudah alih MelakaPay. Inisiatif ini dapat membantu orang awam di negeri Melaka secara umumnya dan khususnya kepada orang awam di luar negeri Melaka untuk membuat pembayaran dengan mudah, cepat dan selamat tidak kira masa dan di mana jua.

Pelaksanaan projek menaik taraf dan menyelenggara Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Negeri Melaka (MelakaPay) Fasa VI bertujuan untuk memperluas jenis dan bilangan perkhidmatan pembayaran dan menjadikan semua perkhidmatan yang ada di Portal MelakaPay diwujudkan dalam aplikasi mudah alih MelakaPay. Fasa pembangunan projek ini telah bermula pada bulan Ogos 2024 dan akan tamat pada Julai 2026. Setakat ini, Projek MelakaPay Fasa VI telah dan sedang melaksanakan sembilan aktiviti penambahan dan perkhidmatan baharu, juga dilaksanakan di aplikasi mudah alih.





Antaramuka Aplikasi Mobil MelakaPay versi 1.2.2.

11. Pelaksanaan Sistem Tender Online Melaka (STOM) dan Perluasan Penggunaan

Pelaksanaan Sistem Tender Online Melaka (STOM) dan perluasan penggunaannya telah mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2024. Jabatan/Agensi baru yang menggunakan STOM bermula tahun 2024 termasuklah PANORAMA Melaka, Majlis Sukan Negeri Melaka (MSN), Pusat Zakat Melaka dan Pejabat Perikanan Negeri Melaka. Bagi memastikan pelaksanaan sistem berjalan lancar, satu Sesi Latihan Pengguna telah diadakan pada 23 Februari 2024, diikuti Sesi Latihan Teknikal (untuk pasukan STOM BTMK) pada 10 Jun 2024. Mesyuarat Penyelarasan STOM juga turut diadakan pada 15 Mac 2024 untuk memastikan semua persediaan berjalan lancar sebelum pelancaran. Versi terkini sistem STOM 2.0 telah mula digunakan secara rasmi pada 20 Mac 2024 yang menawarkan peningkatan ketara terhadap tahap kecekapan pengurusan tender di negeri Melaka.



Antaramuka Utama Sistem Tender Online Melaka (STOM) Versi 2.0.

12. Pembangunan Sistem Bantuan Susu Lampin Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Sistem Bantuan Susu Lampin dibangunkan bagi tujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan bantuan susu dan lampin oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka. Sistem ini mula dibangunkan pada bulan Mei 2024. Sesi Perbincangan Keperluan Pengguna (URS) telah diadakan pada 2 Mei 2024 dan Sesi Pembentangan serta demo versi 1.0 telah dilaksanakan pada 30 Julai 2024. Tempoh pembangunan adalah selama lima bulan bermula selepas dokumen URS dimuktamadkan dan pembangunan selesai pada Disember 2024. Terdapat lima modul utama dalam sistem ini iaitu Modul Permohonan, Modul Pengurusan Stok, Modul Admin Agensi, Modul Pengurusan Pengguna dan Modul Laporan. Pemantauan dan penyelarasan bantuan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur serta memudahkan pemohon untuk semakan status permohonan secara dalam talian, penjanaan laporan yang telus dan tepat serta pengurusan stok susu dan lampin secara lebih sistematik, seterusnya meningkatkan produktiviti dan keberkesanan keseluruhan dalam pengurusan bantuan susu dan lampin oleh JKM.



Antaramuka Utama Sistem Bantuan Susu Lampin JKM.

13. Penambahbaikan Sistem Psikometrik Negeri Melaka

Penambahbaikan Sistem Psikometrik Negeri Melaka dilaksanakan bagi memastikan kefungsian sistem sentiasa selari dengan keperluan semasa. Skop penambahbaikan melibatkan Modul Calon Temuduga dan dokumen Panduan Pengguna. Penambahbaikan sistem ini telah diselesaikan pada 15 April 2024 dan mula diguna pakai mulai 2 Mei 2024. Penambahbaikan ini bukan sahaja memudahkan proses pentadbiran tetapi juga memberikan pengalaman yang lebih baik kepada calon dengan penyediaan panduan pengguna yang ringkas dan mudah difahami. Selain itu, calon juga diberi kemudahan mencetak Slip Menduduki Ujian setelah selesai menjawab semua soalan.



Paparan bagi Dokumen Panduan Pengguna.



Paparan bagi Pengguna Menduduki Ujian.

14. Penambahbaikan Sistem Melaka Laksana dan Papan Pemuka *Power Business Intelligent* (BI)

Sistem Melaka Laksana beserta papan pemuka Power BI telah ditambah baik berdasarkan maklumbalas daripada pihak pengguna dan pemilik sistem, iaitu pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dalam Sesi Perbincangan Keperluan Pengguna yang diadakan pada 7 Mei 2024 serta input yang diterima dalam Sesi Bengkel Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya yang telah diadakan pada 6 Julai hingga 8 Julai 2024 di Terengganu. Terdapat satu modul baharu yang dibangunkan iaitu Modul Pendaftaran Indikator beserta papan pemuka indikator untuk modul tersebut. Penambahbaikan modul pendaftaran selesai sepenuhnya pada 30 Jun 2024 dan mula diguna pakai pada 2 Julai 2024, manakala pembangunan papan pemuka indikator selesai sepenuhnya pada 31 Oktober 2024. Penambahbaikan ini membolehkan pihak agensi dan pengurusan atasan melihat pelaporan dalam format indikator projek yang kemas, lengkap dan mudah difahami.





Papan Pemuka Indikator dan Antaramuka Modul Indikator – Fungsi Daftar.

15. Penambahbaikan Sistem Maklumat Penerima Bantuan Negeri Melaka (eMPBM)

Sistem eMPBM telah ditambah baik yang melibatkan pembangunan integrasi antara pangkalan data penerima bantuan di Sistem eTAPEM dengan pangkalan data sistem eMPBM, penambahbaikan Modul Laporan dan menaiktaraf papan pemuka eMPBM supaya lebih menarik dan kemas. Kerja-kerja pembangunan integrasi mengambil masa selama tiga bulan, yang bermula selepas sesi perbincangan bersama pihak teknikal Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) pada 15 Januari 2024. Penambahbaikan selesai pada 15 Mac 2024 dan Sesi Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) telah diadakan pada 29 Mac 2024. Dengan pembangunan integrasi ini, pengurusan data menjadi lebih cekap dan teratur sekaligus mengurangkan risiko kesalahan dan pertindihan data serta memastikan maklumat penerima bantuan (TAPEM) sentiasa tepat dan terkini. Modul Laporan dan papan pemuka eMPBM yang ditambah baik pula membolehkan pemantauan yang lebih telus dan sistematik.



Paparan Papan Pemuka Sistem Maklumat Penerima Bantuan Negeri Melaka (eMPBM).

16. Penambahbaikan Sistem ePantun (Pangkalan Data Pantun) dan Portal Pantun Negeri Melaka

Sistem ePantun telah ditambah baik bagi memenuhi keperluan semasa pengguna dan pemilik sistem, iaitu pihak Institut Tun Perak (ITP). Kerja-kerja penambahbaikan bermula sebaik sahaja selesai Sesi Perbincangan Keperluan Pengguna yang diadakan pada 16 Ogos 2024 dan selesai pada 30 September 2024. Penambahbaikan sistem melibatkan pembangunan dua modul baharu iaitu 1 Public 1 Pantun (1P1P) dan 1 Sidang 1 Pantun (1S1P). Selain itu, antaramuka Portal Pantun Negeri Melaka turut dinaik taraf agar lebih menarik dan mesra pengguna. Dengan pembangunan Modul 1P1P, orang ramai boleh menyumbang pantun ciptaan mereka untuk dipaparkan dalam Portal Pantun sekiranya melepasi tapisan dari ITP selaku urusetia.



Borang Pendaftaran Pantun dalam Modul 1P1P.

17. Penambahbaikan Sistem Melaka Monitor

Penambahbaikan Sistem Melaka Monitor telah dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan projek di negeri Melaka. Sistem ini diperbaharui dengan memperkenalkan dua ciri baharu iaitu Fungsi *S-Curve* di mana pemantauan projek dibuat berdasarkan kemajuan dari segi masa dan kos, dan Modul Notifikasi yang bertujuan memberi amaran awal sekiranya terdapat sebarang masalah dalam projek yang boleh menyebabkan kelewatan atau kegagalan projek. Penambahbaikan sistem telah selesai pada 15 Disember 2024 dan dijangka mula diguna pakai pada Mac 2025 setelah sesi latihan pengguna diadakan.



Contoh Graf S-Curve.

18. Penaiktarafan Sistem Intranet Kerajaan Negeri Melaka

Sistem Intranet Kerajaan Negeri Melaka versi 2.0 telah mula diguna pakai sejak 1 November 2019 di mana kakitangan awam negeri Melaka boleh mengakses pelbagai modul seperti Aduan Kerosakan Komputer, Tempahan Bilik Mesyuarat, Tempahan Kenderaan, Pinjaman Peralatan Komputer, Direktori Kakitangan dan sebagainya. Setelah tiga tahun penggunaan sistem ini, terdapat ruang untuk penambahbaikan dan pertambahan modul baharu iaitu :

- Modul permohonan/perubahan sistem/operasi ICT (Borang C).
- Modul penamatan akaun aplikasi dan pemulangan peralatan ICT (Borang J).



Antaramuka Sistem Intranet Kerajaan Negeri Melaka versi 2.0.

19. Penaiktarafan Perkakasan dan Perisian Sistem Pengoperasian dan Virtualisasi Server di Pusat Data (DC) dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) Negeri Melaka

Projek ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan infrastruktur virtualisasi di Pusat Data (DC) dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) negeri Melaka bagi menjamin kelancaran operasi sistem dengan peningkatan kecekapan pengurusan data dan aplikasi kritikal. Projek ini juga memastikan kesediaan tinggi (high availability) bagi sistem pengoperasian dan virtualisasi server yang berada di DC dan DRC Negeri Melaka dan mengurangkan risiko gangguan perkhidmatan. Kerja-kerja naik taraf telah mengambil masa selama lapan bulan bermula Mac 2024 hingga November 2024.



Antaramuka Papan Pemuka Perisian Sistem Virtualisasi-Harvester di Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) Negeri Melaka.

20. Penaiktarafan Dua Perkakasan Bekalan Kuasa Tanpa Gangguan (UPS) Berpusat dan 80 Unit Bateri bagi Menyokong Keperluan Perkakasan di Pusat Data (DC) dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) Negeri Melaka

Projek ini bertujuan untuk menyediakan sistem bekalan kuasa tanpa gangguan (UPS) yang lebih stabil dan berkapasiti tinggi bagi menyokong operasi kritikal di Pusat Data (DC) dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) negeri Melaka. Ia juga memastikan kesinambungan operasi sistem dengan menaik taraf 80 unit bateri bagi menyokong beban kuasa tambahan. Selain mengurangkan risiko gangguan bekalan elektrik yang boleh menjejaskan pengoperasian perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), ia juga menyokong peningkatan keperluan kuasa berikutan penambahan perkakasan teknologi maklumat. Kerja-kerja naik taraf telah mengambil masa selama tujuh bulan bermula dari Mac 2024 hingga Oktober 2024.

Komponen-komponen utama adalah seperti dua unit UPS berpusat berkapasiti tinggi dengan teknologi terkini, 80 unit bateri berprestasi tinggi, sistem pengurusan kuasa dan pemantauan UPS secara berpusat, kerja-kerja pemasangan, ujian dan pentauliahan dan latihan serta dokumentasi teknikal kepada kakitangan yang berkaitan. Projek ini memastikan kelangsungan operasi DC dan DRC yang lebih stabil serta berdaya tahan bagi memenuhi keperluan TMK yang semakin meningkat.



Antaramuka Konsol UPS Berpusat.

21. Perluasan dan Penaiktarafan WiFi Percuma Negeri Melaka

Perluasan dan naik taraf WiFi percuma negeri Melaka telah dilaksanakan bertujuan untuk memberi kemudahan tambahan terutamanya di kaunter-kaunter perkhidmatan kerajaan, tempat-tempat tumpuan pengunjung dan juga Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) seluruh negeri Melaka. Pemasangan peralatan telah dimulakan pada 23 September 2024 dan hingga selesai iaitu pada 6 Oktober 2024. Kerja-kerja dijalankan adalah melibatkan 20 lokasi perluasan dan 29 lokasi naik taraf.



Perluasan dan Penaiktarafan Peralatan WiFi Kerajaan Negeri Melaka.

22. Penaiktarafan Perhubungan, Interaksi dan Komunikasi Infrastruktur Rangkaian 1Melaka*Net bagi Jabatan Negeri dan Pejabat Cawangan Daerah di Negeri Melaka.

Pelaksanaan projek menaik taraf perhubungan, interaksi dan komunikasi infrastruktur rangkaian 1Melaka*Net bagi Jabatan Negeri dan Pejabat Cawangan Daerah adalah bertujuan untuk menaik taraf peralatan rangkaian yang telah usang, tiada alat ganti dan tiada sokongan teknikal dari pengeluar. Pelaksanaan kerja telah dimulakan pada 6 September 2024 dan hingga selesai iaitu pada 23 Oktober 2024. Kerja yang dilaksanakan melibatkan pemasangan, konfigurasi, pengujian dan pentauliahan empat unit suis teras, 51 unit suis akses dan peralatan lain yang berkaitan.





Penaiktarafan Perhubungan, Interaksi dan Komunikasi Infrastruktur Rangkaian 1Melaka*Net bagi Jabatan Negeri dan Pejabat Cawangan Daerah di Negeri Melaka.

23. Perkhidmatan Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Secara Sewa Guna Selama Tiga Tahun untuk Kegunaan Jabatan Ketua Menteri Melaka

BTMK telah melaksanakan kajian keperluan baharu dan penggantian peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) untuk Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Melaka pada awal tahun 2024. Perolehan secara sewa guna peralatan TMK merangkumi komputer peribadi, pencetak peribadi dan komputer riba dilaksanakan bagi menampung keperluan baharu dan penggantian peralatan TMK untuk Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Melaka. Projek bermula dengan mesyuarat permulaan yang telah diadakan pada 18 September 2024 dan perkakasan-perkakasan siap dihantar, dipasang, diuji dan digunakan pada 6 Disember 2024. Senarai peralatan dan perkakasan TMK yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Item	Kuantiti
1.	Komputer Peribadi	56
2.	Pencetak Peribadi	30
3.	Komputer Riba	20







Perkhidmatan Peralatan TMK Secara Sewa Guna.

24. Pemasangan LED di Kompleks Seri Negeri bagi Jabatan Ketua Menteri Melaka

BTMK telah melaksanakan perolehan dan pemasangan seunit skrin LED di Bilik Mesyuarat Tun Mutahir, Jabatan Ketua Menteri Melaka bagi menggantikan kelengkapan sedia ada yang telah usang. Perolehan secara sebut harga ini merangkumi beberapa komponen seperti skrin LED, komputer peribadi, sistem video, sistem kawalan dan paparan projektor. Projek bermula dengan mesyuarat permulaan yang telah diadakan pada 26 April 2024 dan perkakasan siap dihantar, dipasang, diuji dan digunakan pada 24 Jun 2024.







Pemasangan LED di Kompleks Seri Negeri bagi Jabatan Ketua Menteri Melaka – Peralatan Sokongan Paparan LED.

25. Perolehan iPAD Pro Wi-Fi Cellular 256GB

Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi (BTMK) telah diminta melaksanakan perolehan sebanyak 16 unit iPad Pro Wi-Fi Cellular 256GB bagi kegunaan rasmi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN), YB Ex-Officio dan Setiausaha Mesyuarat serta dipanjangkan kepada Setiausaha Politik kepada YAB Ketua Menteri Melaka. Projek bermula dengan mesyuarat permulaan yang telah diadakan pada 7 Ogos 2024 dan perkakasan siap dihantar, dipasang, diuji dan digunakan pada 9 Ogos 2024.



UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

PENDAHULUAN

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) merupakan sebuah organisasi bawah Sektor Pembangunan, Jabatan Ketua Menteri Melaka dengan objektif merancang, menyelaras, memantau dan menilai dasar strategi dan program-program pembangunan ekonomi negeri Melaka untuk mencapai matlamat sosioekonomi yang ditetapkan oleh Kerajaan serta menggalakkan penyertaan aktif sektor swasta.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Sesi Taklimat Pembangunan Negeri Melaka Bersempena Lawatan Kerja YAB Perdana Menteri ke Melaka

Sesi Taklimat Pembangunan Negeri Melaka bersempena Lawatan Kerja YAB Perdana Menteri ke Melaka telah diadakan pada 9 Februari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Tun Mutahir, Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka.

Taklimat telah disampaikan oleh YAB Ketua Menteri Melaka kepada YAB Perdana Menteri. Hadir sama pada sesi taklimat adalah Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, barisan Exco Negeri Melaka, wakil kementerian dan ketua-ketua jabatan negeri.







2. Bengkel Pelaksanaan SMART Melaka Blueprint 2035: Standard Indikator Bandar Pintar MS ISO 37122:2019 dan Lawatan Penanda Aras ke Cyberview, Cyberjaya

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah menganjurkan Bengkel Pelaksanaan Bandar Pintar MS ISO 37122:2019 dan Lawatan Penanda Aras ke Cyberview, Cyberjaya dari 25 Februari hingga 27 Februari 2024 bertempat di Malaysian Industry-Government Group For High Technology (MIGHT).

Sebanyak 44 orang pegawai daripada 20 agensi kerajaan negeri dan kerajaan pusat telah menghadiri bengkel ini. Bengkel ini turut dihadiri oleh wakil dari PlanMalaysia Putrajaya, Cybersecurity Malaysia, Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute (MARii) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).





3. Bengkel Sifar Miskin Tegar Negeri Melaka Tahun 2024

Bengkel Sifar Miskin Tegar Negeri Melaka Tahun 2024 telah diadakan bertujuan untuk membincang, merangka dan memperhalusi gerak kerja dalam memastikan negeri Melaka mencapai Sifar Miskin Tegar pada tahun 2024. Bengkel telah diadakan dari 13 Mei hingga 15 Mei 2024 bertempat di Hotel Dorset Putrajaya dan dirasmikan oleh Puan Wan Rafidah binti Awg Isa, Setiausaha Bahagian, Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka.

Pada tahun 2023, Negeri Melaka telah berjaya mencapai sifar miskin tegar seiring dengan hasrat Kerajaan Persekutuan yang mempunyai misi mencapai Sifar Miskin Tegar pada tahun 2025.







4. Bengkel Pengurusan Amalan Projek Terbaik Peringkat Negeri Melaka Tahun 2024

Bengkel Pengurusan Amalan Projek Terbaik Peringkat Negeri Melaka Tahun 2024 telah dianjurkan oleh Seksyen Projek, Pelaksanaan, Pemantauan dan GIS Negeri Melaka (P3), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dari 24 Mei hingga 26 Mei 2024 bertempat di Grand Paragon Hotel, Johor Bahru. Bengkel telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan).





5. Sesi Libat Urus Bajet Pembangunan Negeri Melaka Tahun 2025 Bersama YB Exco dan ADUN Melaka

Sesi Libat Urus Bajet Pembangunan Negeri Melaka Tahun 2025 bersama YB Exco dan ADUN Melaka telah diadakan dari 20 Mei hingga 21 Mei 2024 bertempat di Hotel Hatten Melaka. Sesi libat urus ini dihadiri oleh 142 orang peserta. Objektif utama penganjuran sesi libat urus ini adalah bagi membincangkan secara menyeluruh mengenai cadangan projek-projek yang bakal diangkat bawah Peruntukan Pembangunan Negeri bagi tahun 2025.





6. Bengkel Pembangunan Kerajaan Negeri Melaka dan Lawatan Kerja ke Tapak Kapal KD Hang Tuah, Lumut, Perak

Lawatan kerja ke tapak Kapal KD Hang Tuah di Lumut, Perak telah diadakan dari 7 Ogos hingga 9 Ogos 2024. Lawatan ini dilaksanakan setelah pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka menerima permohonan projek penswastaan daripada syarikat swasta untuk cadangan menunda Kapal KD Hang Tuah daripada Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lumut ke negeri Melaka. Lawatan telah diketuai oleh YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan disertai oleh Ketua-ketua Unit bawah Bahagian Pembangunan Negeri Melaka.





7. Mesyuarat dan Lawatan Kerja YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka ke Pulau Pinang

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka telah mengambil inisiatif mengadakan lawatan kerja di kawasan penambakan laut Pulau Pinang dari 1 September hingga 3 September 2024 bagi mendapatkan gambaran secara fizikal pembangunan projek penambakan laut Pulau Pinang untuk diimplimentasikan di negeri Melaka supaya pembangunan penambakan laut di negeri Melaka teratur dan seimbang selaras dengan Pelan Induk Kawasan Tambak Laut. Lawatan ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Pulau Pinang dan juga Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).





8. Pameran Malaysia Agriculture Horticulture and Agrotourism International Show (MAHA) 2024

Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 telah berlangsung dari 11 September hingga 22 September 2024 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS). Kerajaan Negeri Melaka telah menyertai pameran ini dengan penyertaan sebanyak 28 orang usahawan di "Pavilion Melaka". Pameran kali ini mengetengahkan tema *Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom* dan telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Melaka pada 12 September 2024.









9. Majlis Menandatangani Perjanjian Antara Kerajaan Negeri Melaka Dengan Koridor Utiliti Melaka Sdn. Bhd. Bagi Cadangan Penubuhan Koridor Utiliti Melaka (KUM) Di Negeri Melaka

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) Penubuhan Koridor Utiliti Melaka (KUM) antara Kerajaan Negeri Melaka dengan Koridor Utiliti Melaka Sdn. Bhd. telah dilaksanakan pada 15 November 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Tun Mutahir, Seri Negeri yang disaksikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Perjanjian ini ditandatangani oleh YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri mewakili Kerajaan Negeri Melaka; manakala Koridor Utiliti Melaka Sdn. Bhd. diwakili oleh Encik Ismael bin Hamdan, Ketua Pegawai Eksekutif.

KUM ditubuhkan bertujuan melaksanakan sebahagian fungsi Bahagian Koridor Infrastruktur dan Impak Sosial (BKI) sedia ada sebagai *first entry point* bagi permohonan *Underground Detection and Mapping* (UDM). Selain itu, KUM juga akan melaksanakan kerja-kerja baharu seperti:

a. Rangkaian Fiber Optik Akses Terbuka (*Open Access*),
b. Tiang Gentian Optik Bersepadu dan Gunasama (*Overhead Pole*), dan
c. Terowong Utiliti Bersepadu/ *Dedicated Utilities Road Crossing* (DURC).





10. Selangor International Expo (Food & Beverages) (SIE F&B))

Selangor International Expo (Food & Beverages) 2024 telah diadakan dari 16 Oktober hingga 19 Oktober 2024 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Ianya merupakan sebuah ekspo antarabangsa yang diadakan bertujuan bagi membina jaringan perniagaan, memudahkan urusan perolehan sumber dan jual beli produk yang berkualiti dalam kalangan usahawan sama ada dari dalam mahupun luar negara. UPEN telah menyelaraskan penyertaan sebanyak enam orang usahawan semasa SIE F&B ini iaitu Cahaya Mala Enterprise, Koko Minda Food (M) Sdn. Bhd., SB Ramlah Enterprise, Farhan Adam, Serai Malaya Sdn. Bhd., dan Al-Fateh Enterprise.





Kehadiran Permaisuri Selangor ke Pavillion Negeri Melaka.

11. Melaka Festival 2024

Melaka Festival 2024 adalah inisiatif Kerajaan Negeri Melaka dalam mempromosikan produk usahawan negeri Melaka bukan sahaja untuk rakyat tempatan tetapi juga pengunjung dari luar Melaka. Program ini telah dilaksanakan dari 7 November hingga 10 November 2024 bertempat di AEON Bandaraya Melaka. Sebanyak 36 orang usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) telah terlibat dalam program ini yang julung kali diadakan oleh UPEN. Petronas juga telah terlibat sebagai rakan sinergi utama yang memberi peluang kepada para usahawan untuk menempatkan produk mereka di kedai serbaneka Petronas. Festival ini telah berjaya menjana padanan perniagaan berjumlah RM10.8 juta dan jualan sebanyak RM40,342.00. Selain Petronas, PERKESO dan Giat MARA juga telah sama-sama berganding bahu menjayakan program ini.





12. Melaka Showcase 2024

Melaka Showcase 2024 adalah program anjuran MARA Negeri Melaka bersempena dengan Tahun Melawat Melaka (TMM 2024) yang bertujuan untuk mempromosi produk dan perkhidmatan usahawan yang berpotensi tinggi di luar negeri Melaka. Sebanyak 40 orang usahawan telah terlibat dalam program ini yang telah diadakan di ruang legar Medan MARA Kuala Lumpur dari 27 November hingga 29 November 2024. Program berbentuk karnival keusahawanan ini telah dilaksanakan sebagai salah satu platform mempromosikan produk usahawan negeri Melaka, khususnya pengusaha produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Melaka.





13. Penang International Halal Expo (PIHEC)

Pameran Perdagangan dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) merupakan program pameran halal antarabangsa yang diwujudkan sebagai platform untuk mempromosi dan memasarkan pelbagai produk halal merentasi Asia Tenggara, Asia Barat dan Eropah. Pada tahun 2024, sebanyak lima orang usahawan telah menyertai ekspo ini. Antara produk yang mendapat permintaan ramai adalah Madu Stick Farhan Adam, pes asam pedas dan juga pelbagai jenis sambal.



Reruai Melaka yang menempatkan lima usahawan negeri Melaka



Kunjungan Timbalan EXCO Pulau Pinang ke pavillion Negeri Melaka

14. Sesi Libat Urus Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) Bersama Kementerian Ekonomi

Sesi Libat Urus Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) bersama Kementerian Ekonomi telah diadakan pada 8 November 2024 bertempat di Hotel Hatten dan Hotel Holiday Inn, Melaka. Sesi Libat Urus ini terbahagi kepada dua sesi iaitu:

i. Sesi Dialog YB Menteri bersama Pentadbiran Kerajaan Negeri, Exco, ADUN, Jabatan/ Agensi Negeri, Jabatan/Agensi Persekutuan.

ii. Sesi Madani Mendengar Bersama Rafizi Ramli.

Sesi Libat Urus (SLU) dan *roadshow* diadakan bertujuan untuk membuat hebahan mengenai penyediaan dokumen Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) kepada Kerajaan Negeri dan pihak berkepentingan dan sekaligus bagi mendapatkan input mengenai keperluan dan perancangan pembangunan di peringkat negeri untuk dipertimbangkan dalam dasar RMK-13. Program ini telah dihadiri sebanyak 400 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi negeri Melaka, mahasiswa, belia, wakil Majlis Pekerja, surirumah, ibu tunggal, pemain industri dan juga badan bukan kerajaan.





15. Bengkel Asas Pembangunan Lestari Siri 4 dan Lawatan Kerja Penanda Aras ke Sarawak

Bengkel Asas Pembangunan Lestari Siri 4 dan Lawatan Kerja Penanda Aras ke Sarawak telah diadakan pada 21 November hingga 23 November 2024 bertempat di Hotel Raia, Sarawak dan telah disertai oleh 30 orang peserta iaitu pegawai dan kakitangan UPEN serta agensi bawah Sektor Pembangunan Negeri. Bengkel dan lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan termasuk menerokai potensi hasil baharu berkaitan pembangunan dan ekosistem setempat yang merangkumi bidang pelancongan, pelaburan, pertanian dan pembangunan di Sarawak untuk diaplikasikan di Melaka.





BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PENDAHULUAN

Komited untuk menjadi sebuah organisasi berkeupayaan tinggi dalam memberi perkhidmatan Kelas Pertama melalui inisiatif digitalisasi dan penambahbaikan secara berterusan di dalam penyampaian perkhidmatan dan pembangunan ke arah negeri Lestari 2035.

OBJEKTIF

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Jabatan Ketua Menteri Melaka bertanggungjawab untuk:

1. Memberi perkhidmatan pengurusan sumber manusia yang profesional melalui anggota yang cekap serta sistem penyampaian terkini.
2. Mewujudkan perancangan dan bilangan anggota perkhidmatan awam yang optima.
3. Menentukan urusan perkhidmatan kakitangan dilaksanakan dengan cekap.
4. Mengadakan dan menyelaras latihan kakitangan dengan lebih sistematik dan terancang.
5. Mewujudkan kakitangan yang berdisplin tinggi dan produktif.

FUNGSI

1. Memastikan urusan perkhidmatan seperti pengurusan, elaun dan kemudahan pengambilan serta pasca perkhidmatan anggota perkhidmatan diuruskan dengan teratur.
2. Memperkasakan pembangunan organisasi awam negeri Melaka melalui penstrukturan semula dan pengambilan penjawat awam yang berkualiti tinggi.
3. Mengurus dan memberi khidmat nasihat berkenaan kemajuan kerjaya dan pemantauan prestasi untuk membangunkan warga kerja yang berprestasi tinggi.
4. Mewujudkan pembangunan modal insan kelas pertama melalui kursus dan latihan yang berterusan kepada anggota perkhidmatan awam negeri.
5. Melaksanakan program/aktiviti inovasi dan kreativiti ke arah peningkatan kecekapan sumber manusia dan seterusnya sistem penyampaian perkhidmatan awam negeri.
6. Melaksanakan pengurusan psikologi dalam pembangunan sumber manusia bagi melahirkan anggota perkhidmatan awam negeri yang berprestasi tinggi, akauntabiliti dan boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran yang dinamik.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Program Webinar Psikologi Siri I Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024

Program Webinar Psikologi Siri I telah diadakan secara atas talian pada 7 Februari 2024 yang bertajuk "Duit Kecil Tapi Impian Besar". Objektif penganjuran program ini ialah untuk memberikan kesedaran kepada semua tentang kepentingan pengurusan kewangan dengan merancang perbelanjaan yang berhemah dalam kehidupan seharian. Selain itu, program ini juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan kewangan yang bijaksana bagi menggelakkan risiko keberhutangan serius.





2. Kursus *Art Therapy* di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024

Kursus *Art Therapy* di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024 telah diadakan di Bilik Tanjung, Kompleks Seri Negeri pada 20 Mac 2024. Program ini melibatkan sebanyak 20 orang pegawai dan kakitangan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka. Program ini dianjurkan oleh Unit Psikologi dan Kaunseling, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan peserta dengan lebih luas bagi mendorong meluahkan perasaan dan pemikiran yang boleh diluahkan melalui seni. Selain itu, program ini juga diharapkan dapat memperluaskan jaringan hubungan dan komunikasi dalam kalangan pekerja di pelbagai bahagian dan unit di Jabatan.





3. Majlis Perjumpaan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Bersama Ketua-Ketua Jabatan Negeri Dan Persekutuan Di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka

Satu sesi perjumpaan YB Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) bersama Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka telah diadakan pada 8 Februari 2024 bertempat di Hotel Casa del Rio Melaka. Semasa sesi perjumpaan tersebut, YB Datuk Wira Zaidi bin Johari telah memberikan amanat serta berkongsi hala tuju Perkhidmatan Awam Negeri Melaka khusus bagi tahun 2024. Dengan tema "Menyepakati Polarisasi, Menerajui Aspirasi", beliau telah menerangkan berkenaan konsep **4W1H (What, When, Where, Who & How)** dan bagaimana ianya dapat diaplikasikan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi dalam menghasilkan perkhidmatan yang terbaik dan juga menyentuh berhubung amanat yang telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara yang menekankan berkenaan integriti penjawat awam dalam melaksanakan tugasan. Bersempena Tahun Melawat Melaka 2024, beliau juga telah mengingatkan semua Ketua Jabatan untuk melaksanakan segala perancangan dan gerak kerja bagi menjayakan segala inisiatif dan program yang telah dirancang.





4. Program Bubur Lambuk AKRAB Bersama Adabi

Program Bubur Lambuk AKRAB bersama Adabi telah dilaksanakan pada 5 April 2024 bertempat di Wisma Negeri, MITC Melaka bagi mewujudkan semangat kesukarelaan dalam kalangan Ahli AKRAB bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka. Selain itu, penganjuran program ini dapat meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap perkhidmatan dan fungsi AKRAB dalam konsep membantu rakan berteraskan asas kaunseling dan kemahiran membimbing. Sebanyak 11 orang ahli AKRAB telah terlibat dalam program mengacau dan mengedar bubur lambuk kepada pegawai dan kakitangan di Wisma Negeri.





5 Program Jamuan Raya Aidilfitri AKRAB di Sekolah Harapan Negeri Melaka

Program Jamuan Raya Aidilfitri Bersama Kelab Kebajikan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Negeri Melaka telah dirasmikan oleh Puan Ommy Zuhrah binti Ab Majid, Pengetua Sekolah Harapan Negeri Melaka pada 30 April 2024 bertempat di Sekolah Harapan Negeri Melaka, Jasin. Tujuan program ini adalah bagi memberi peluang kepada ahli AKRAB dan semua warga Sekolah Harapan Negeri Melaka berkongsi kegembiraan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri dan meningkatkan motivasi penghuni Sekolah Harapan Negeri Melaka untuk membina sikap positif dan membentuk peribadi yang kukuh. Program ini juga diharapkan dapat menjalinkan hubungan erat ahli AKRAB dalam komuniti setempat terutama bersama penghuni dan pentadbir di Sekolah Harapan Negeri Melaka. Sebanyak 28 orang ahli AKRAB dan wakil dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka telah terlibat dalam program ini. Pengisian program ini adalah bermula dengan sesi bimbingan kelompok bersama pelajar, majlis penyerahan sumbangan hadiah dan wang tunai serta jamuan raya.





6. Bengkel Pemantapan EKSA JKMM 2024 di Kings Green Hotel, Melaka

Bengkel Pemantapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) 2024 telah berlangsung dari 6 Mei hingga 7 Mei 2024 bertempat di Kings Green Hotel City Centre Melaka. Objektif penganjuran program ini ialah untuk membudayakan pelaksanaan EKSA JKMM dan aktiviti latihan dalam memupuk budaya EKSA kepada semua ahli-ahli jawatankuasa yang telah dilantik pada sesi tahun 2024/2025. Sebanyak 40 orang peserta telah terlibat dalam bengkel tersebut. Penceramah dari INTAN Kampus Wilayah Selatan Kluang Johor adalah Puan Norizan Aloha binti Bohari dan Puan Samawati binti Buyati.





7. Program Webinar Psikologi Siri II Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024

Program Webinar Psikologi Siri II telah diadakan pada 9 Mei 2024 secara atas talian yang bertajuk "Buli Zaman Moden, Luka Yang Tak Nampak". Objektif penganjuran program ini adalah untuk memberikan kesedaran tentang perlakuan isu buli kerana kebanyakan penjawat awam tidak sedar atau mengetahui bahawa mereka adalah mangsa buli. Selain itu, pendekatan ini juga dapat dijadikan pedoman sekaligus mampu dijadikan platform sebagai kesedaran kepada masalah buli.





8. Gotong Royong Perdana Zon EKSA Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) Siri 1/2024

Gotong Royong Perdana Zon EKSA Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) Siri 1/2024 telah diadakan pada 17 Mei 2024 yang melibatkan semua Bahagian/Unit JKMM termasuk sembilan Zon EKSA. Objektif utama program ini ialah untuk mengekalkan keceriaan dan persekitaran kerja kondusif seperti mana amalan EKSA di JKMM. Aktiviti gotong-royong ini memberi tumpuan kepada seluruh bangunan dan persekitaran pejabat agar kelihatan bersih, teratur dan selamat.





9. Pengauditan Pensijilan Semula EKSA Kendiri di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Jabatan Ketua Menteri Melaka selaku Agensi Induk telah mengadakan Audit Pensijilan Semula EKSA Kendiri di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) bermula dari 14 Mei hingga 17 Mei 2024. Tiga orang auditor dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JKMM yang juga merupakan "*Champion* EKSA" telah menjalankan pengauditan sebanyak 21 zon di seluruh kawasan MBMB. Pembentangan amalan baik serta penemuan penambahbaikan di setiap zon telah dibentangkan semasa mesyuarat penutup bersama Datuk Bandar MBMB iaitu YBhg. Datuk Haji Shadan bin Haji Othman dan juga Setiausaha Majlis, YBhg. Datuk Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh.





10. Bengkel Teknik Menjawab Peperiksaan Perkhidmatan Awam Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Seksyen Pembangunan Dasar dan Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka dari 20 Mei hingga 21 Mei 2024 di Nobel Hotel Resort, Melaka dengan penyertaan khusus pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di negeri Melaka. Bengkel ini diadakan untuk memantapkan teknik menjawab soalan peperiksaan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan dan kenaikan pangkat. Ceramah telah disampaikan oleh pegawai daripada Sektor Penilaian Kompetensi, Jabatan Perkhidmatan Awam.





11. Audit Dalam Zon EKSA Jabatan Ketua Menteri Melaka Siri 1/2024

Audit Dalam Zon EKSA Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) Siri 1/2024 berlangsung dari 20 Mei hingga 31 Mei 2024 melibatkan semua Bahagian/Unit JKMM termasuk sembilan Zon EKSA. Objektif utama audit ini ialah untuk memastikan setiap zon membuat penambahbaikan secara berterusan dalam memastikan EKSA sentiasa diamalkan dengan jayanya di JKMM. Selain itu, Audit Dalam sebanyak dua kali dalam setahun perlu dilaksanakan bagi menuju Pensijilan Semula EKSA JKMM pada tahun 2025.





12. Sesi Libat Urus Urusan Perkhidmatan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka

Satu Sesi Libat Urus Urusan Perkhidmatan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka telah diadakan dari 11 Jun hingga 12 Jun 2024 di Auditorium Seri Negeri melibatkan Pengurus-Pengurus Sumber Manusia di Jabatan/Agensi Negeri Melaka. Sesi pembukaan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Badurunhisam bin Mohd Nor, Pengarah Bahagian Perkhidmatan JPA diiringi oleh YBhg. Datuk Maslina binti Baki, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan). Sesi libat urus ini diadakan bertujuan bagi memberikan pencerahan kepada Pengurus-Pengurus Sumber Manusia berhubung urusan berkaitan pengurusan sumber manusia merangkumi urusan pelantikan, kenaikan pangkat dan tatatertib. Pada hari kedua, sesi klinik perkhidmatan turut diadakan oleh pihak JPA bagi memberi peluang kepada jabatan/agensi untuk membuat semakan serta mendapatkan khidmat nasihat khusus berhubung permasalahan/isu pengurusan sumber manusia di jabatan/agensi. Sesi libat urus yang telah berlangsung selama dua hari tersebut telah berjaya mencapai objektif penganjuran yang mana semua isu-isu yang dirujuk telah diambil tindakan oleh pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka dan Jabatan Perkhidmatan Awam.



13. Program Transformasi Minda Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024

Program Transformasi Minda (PTM) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024 telah dianjurkan oleh Seksyen Pembangunan Dasar dan Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka dari 1 Julai hingga 5 Julai 2024 bertempat di Kem Permata Resort, Alor Gajah, Melaka. Sebanyak 97 orang peserta yang terdiri daripada pegawai serta kakitangan lantikan baharu berstatus tetap merangkumi Jabatan Ketua Menteri Melaka, Jabatan Pentadbiran Awam Negeri Melaka, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka, dan Badan Berkanun Negeri Melaka telah menyertai kursus ini di mana ianya telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Maslina binti Baki, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan). Penyertaan dalam PTM merupakan salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi penjawat awam lantikan tetap seperti yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012: Program Transformasi Minda yang merangkumi tiga segmen utama iaitu Negara dan Perkhidmatan Awam, Tanggungjawab dan Peranan Pegawai, serta Budaya Kerja Kelas Pertama. Ketiga-tiga segmen ini dibangunkan bagi memastikan semua pegawai awam diberi pendedahan yang sewajarnya pada peringkat awal perkhidmatan agar dapat memupuk budaya kecemerlangan yang berterusan dalam organisasi.









14. Bengkel Pemantapan Digitalisasi: Penggunaan Perisian Microsoft Yang Berkesan

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Seksyen Pembangunan Dasar dan Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka dari 15 Julai hingga 16 Julai 2024 bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Bengkel yang dianjurkan selama dua hari ini merupakan kolaborasi bersama pihak UTeM yang bertanggungjawab membangunkan modul dan menyediakan tenaga pengajar profesional yang bertauliah. Modul Microsoft Powerpoint dan Excel yang ditekankan dalam bengkel ini adalah bagi memberi pendedahan dan kemahiran baharu kepada peserta bengkel agar dapat mengaplikasikannya dalam melaksanakan tugasan di pejabat.





15. Bengkel Pembugaran Pemikiran dan Pembudayaan Tonggak 11 dan Malaysia Madani Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Tahun 2024

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Seksyen Pembangunan Dasar dan Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka pada 19 Julai hingga 21 Julai 2024 bertempat di Semenyih Eco Venture Resort & Recreation, Selangor. Bengkel ini dirangka khusus untuk memberi pendedahan dan pemahaman kepada peserta mengenai Tonggak 11 iaitu akronim 'BIJAK' dan 'BERANI' yang diambil daripada slogan Kerajaan Negeri Melaka 'Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat' seperti yang diketengahkan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Selain itu, gagasan yang diperkenalkan di peringkat Persekutuan jua harus disambut dengan memberi pemahaman yang jelas mengenai ciri-ciri dan tonggak yang terkandung dalam semangat MADANI seperti yang telah diluncurkan oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Oleh itu, keterangkuman Tonggak 11 dan MADANI adalah penting untuk difahami dan diperjelaskan kepada penjawat awam agar dapat memupuk budaya 'BIJAK', 'BERANI', dan MADANI dalam melaksanakan apa jua urusan dalam organisasi.





16. Kursus Pengukuhan Pasukan dan *Team Transformation* bagi Pemandu dan Penyelia Kenderaan Jabatan

Kursus ini telah dianjurkan oleh Seksyen Pembangunan Dasar dan Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) dari 3 Ogos hingga 4 Ogos 2024 bertempat di Kem Permata Resort, Alor Gajah, Melaka. Kursus ini telah dihadiri oleh pemandu dan penyelia kenderaan jabatan dari semua jabatan Negeri Melaka. Modul yang ditekankan dalam kursus ini adalah seperti kaedah pemanduan berhemah, pengurusan kewangan, pengurusan emosi, asas penyelenggaraan kenderaan jabatan, amali pemanduan, dan aktiviti berpasukan.





17. Lawatan ke Penjara Kajang, Selangor

Unit Psikologi dan Kaunseling, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) telah mengadakan satu lawatan ke Penjara Kajang pada 27 Ogos 2024 untuk memberi pendedahan dan kesedaran awal kepada penjawat awam mengenai perbuatan jenayah dan penyalahgunaan dadah. Selain itu, ia juga memberi pengetahuan secara umum mengenai jenis kesalahan berdasarkan kepada undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia dan proses keadilan yang menjurus kepada pemulihan pelaku jenayah. Sebanyak 15 orang kakitangan dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Unit Integriti dan Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Ketua Menteri Melaka telah menyertai lawatan ini.





18. Majlis Apresiasi Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (MAPAN) Tahun 2024

Majlis Apresiasi Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (MAPAN) Tahun 2024 telah diadakan pada 12 September 2024 bertempat di Hotel Hatten, Melaka. MAPAN 2024 diadakan bertujuan untuk menghargai pegawai dan kakitangan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka yang telah memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan cemerlang sepanjang tahun 2023. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka dan turut dihadiri oleh YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YB Datuk Wira Abdul Razak bin Abdul Rahman, Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya; serta Ketua-Ketua Jabatan Negeri. Sebanyak 468 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 39 orang penerima Anugerah Khas Perkhidmatan telah diraikan semasa majlis tersebut. Majlis ini diharap dapat memberikan inspirasi dan impak positif kepada semua warga kerja di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri bagi membentuk ekosistem pekerjaan yang cemerlang selaras dengan hala tuju kerajaan negeri.





19. Program Kolaborasi Strategik AKRAB Jabatan Kesihatan Negeri Melaka bersama AKRAB Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka

Program Kolaborasi Akrab Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah mengadakan Lawatan Penanda Aras AKRAB Bernama pada 8 Oktober 2024 di BERNAMA, Kuala Lumpur. Sebanyak 29 orang ahli AKRAB yang terlibat. Program ini bertujuan untuk mempelajari pencapaian dan aktiviti yang dilaksanakan oleh AKRAB BERNAMA yang telah memenangi beberapa anugerah AKRAB di peringkat Kebangsaan. Program ini dipenuhi dengan pelbagai aktiviti seperti sesi bergambar, taklimat di bilik seminar dan lawatan ke bilik AKRAB BERNAMA.





20. Seminar Kepimpinan : Amanah Dijulang, Maruah Dijunjung

Seminar ini telah dianjurkan oleh Seksyen Pembangunan Dasar dan Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka pada 28 Oktober 2024 di Auditorium Seri Negeri. Seminar ini telah disampaikan oleh YBhg. DIG Dato' Sri Ayob Khan bin Mydin Pitchay, Timbalan Ketua Polis Negara. Dalam ucapan, beliau telah menekankan mengenai kepentingan memelihara integriti dan nilai amanah yang menjadi tunjang kepada perkhidmatan awam yang bermaruah serta bertanggungjawab. Seminar ini telah dihadiri oleh ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri Melaka. Diharapkan dengan penganjuran seminar ini, ia akan dapat meningkatkan nilai amanah dalam kalangan penjawat awam khususnya di negeri Melaka.





21. Gotong Royong Perdana dan Pengauditan Zon Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Siri 2 Tahun 2024

Gotong Royong Perdana Zon EKSA Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) Siri 2 Tahun 2024 telah diadakan pada 22 November 2024 dalam usaha untuk memperkukuhkan amalan EKSA di peringkat seluruh Zon EKSA JKMM.

Antara aktiviti yang dijalankan seperti gotong royong, kitar semula, kelestarian hijau dan memastikan semua papan tanda dikemas kini serta ruang kerja kelihatan kemas.

Seluruh warga JKMM memberikan sepenuh komitmen dan kerjasama yang jitu bagi memastikan setiap kriteria pelaksanaan EKSA dicapai dalam persediaan Audit Dalam Zon EKSA JKMM Siri 2 Tahun 2024 dari 25 November hingga 6 Disember 2024. Penilaian ini adalah salah satu pengisian komponen dalam menuju kearah Pensijilan Semula EKSA JKMM pada tahun 2025 nanti.





22. Majlis Penghargaan Pesara Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024

Majlis bagi menghargai Pesara Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024 telah diadakan pada 16 Disember 2024 bertempat di Hotel Hatten, Melaka. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Salhah binti Salleh, Pegawai Kewangan Negeri mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Sebanyak 21 orang pesara dan 8 waris gemulah pesara telah hadir ke majlis berkenaan bagi menerima sijil penghargaan dan wang saguhati sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan serta khidmat bakti yang telah dicurahkan. Majlis telah dimulakan dengan ucapan wakil pesara yang disampaikan oleh Encik Ahmad bin Yassin, Pesara dari Jabatan Agama Islam Melaka. Beliau yang mempunyai pengalaman berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 34 tahun telah berkongsi pengalaman beliau serta merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas penganjuran majlis berkenaan. Seterusnya, Pegawai Kewangan Negeri mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri telah menyampaikan ucapan beliau dan merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pesara-pesara yang hadir.





23. Program Jelajah AKRAB "Menyemai Kasih, Menuai Keberkatan Tahun 2024"

Program Jelajah AKRAB "Menyemai Kasih, Menuai Keberkatan Tahun 2024" telah diadakan pada 19 Disember 2024 bertempat di Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Temerloh Jaya, Pahang dan dirasmikan oleh Dr. Haji Abdullah bin Ismail, Pengerusi Masjid. Program ini bertujuan untuk menyampaikan sumbangan kepada komuniti atau golongan yang memerlukan seperti rumah anak yatim dan golongan yang kurang berkemampuan. Melalui program seperti ini dapat memberi peluang kepada penjawat awam untuk berkongsi kebaikan dengan masyarakat. Sebanyak 19 orang ahli AKRAB dan wakil dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka telah terlibat dalam program ini. Pengisian program ini bermula dengan sesi taklimat oleh AJK Masjid, penyampaian kit makanan kepada golongan asnaf terpilih dan aktiviti mengecat ruang legar masjid.





24. Mesyuarat *Key Perfomance Indicator* (KPI) Ketua-ketua Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024

Mesyuarat *Key Perfomance Indicator* (KPI) Ketua-ketua Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024 telah diadakan dari 19 Disember hingga 21 Disember 2024 bertempat di Hotel Grand Millennium, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membentangkan, menyemak dan menilai prestasi KPI Ketua-ketua Jabatan sepanjang tahun 2024 dan membentangkan perancangan KPI tahun 2025. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Maslina binti Baki, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) dan YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat @ Limat, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) serta semua Ketua Jabatan di peringkat Pentadbiran Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Jabatan Ketua Menteri Melaka. Mesyuarat ini juga menjadi *platform* perbincangan dua hala antara Pengurusan Tertinggi dan Ketua-ketua Jabatan untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi idea dan isu sepanjang pelaksanaan KPI sepanjang tahun dan seterusnya dapat memberikan mutu perkhidmatan terbaik kepada rakyat negeri Melaka.





BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

PENDAHULUAN

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) merupakan sebahagian daripada organisasi Jabatan Ketua Menteri Melaka bawah Sektor Pengurusan dan diselia oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

BKP terdiri daripada lima unit utama, iaitu Unit Pentadbiran Am dan Keselamatan, Unit Pengurusan Bangunan dan Aset, Unit Kewangan, Unit Pengurusan Majlis dan Protokol, dan Unit Pusat Sumber yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelbagai urusan pentadbiran am, kewangan, keselamatan, mesyuarat, program, aktiviti dan pengurusan majlis rasmi (protokol) termasuk penyediaan bahan hebahan promosi aktiviti serta dokumentasi program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka agar pelaksanaan setiap aktiviti dapat dijalankan dengan sempurna seperti yang dirancang.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2024, BKP bertindak sebagai urus setia pelbagai program sama ada peringkat jabatan, peringkat negeri dan peringkat kebangsaan seperti berikut:

1. Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka

Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka ialah acara bulanan yang dilaksanakan secara berkala dan dihadiri oleh YAB Ketua Menteri, YB Speaker Dewan Undangan Negeri, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Exco Kerajaan Negeri, YB Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan serta kakitangan awam peringkat Kerajaan Negeri mahu pun Kerajaan Persekutuan. Bagi tahun 2024, sebanyak enam program telah dilaksanakan iaitu:

i. Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 oleh YAB Ketua Menteri Melaka pada 5 Januari 2024 bertempat di Grand Ballroom, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka.

ii. Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam Negeri Melaka pada 9 Februari 2024 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka bersempena Lawatan Kerja sehari ke Melaka.

iii. Majlis Mensyukuri Setahun Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka pada 5 April 2024 bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka.

iv. Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka bagi bulan Mei 2024 pada 21 Mei 2024 bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka dengan kerjasama Yayasan Melaka.

v. Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka dan Hari Bertemu Rakyat dengan kerjasama Majlis Perbandaran Jasin pada 25 Julai 2024 bertempat di Dewan Alamanda Jasin.

vi. Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka bagi bulan September pada 20 September 2024 bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka.







Majlis Amanat Tahun Baru 2024





Perjumpaan Penjawat Awam bersama YAB Perdana Menteri





Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Bulan Julai 2024 di Dewan Alamanda Jasin





Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri bagi bulan September 2024

2. Majlis Hari Ulang Tahun Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu Ke-68

Majlis Memperingati Hari Ulang Tahun Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke-68 telah dilaksanakan pada 20 Februari 2024 bertempat di Perkarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan. Sambutan ini bertujuan mengimbau kembali detik bersejarah negara memperolehi kemerdekaan Tanah Air yang diketuai oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia. Majlis dimeriahkan lagi dengan kehadiran YAB Perdana Menteri ke-10 dan juga pementasan istimewa seksta peristiwa bersejarah berkenaan.









3. Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Melaka 2024

Program istimewa bagi negeri Melaka apabila berjaya menghimpunkan kepimpinan negeri dan masyarakat pelbagai kaum pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Melaka Tahun 2024 pada 22 Februari 2024 di Jonker Walk. Majlis diserikan dengan kehadiran TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka. Hadir sama ialah YAB Ketua Menteri, YB Speaker Dewan Undangan Negeri, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; Timbalan Exco, ADUN Negeri Melaka dan Ketua-ketua Jabatan.

Buat julung-julung kalinya Kerajaan Negeri mengadakan kelainan bagi sambutan ini dengan mengetengahkan konsep "mesra penjaja" dan menghadiahkan kupon makan bernilai RM15.00 seorang kepada 10,000 orang pengunjung terawal yang hadir di majlis ini.









4. Program Ceramah Agama Mingguan dan Perdana 2024

Program Ceramah Agama Mingguan/Perdana ialah acara mingguan dan bulanan anjuran Kerajaan Negeri yang diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan JKMM. Antara program telah dilaksanakan ialah seperti jadual berikut:

BIL	TAJUK CERAMAH	PENCERAMAH	TARIKH/TEMPAT
1.	Jangan Bersedih, Allah Kan Ada	Ustazah Hamidah binti Ab Razak	1 Mac 2024, Masjid Al-Azim, Melaka
2.	Harta Dibawa Mati	Ustaz Dr. Haji Bashir bin Mohameda Al-Azhari	8 Mac 2024, Masjid Al-Azim, Melaka
3.	Ikhlaskan Kemaafan Dihari Yang Mulia	Saudara Ahmad Izzhar bin Ahmad Nazri	26 April 2024, Auditorium Al-Azim, Melaka
4.	Usah Dirunsingkan Yang Namanya Urusan Tuhan	Hajah Muzayyanah binti Haji Abdullah	24 Mei 2024, Auditorium Al-Azim, Melaka
5.	Andai Aku Tiada Di Syurga	Ustaz Syed Mohd Norhisyam bin Tuan Padang	26 Julai 2024, Auditorium Al-Azim, Melaka
6.	Berkorban Apa Saja	Ustaz Harriyanto Rizal Rokman	7 Jun 2024, Auditorium Al-Azim, Melaka
7.	Akhirnya Jatuh Muflis Di Akhirat	Ustaz Muhamad Asyraf bin Mohd Ridzuan	23 Ogos 2024, Auditorium Al-Azim, Melaka
8.	Buat Kerja Nabi, Jangan Buat Kerja Tuhan	Saudara Ahmad Izzhar bin Ahmad Nazri	13 September 2024, Dataran Pusat Islam Melaka
9.	Yang Melemparkan Bisikan dan Hasutan	Tuan Haji Jaffri bin Abu Bakar Mahmud	25 Oktober 2024, Auditorium Al-Azim, Melaka
10.	Memberi Lebih Baik Daripada Menerima	Ustazah Isfadiah binti Mohd Dasuki	29 November 2024 Auditorium Al-Azim, Melaka


CERAMAH AGAMA PERDANA
Jangan Bersedih, Allah Kan Ada
Ust. Hamidah binti Ab Razak @ Dai' Hamidah
(Penceramah Selebriti)
1 MAC 2024M BERSAMAAN 20 SYAABAN 1445H (JUMAAT)
9.00 PAGI
AUDITORIUM AL AZIM, KAMPUNG BUKIT PALAH, MELAKA
LIVE @ceramahagamaknm




CERAMAH AGAMA PERDANA
Akhirnya Jatuh Muflis Di Akhirat
USTAZ MUHAMAD ASYRAF BIN MOHD RIDZUAN
@IMAM MUDA ASYRAF
(PENCERAMAH SELEBRITI)
23 OGOS 2024
18 SAFAR 1446H (JUMAAT)
9 PAGI
AUDITORIUM AL-AZIM NEGERI MELAKA
LIVE @ceramahagamaknm


SIARAN LANGSUNG
USTAZ MUHAMAD ASYRAF BIN MOHD RIDZUAN


CERAMAH AGAMA PERDANA
TAJUK CERAMAH:
Memberi Lebih Baik Daripada Menerima
USTAZAH ISFADIAH BINTI MOHD DASUKI
(PENCERAMAH SELEBRITI)
29 NOVEMBER 2024
27 JAMADILAWAL 1446H (JUMAAT)
9 PAGI
AUDITORIUM AL-AZIM NEGERI MELAKA
LIVE @ceramahagamaknm



5. Kempen Derma Darah dengan Kerjasama Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Melaka

Bahagian Khidmat Pengurusan telah melaksanakan kempen derma darah sebanyak dua kali iaitu pada 17 Januari 2024 dan 18 September 2024 di mana program ini telah mendapat sokongan padu daripada warga kerja Kompleks Seri Negeri.









6. Majlis Sambutan Ihya' Ramadan Penjawat Awam Negeri Melaka 2024

Majlis Sambutan Ihya' Ramadan Penjawat Awam Negeri Melaka telah diadakan pada 5 April 2024 bersekali dengan penganjuran Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka. Hampir 1,000 orang penjawat awam telah menghadiri majlis ini yang diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, YAB Ketua Menteri Melaka, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan penjawat awam.





7. Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2024 bersama YAB Perdana Menteri Peringkat Negeri Melaka

Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2024 bersama YAB Perdana Menteri Peringkat Negeri Melaka telah berlangsung dengan meriah pada 22 April 2024 bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka. Majlis turut diserikan dengan kehadiran TYT Tun Seri Setia Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka; YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia; YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka; YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka; YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; dif-dif kehormat Kerajaan Persekutuan dan kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri Melaka. Hampir 50,000 masyarakat berbilang kaum turut memeriahkan suasana dan menikmati pelbagai jenis juadah yang disediakan.









8. Majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan Tahun 2024

Negeri Melaka telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah bertempat di Pusat Keluarga Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Melaka. Tuanku Raja Permaisuri Agong turut berkenan mengurniakan Anugerah Inspirasi Ibu kepada Puan Rahamah Mokhtar, ibu kepada lapan orang anak di mana dua daripadanya menghidap Celebral Palsy.

Pengurusan majlis ini telah diselaraskan bersama oleh Bahagian Khidmat Pengurusan dengan Pusat Keluarga LPPKN bagi memastikan majlis ini berjalan lancar.









9. Majlis Semarak Kasih Seindah Kenangan

Majlis Semarak Kasih Seindah Kenangan telah dilaksanakan secara ringkas tapi penuh bermakna pada 20 September 2024 khusus bagi meraikan YB Datuk Aziz bin Engan, Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka yang menamatkan perkhidmatan di negeri Melaka dan seterusnya berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Johor. Kerajaan Negeri menzahirkan penghargaan yang tidak terhingga atas khidmat bakti yang telah diberikan kepada Negeri Melaka.









10. Majlis Istiadat Angkat Sumpah Jawatan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka

Majlis Istiadat Angkat Sumpah Jawatan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka telah dilaksanakan pada 4 Jun 2024 bertempat di Balai Istiadat, Kompleks Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka di mana Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam mengangkat sumpah jawatan sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka ke-7 bagi penggal kedua mulai 4 Jun 2024 selama empat tahun.

Terdahulu dari itu, Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim telah diadakan di Istana Negara pada 28 Mei 2024.









11. Melaka Heritage Festival 2024 Bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-16 Melaka Bandaraya Bersejarah Warisan Dunia UNESCO

Bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-16 Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai, satu pementasan teater muzikal Hikayat Hang Tuah "Ampun Tuanku, Titah Dijunjung" telah dipersembahkan di Encore Melaka pada 13 Julai 2024 dengan bertemakan Warisan Kita, Kebanggaan Kita. Pementasan ini telah disaksikan oleh YAB Ketua Menteri Melaka dan isteri. Hadir sama Duta Besar Indonesia ke Malaysia, YB Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Timbalan Exco dan orang awam. YAB Ketua Menteri juga telah berbesar hati menyampaikan hadiah kepada pemenang Pesta Kebaya dan Busana Klasik yang berlangsung dengan jayanya terdahulu dari itu.









12. Majlis Perasmian Penutup Mini Karnival Usahawan Desa @ Festival D'Bendang Negeri Melaka 2024

Festival D'Bendang telah diadakan di Kem Benteng Negara, Sungai Rambai dari 9 Ogos hingga 11 Ogos 2024 dan majlis perasmian penutup Mini Karnival Usahawan Desa (KUD) @ Festival D'Bendang telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah. Pihak BKP telah membantu dalam menyelaraskan urusan jemputan dif-dif kehormat dan Ketua Jabatan serta menyelaraskan perjalanan program mengikut etiket protokol negeri.









13. Majlis Penutup Latih Amal Keselamatan Menyeluruh (EX-COMSEC) 2024

Sesi Latih Amal Keselamatan Menyeluruh (EX-COMSEC) 2024 yang melibatkan pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain agensi berkaitan telah diadakan di Malaysian Refining Sdn. Bhd., Sungai Udang. Latihan yang membabitkan semua agensi keselamatan dan pertahanan ini adalah sebahagian langkah siap siaga pasukan beruniform terhadap ancaman keselamatan terhadap aset dan kepentingan strategik. Majlis perasmian penutup latih amal telah diadakan pada 11 Ogos 2024 yang disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.









14. Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1446H/2024

Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1446H/2024M telah diadakan pada 16 September 2024 bersamaan dengan 12 Rabiulawal 1446H bertemakan "Al-Falah Pemacu Malaysia Madani". Kontinjen Jabatan Ketua Menteri Melaka dengan kekuatan anggota sebanyak 85 orang telah menyertai perarakan ini bermula dari Stadium Tun Fatimah, Bukit Serindit ke Dataran Pusat Islam Melaka.









15. Sambutan Hari Jadi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka ke-75

Sambutan Hari Jadi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka ke-75 telah disambut secara rasmi pada 24 Ogos 2024. Manakala acara-acara rasmi bagi sambutan ini telah berlangsung dari 22 Ogos 2024 hingga September 2024 dengan pelaksanaan sebanyak sebelas program iaitu:

i. Majlis Bacaan Yasin dan Doa Kesyukuran bertempat di Masjid Selat Melaka pada 22 Ogos 2024 yang dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Melaka.

ii. Khutbah Khas dan Solat Jumaat di Masjid Al-Azim pada 23 Ogos 2024.

iii. Istiadat Kawalan Kehormatan Utama pada 25 Ogos 2024.

iv. Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka dalam tiga sesi.

v. Majlis Makan Malam Negeri bertempat di Park Royal A'Famosa Melaka Resort pada 25 Ogos 2024.

vi. Majlis Jamuan Teh Negeri di Dataran Keris, Alor Gajah pada 7 September yang diselaraskan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Alor Gajah.

vii. Pertandingan Akhir Pidato Piala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 12 September 2024 yang diurussetiakan oleh Institut Tun Perak.

viii. Majlis Jamuan Teh "Kebaya Bunga Kesidang" di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka pada 14 September 2024 yang dikendalikan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Melaka.

ix. Majlis Perasmian Sekolah Rendah Agama JAIM Kampung Tersusun Bukit Larang, Telok Mas pada 23 September 2024.





Majlis Bacaan Yasin dan Doa Kesyukuran





Kawalan Kehormatan Utama





Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran



Majlis Makan Malam Negeri





Majlis Jamuan Teh Negeri



Pertandingan Akhir Pidato Piala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka



Majlis Jamuan Teh "Kebaya Bunga Kesidang"



Majlis Perasmian Sekolah Rendah Agama JAIM

16. Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2024 Peringkat Negeri Melaka

Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2024 Peringkat Negeri Melaka telah dilaksanakan dengan jayanya pada 31 Ogos 2024 bertempat di Persiaran Jalan Merdeka, Banda Hilir, Melaka yang meliputi acara perbarisan dan perarakan kenderaan. Selain perarakan dan perbarisan serta lintas hormat udara, terdapat enam program sampingan telah dilaksanakan iaitu:

i. Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang telah dilaksanakan pada 12 Ogos 2024 bertempat di Dataran Keris, Alor Gajah yang diselaraskan oleh Jabatan Penerangan Negeri Melaka.

ii. Konsert Lambang Sari Series 2024 anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Melaka telah dipersembahkan di Panggung Seri, Kompleks JKKN pada 16 Ogos 2024.

iii. Majlis Bacaan Yasin dan Doa Kesyukuran anjuran Jabatan Agama Islam Melaka di Masjid Selat, Melaka pada 22 Ogos 2024.

iv. Khutbah Khas dan Solat Jumaat di Masjid Al-Azim pada 23 Ogos 2024.

v. Majlis Sambutan Ambang Merdeka di Dataran Orang Kampung, Merlimau, Melaka pada 30 Ogos 2024 yang diselaraskan oleh Majlis Perbandaran Jasin.

vi. Program Bayi Merdeka di Hospital Melaka pada 31 Ogos 2024.







Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang



Sambutan Ambang Merdeka





Majlis Sambutan Hari Kebangsaan



Konsert Lambang Sari Series 2024



Program Bayi Merdeka

17. Majlis Makan Malam Gala & ASEAN Festival of Arts (AFA)

Negeri Melaka buat julung kali dipilih sebagai tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Kebudayaan dan Kesenian ASEAN (AMCA) ke-11 dari 21 Oktober hingga 26 Oktober 2024. Mesyuarat AMCA ini bakal memperkukuhkan lagi hubungan dan kerjasama kebudayaan serta kesenian dalam kalangan anggota ASEAN. Bersempena mesyuarat ini, Majlis Makan Malam telah diadakan pada 26 Oktober 2024 di Dataran Pengkalan Rama, Melaka.









18. Bengkel Pematuhan Pengurusan Aset Kerajaan Jabatan Ketua Menteri Melaka Bilangan 1 Tahun 2024

Bengkel Pematuhan Pengurusan Aset Kerajaan Jabatan Ketua Menteri Melaka Bilangan 1 Tahun 2024 telah diadakan pada 18 September hingga 20 September 2024 bertempat di Hotel Tamu & Suites Kuala Lumpur. Bengkel ini dianjurkan bagi memberi pendedahan berkenaan pekeliling, peraturan semasa dan memperkasakan ilmu pengetahuan bagi melaksanakan pengurusan aset kerajaan dengan cekap dan berkesan.

Bengkel ini melibatkan wakil dari setiap Bahagian/Unit di Jabatan Ketua Menteri Melaka yang dilantik sebagai Pembantu Pegawai Aset, Pegawai Penerima Aset dan Pegawai Pemeriksa Aset Kerajaan. Manakala penceramah yang terlibat adalah daripada Jabatan Audit Negara dan Kementerian Kewangan Malaysia.



19. Kursus Pengemaskinian Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) & Pemerkasaan Pasukan Emergency Response Team (ERT) Kompleks Seri Negeri

Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Jabatan Bomba & Penyelamat dan Polis Diraja Malaysia telah menganjurkan Kursus Pengemaskinian Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) & Pemerkasaan Pasukan Emergency Response Team (ERT) Kompleks Seri Negeri kepada pegawai Jabatan Ketua Menteri Melaka pada 28 Oktober hingga 30 Oktober 2024 bertempat di Hotel Ames Melaka.

Kursus ini dilaksanakan dengan penglibatan sebanyak 94 orang peserta yang terdiri daripada Jabatan Ketua Menteri Melaka, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka dan Straits of Melaka Waterfront Economic Zone. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan latihan kepada pegawai dan kakitangan Kompleks Seri Negeri berkenaan kepentingan ilmu dan pengetahuan bantuan kecemasan CPR, cara penggunaan mesin AED dan *choked* (tercekik) jika berlakunya kes kecemasan di dalam dan luar pejabat.





20. Kursus Kawalan Dokumen Rahsia Rasmi Kerajaan Tahun 2024

Kursus ini telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 4 November hingga 5 November 2024 bertempat di Courtyard by Marriot dengan penglibatan sebanyak 20 orang pegawai Pendaftar Rahsia yang telah dilantik oleh Bahagian/Unit di bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka. Kursus ini bertujuan memantapkan kemahiran dan pengetahuan pegawai mengenai pengurusan rahsia rasmi sama ada dari segi akta, prosedur dan situasi-situasi kes yang perlu diketahui.

21. Kursus Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) dan Automated External Defibrillator (AED) Jabatan Ketua Menteri Melaka

Kursus ini telah berlangsung selama tiga hari iaitu pada 3 Disember hingga 5 Disember 2024 bertempat di Casa Del Rio Melaka dengan penglibatan sebanyak 118 orang pegawai dan kakitangan dari pelbagai Bahagian/Unit Jabatan Ketua Menteri Melaka. Kursus ini diadakan dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mengenai tatacara pelaksanaan CPR dan penggunaan peralatan AED dalam usaha menyelamatkan nyawa seseorang terutama di tempat kerja jika berlaku kejadian yang tidak diingini.







22. Kerja-kerja Pemantauan Lanskap, Kebersihan Bangunan, Penyelenggaraan dan Pembaikan Kerosakan Kecil Bangunan di Kompleks Seri Negeri, Kuarters Bukit Peringgit dan Dewan Hang Tuah

Unit Pengurusan Bangunan & Aset dan Unit Pemantauan Kebersihan & Lanskap bertanggungjawab untuk memastikan kawasan persekitaran dan bangunan di Kompleks Seri Negeri, Kuarters Bukit Peringgit dan Dewan Hang Tuah sentiasa dalam keadaan sempurna untuk digunakan yang meliputi kerja pemantauan lanskap, kebersihan, penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan kecil dilaksanakan secara berkala mengikut jadual yang telah disusun. Manakala kerja pembaikan besar dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya seperti kerja penggantian tiga unit lift di Kompleks Seri Negeri.

23. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Jabatan Ketua Menteri Melaka diurussetiakan oleh Unit Pengurusan Bangunan dan Aset. Mesyuarat telah dilaksanakan seperti peraturan yang ditetapkan, iaitu sebanyak empat kali setahun dan dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) seperti berikut:

Bilangan Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
Bil. 4/2023	25 Januari 2024
Bil.1/2024	8 Mei 2024
Bil. 2/2024	19 Julai 2024
Bil. 3/2024	11 Oktober 2024

24. PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS B03 - JABATAN KETUA MENTERI TAHUN 2024

Peruntukan keseluruhan yang diluluskan bagi Perbelanjaan Mengurus (B03) - Jabatan Ketua Menteri Melaka tahun 2024 adalah sebanyak RM72,108,881.00. Rujuk Jadual 1. Prestasi perbelanjaan mengurus di bawah B03 - Jabatan Ketua Menteri Melaka adalah sebanyak RM71,703,821.99 atau 99.44% seperti **Carta 1** di bawah.



Jumlah Perbelanjaan Mengurus (B03)

RM71,703,821.99 (99.44%)

Prestasi Perbelanjaan Mengurus (B03-JKMM) Tahun 2024
Carta 1

Jadual 1 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus (sehingga 31 Disember 2024)

PTJ/Kod	Peruntukan Diluluskan (RM)	Tambahan/ Kurangan Peruntukan (RM)	Peruntukan Dipinda(RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)
Jabatan Ketua Menteri Melaka (B03)	72,108,881.00	0.00	0.00	71,703,821.99	99.44
Jumlah Keseluruhan	**72,108,881.00**	**0.00**	**0.00**	**71,703,821.99**	**99.44**

25. PENGURUSAN BAYARAN PUKAL TAHUN 2024

Sistem Bayaran Pukal adalah satu sistem yang dipusatkan dan pembayaran dibuat oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri secara automatik terhadap maklumat yang diterima daripada pembekal. Pengurusan Bayaran Pukal bagi Jabatan Ketua Menteri Melaka (B03) Tahun 2024 adalah seperti **Jadual 2**:

Jadual 2 : Pengurusan Bayaran Pukal

Bil	Pembekal/Agensi	Perbelanjaan (RM)
1.	Telekom	329,842.48
2.	Tenaga Nasional Berhad (TNB)	3,856,428.30
3.	Smartpay Petronas Berhad	467,585.07
4.	SAMB	180,156.01
5.	Touch & Go (T&Go)	59,707.75
6.	Indah Water Konsortium (IWK)	0.00
Jumlah Keseluruhan		**4,893,719.61**

26. Pengurusan Kutipan Hasil Bagi Jabatan Ketua Menteri Melaka Tahun 2024

Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian 3, Jadual 10 Perlembagaan Persekutuan. Antara contoh hasil Kerajaan Negeri adalah seperti hasil cukai tanah, bayaran permit pembalakan, royalti, lesen pembalakan dan sebagainya. Hasil meliputi semua jenis pendapatan yang dipungut sama ada dalam bentuk hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.

Prestasi pemantauan kutipan hasil semasa bagi tempoh berakhir 31 Disember 2024, Jabatan Ketua Menteri Melaka adalah seperti **Jadual 3**:

Jadual 3 : Prestasi Pemantauan Kutipan Hasil

OBJEK SEBAGAI / LANJUT	JENIS HASIL	ANGGARAN HASIL TAHUN 2024	JUMLAH KUTIPAN KESELURUHAN TAHUNAN (RM)	PERATUS KUTIPAN (%)
60000	**HASIL CUKAI**			
61000	**CUKAI LANGSUNG**			
61801	Royalti Air – BKSA	1,800,000.00	1,800,000.00	*100.00%*
61803	Abstraksi Air Mentah - BKSA	11,100,000.00	12,726,477.93	*114.65%*
JUMLAH 61000		**12,900,000.00**	**14,526,477.93**	***112.61%***
JUMLAH HASIL CUKAI				
70000	**HASIL BUKAN CUKAI**			
71000	**LESEN,BAYARAN PENDAFTARAN DAN PERMIT**			
71205	Lesen Pelelong - UKT	1,500.00	1,536.00	*102.40%*
71220	Lesen Fi Abstraksi Air - BKSA	73,500.00	68,600.00	*93.33%*
71291	Lesen Di Bawah Enakmen Air - BKSA	1,750.00	4,550.00	*260.00%*
71910	Caj Kebenaran Bertulis (KB) - BKSA	1,000.00	8,200.00	*820.00%*
71911	Fi Proses Kebenaran Bertulis - BKSA	750.00	8,100.00	*1080.00%*
71912	Fi Proses Aktiviti Penggubahan Sumber / Pelencongan Air - BKSA	750.00	2,700.00	*360.00%*

OBJEK SEBAGAI / LANJUT	JENIS HASIL	ANGGARAN HASIL TAHUN 2024	JUMLAH KUTIPAN KESELURUHAN TAHUNAN (RM)	PERATUS KUTIPAN (%)
71914	Caj Aktiviti Penggubahan Sumber / Pelencongan Air - BKSA	500,000.00	725,753.27	*145.15%*
71916	Fi Lesen Aktiviti Rekreasi Air - BKSA	1,000.00	2,320.00	*232.00%*
	Fi Proses Aktiviti Rekreasi Air - BKSA	750.00	900.00	*120.00%*
71917	Caj Aktiviti Rekreasi Air - BKSA	300,000.00	264,173.40	*88.06%*
71999	Pelbagai Sumber Bayaran Yang Lain - UPEN	83,179,865.84	1,800,000.00	*2.16%*
	JUMLAH 71000	**84,060,865.84**	**2,886,832.67**	***3.43%***
72000	**PERKHIDMATAN DAN BAYARAN PERKHIDMATAN**			
72114	Yuran Langganan Sistem Tender Online (STOM) - BTMK	100,000.00	135,731.00	*135.73%*
72499	**Bayaran Perkhidmatan Yang Lain**			
	i) Bayaran Komitmen - UPEN	1,000,000.00	250,000.00	*25.00%*
	ii) Bayaran Proses - UPEN	127,022.67	28,500.00	*22.44%*
	iii) Perkhidmatan yang Lain - UPEN	0.00	0.00	*0.00%*
	iv) Bayaran Proses - BKSA	31,500.00	30,000.00	*95.24%*
	v) Bayaran Proses - BKI	30,000.00	44,400.00	*148.00%*
	vi) Bayaran Proses Wang Cagaran - BKI	180,000.00	2,271,623.45	*1,262.01%*
	vii) Traffic Management Plan (TMP) - BKI	60,000.00	0.00	*0.00%*
	viii) Perkhidmatan penggunaan Hak Jata Negeri Melaka oleh MDDNM - PTDBRN	0.00	50,000.00	*0.00%*
	ix) Pembayaran 20% Kepada kerajaan Negeri Melaka sempena kemasukan Ahli Baharu MDDNM majlis Isitadat Penganugerahan Darjah 2023 - ASET	0.00	200,200.00	*100.00%*

OBJEK SEBAGAI / LANJUT	JENIS HASIL	ANGGARAN HASIL TAHUN 2024	JUMLAH KUTIPAN KESELURUHAN TAHUNAN (RM)	PERATUS KUTIPAN (%)
JUMLAH 72000		**1,528,522.67**	**3,010,454.45**	***196.95%***
73000	**PEROLEHAN DARIPADA JUALAN BARANG-BARANG**			
73117	JUALAN BORANG TENDER			
	i) Pentadbiran	2,400.00	6,700.00	*279.17%*
	ii) Bahagian Teknologi Maklumat	200.00	50,500.00	*25,250.00%*
	iii) Badan Kawal Selia Air	0.00	0.00	*0.00%*
	iv) Unit Perancang Ekonomi	0.00	0.00	*0.00%*
	v) MWez	0.00	900.00	*0.00%*
	JUMLAH 73117	**2,600.00**	**58,100.00**	***2234.62%***
73111	JUALAN SEBUT HARGA			
	i) Bahagian Teknologi Maklumat	4,800.00	8,920.00	185.83%
	ii) Pentadbiran	750.00	1,300.00	*173.33%*
	iii) Badan Kawal Selia Air	0.00	1,070.00	*0.00%*
	iv) Bahagian Bangunan Dan Aset	0.00	1,150.00	*0.00%*
	v) Pej CM	0.00	1,080.00	*0.00%*
	vi) MWez	0.00	200.00	*0.00%*
	vii) Kewangan	0.00	60.00	*0.00%*
	viii) Upen	0.00	90.00	*0.005*
	JUMLAH 73111	**5,550.00**	**13,870.00**	***249.91%***
73399	**JUALAN HARTA BENDA KERAJAAN**			
	i) Jualan Tanah bagi Pembangunan Pusat Pengajian Tinggi & Penyelidikan Antarabangsa -UPEN	0.00	0.00	***0.00%***
	JUMLAH 73399	**0.00**	**0.00**	***0.00%***

OBJEK SEBAGAI / LANJUT	JENIS HASIL	ANGGARAN HASIL TAHUN 2024	JUMLAH KUTIPAN KESELURUHAN TAHUNAN (RM)	PERATUS KUTIPAN (%)
	JUALAN-JUALAN YANG LAIN			
73999	i) Jualan Pas Jabatan - Pentadbiran	100.00	0.00	*0.00%*
	ii) Jualan Pelekat Kenderaan - Pentadbiran	250.00	1,050.00	*420.00%*
	iii) Kutipan Kasar Pelan Utiliti - BKI	240,000.00	711,377.60	*296.41%*
	iv) Jualan Buku - BKSA	280.00	380.00	*135.71%*
	v) Pembelian Miniture -ASET	0.00	420.00	*0.00%*
	vi) Bayaran pelupusan borang dan kertas-ASET	0.00	70.30	*0.00%*
	vii) Bayaran Pembelian Pingat	0.00	12,300.00	*0.00%*
	JUMLAH 73999	**240,630.00**	**725,597.90**	***301.54%***
JUMLAH 73000		**248,780.00**	**797,567.90**	***320.59%***
74000	**SEWAAN**			
74199	i) Sewaan Pajakan Tahunan kepada Kerajaan Negeri - UPEN	400,000.00	400,000.00	*100.00%*
	ii) Sewaan Pajakan Tahunan Kepada Kerajaan Negeri bagi Projek Karas - UPEN	0.00	10,000.00	*0.00%*
	iii) Sewaan Greenwod - UPEN	20,000.00	0.00	*0.00%*
	JUMLAH 74199	**420,000.00**	**410,000.00**	***97.62%***
74201	SEWA BANGUNAN KEDIAMAN KERAJAAN i) Kuarters - Kew	30,000.00	0.00	*0.00%*
	JUMLAH 74201	**30,000.00**	**0.00**	***0.00%***
74213	SEWA BANGUNAN PEJABAT TERMASUK INSTITUSI PELAJAR i) Kolej Yayasan Melaka - ASET	300,000.00	225,000.00	*75.00%*
	JUMLAH 74213	**300,000.00**	**225,000.00**	***75.00%***

OBJEK SEBAGAI / LANJUT	JENIS HASIL	ANGGARAN HASIL TAHUN 2024	JUMLAH KUTIPAN KESELURUHAN TAHUNAN (RM)	PERATUS KUTIPAN (%)
74299	SEWA BANGUNAN-BANGUNAN YANG LAIN			
	i) Taska Seri Negeri - Pentadbiran	8,400.00	8,400.00	*100.00%*
	ii) Jeti Parameswara & Hotel Lisbon - UPEN	360,000.00	0.00	*0.00%*
	iii) Sewaan Kafeteria - ASET	12,000.00	12,000.00	*100.00%*
	iv) UTC - ASET	3,600.00	6,769.00	*188.03%*
	v) Sewaan Dewan Hang Tuah - ASET	158,400.00	82,890.00	*52.33%*
	vi) Sewaan Pejabat Di Bangunan Hang Tuah - ASET	36,360.00	48,978.00	*134.70%*
	vii) Sewaan Bilik Mesyuarat Dewan Hang Tuah - ASET	100.00	100.00	*100.00%*
	JUMLAH 74299	**578,860.00**	**159,137.00**	***27.49%***
74999	BAYARAN SEWAAN YANG LAIN - Bayaran sewaan Smart Lamp Pole - BKI	0.00.00	12,000.00	***0.00%***
JUMLAH 74000		**1,328,860.00**	**806,137.00**	***60.66%***
75000	**KEUNTUNGAN PEMBIAYAAN DAM PEROLEHAN PELABURAN**			
75999	Keuntungan Kasar Jeti Parameswara - UPEN	0.00	0.00	0.00%
JUMLAH 75000		**0.00**	**0.00**	**0.00%**
76000	**DENDA DAN HUKUMAN**			
76102	Denda Dan Rampasan -UPEN	0.00	1,155,313.51	*0.00%*
76107	Hukuman Kerana Pecah Kontrak - UPEN	0.00	1,007.50	*0.00%*
76126	Kompaun - BKSA	100,000.00	173,517.00	*173.52%*
76199	i) Denda penukaran pas jabatan - Pentadbiran	0.00	800.00	*0.00%*
	ii) Denda rampasan bot - BKSA	0.00	4,160.00	*0.00%*
JUMLAH 76000		**100,000.00**	**1,334,798.01**	***1334.80%***

OBJEK SEBAGAI / LANJUT	JENIS HASIL	ANGGARAN HASIL TAHUN 2024	JUMLAH KUTIPAN KESELURUHAN TAHUNAN (RM)	PERATUS KUTIPAN (%)
81000	**PULANGAN BALIK PERBELANJAAN**			
81101				
	Terimaan Balik Bayaran Tahun - Tahun Lalu - KEWANGAN	68,000.00	64,734.07	*95.20%*
	Terimaan Balik Bayaran Tahun - Tahun Lalu - BKSA	0.00	564.30	*0.00%*
	Terimaan Balik Bayaran Tahun - Tahun Lalu - ASET	0.00	0.00	*0.00%*
81103	Pulangan Balik Imbuhan Tetap Perumahan Kuarters - KEW	0.00	21,513.61	*0.00%*
81104	Pulangan Balik Bantuan Sara Hidup Kuarters - KEW	0.00	3,053.04	*0.00%*
81202	Lebihan daripada penutupan akaun amanah - KEWANGAN	0.00	0.00	*0.00%*
81302	Dapatan Balik Wang-Wang Tidak Dituntut - KEWANGAN	0.00	0.00	*0.00%*
JUMLAH 81000		***68,000.00***	***89,865.02***	***132.15%***
82000	**TERIMAAN DARIPADA AGENSI-AGENSI KERAJAAN**			
82599	Lain-lain terimaan - KEWANGAN	0.00	0.16	*0.00%*
	Lain-lain terimaan - ASET	0.00	0.00	*0.00%*
	Lain-lain terimaan - BKSA	0.00	0.00	*0.00%*
86501	Diskaun Diterima - KEWANGAN	0.00	17,129.30	*0.00%*
JUMLAH 80000		**68,000.00**	**106,994.48**	***157.34%***
JUMLAH HASIL BUKAN CUKAI		**87,335,028.51**	**8,942,784.51**	***10.24%***
JUMLAH BESAR HASIL		**100,235,028.51**	**23,469,262.44**	***23.41%***

27. Prestasi Memproses Baucar Bayaran Diperingkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tahun 2024

Laporan bagi proses baucar bayaran di Peringkat PTJ bagi Tahun 2024:

Bulan	Jumlah Baucar Bayaran Yang Diproses	Jumlah (RM)
Januari	755	1,713,604.54
Februari	961	2,984,845.96
Mac	1,174	4,144,304.71
April	881	4,213,747.66
Mei	1,161	4,439,476.41
Jun	933	4,113,935.27
Julai	1,378	4,729,224.75
Ogos	1,188	5,204,240.65
September	1,294	6,044,407.55
Oktober	1,800	6,933,969.24
November	1,648	7,883,275.72
Disember	1,751	15,850,235.06
Jumlah Keseluruhan	**14,924**	**70,255,267.52**

28. Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga dan Rundingan Harga, Jabatan Ketua Menteri Melaka Tahun 2024

Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan juga merupakan Urus Setia Mesyuarat Sebut Harga Dan Rundingan Harga, Jabatan Ketua Menteri Melaka, berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (PP) P.K. Perolehan Kerajaan. Sebanyak 32 kali mesyuarat telah dilaksanakan yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

29. Mesyuarat Lembaga Perolehan Negeri Melaka

Mesyuarat Lembaga Perolehan Negeri Melaka dilaksanakan sebanyak 13 kali berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (PP) P.K. Perolehan Kerajaan yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

30. Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), Jabatan Ketua Menteri Melaka Tahun 2024

Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan juga merupakan Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, bagi Jabatan Ketua Menteri Melaka. Berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan (PP) P.S. 5.1 menyatakan bidang kuasa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun adalah bagi membantu Pegawai Pengawal untuk mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan dan akaun supaya berjalan lancar dan menepati kehendak Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling yang berkaitan. Mesyuarat JPKA bagi Tahun 2024 telah diadakan seperti berikut:

Bilangan Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
Bil.1/2024	26 Januari 2024
Bil. 2/2024	8 Mei 2024
Bil. 3/2024	19 Julai 2024
Bil. 4/2024	11 Oktober 2024

UNIT DEWAN DAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI

UNIT DEWAN DAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI

PENDAHULUAN

Fungsi utama Unit Dewan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) adalah sebagai urus setia kepada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), urus setia kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), urus setia kepada Lembaga Pengampunan Negeri Melaka, urus setia kepada Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan (PAC) dan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang ditubuhkan bawah Dewan Undangan Negeri. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab menguruskan hak-hak keistimewaan Ahli Pentadbiran Kerajaan dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Urus Setia kepada Persidangan Dewan Undangan Negeri

1.1 Dewan Undangan Negeri bertanggungjawab sebagai badan perundangan tertinggi di negeri Melaka yang berperanan dalam pembuatan dasar bagi kerajaan negeri dan membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan berkaitan dengan pembangunan sosial, ekonomi, pertanian, modal insan dan sebagainya. Semua isu yang dibincangkan ini khususnya adalah demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat secara amnya.

1.2 Sebanyak tiga kali persidangan telah diadakan pada tahun 2024 yang dihadiri oleh 28 Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) dan dipengerusikan oleh YB Speaker Dewan Undangan Negeri. Tempoh masa persidangan adalah antara satu hingga empat hari bergantung kepada agenda yang telah ditetapkan. Tarikh-tarikh persidangan bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

- Perasmian Pembukaan Persidangan Pertama, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas dari 5 Mac hingga 7 Mac 2024.
- Persidangan Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas dari 9 Julai hingga 11 Julai 2024.
- Persidangan Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas pada 27, 30 dan 31Disember 2024.

1.3 Perasmian Pembukaan Persidangan Pertama, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas dari 5 Mac hingga 7 Mac 2024.

- Persidangan ini merupakan Persidangan Pertama, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas. Pada hari pertama persidangan, telah diadakan upacara Pembukaan Persidangan yang disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka.
- Dalam persidangan ini sebanyak **tujuh risalat, satu usul, 104 pertanyaan lisan dan 108 pertanyaan bertulis** telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan yang perlu dijawab oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.



Hari Pertama Pembukaan Persidangan Pertama, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas.

1.4 Persidangan Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas dari 9 Julai hingga 11 Julai 2024.

- Persidangan ini merupakan Persidangan Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas.
- Dalam persidangan ini sebanyak **empat risalat, dua usul, 103 pertanyaan lisan dan 90 pertanyaan bertulis** telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan yang perlu dijawab oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.



Bacaan Doa oleh YB Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka.

1.5 Persidangan Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas pada 27, 30 dan 31Disember 2024 selama tiga hari.

- Persidangan ini merupakan Persidangan Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Yang Kelima Belas.
- Dalam persidangan ini sebanyak **satu usul, satu rang undang-undang, 105 pertanyaan lisan dan 101 pertanyaan bertulis** telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan yang perlu dijawab oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- Dalam persidangan ini juga, sejumlah **RM88 juta** Anggaran Bajet Pembangunan Tahun 2025 telah diluluskan dan tiada Peruntukan Tambahan Pengurusan untuk tahun 2024.

2. Urus Setia kepada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)

2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) merupakan Badan Eksekutif yang berperanan untuk membuat keputusan berhubung dengan dasar pentadbiran kerajaan negeri serta keputusan yang berkaitan dengan pembangunan negeri Melaka yang akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

2.2. Pada tahun ini, MMKN telah bermesyuarat sebanyak 37 kali mengikut jadual yang telah diatur.

2.3. Sebanyak **1,570 risalat tanah dan 477 risalat am** telah dibawa dan dibentangkan dalam mesyuarat MMKN untuk pertimbangan dan kelulusan MMKN sepanjang tahun 2024.





3. Urus Setia kepada Jawatankuasa yang Ditubuhkan bawah Dewan Undangan Negeri

Unit Dewan dan MMKN turut menjadi urus setia atas beberapa jawatankuasa yang ditubuhkan bawah Dewan Undangan Negeri, antaranya adalah Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan (PAC) Negeri Melaka.

3.1. Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan (PAC) Negeri Melaka.

- Jawatankuasa ini berperanan untuk membuat semakan dan penelitian atas Laporan Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Melaka dengan mendapatkan maklum balas mengenai tindakan jabatan/agensi terhadap laporan yang ditimbulkan oleh Ketua Audit Negara.
- Sebanyak tiga kali Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan (PAC) Negeri Melaka telah diadakan pada tahun 2024.
- Mesyuarat ini telah membincangkan perkara-perkara yang dibangkitkan menerusi buku Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) untuk memastikan setiap Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan sewajarnya dan melaksanakan penambahbaikkan ke atas isu yang dibangkitkan.



Ahli Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan (PAC) Negeri Melaka sedang bermesyuarat dan menyoal jawab kepada Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan dalam buku Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).



Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan (PAC) Negeri Melaka.

4. Urus Setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri Melaka

4.1 Lembaga Pengampunan Negeri Melaka telah bersidang sebanyak satu kali sepanjang tahun 2024 dan telah meneliti serta membincangkan sebanyak 14 kertas rayuan pengampunan.

4.2 Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri Melaka Bil. 1/2024 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka, Ayer Keroh, Melaka pada 16 Ogos 2024 dan telah dipengerusikan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka.

4.3 Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka; YBhg. Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, Peguam Negara; YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YB Datuk Abd Aziz bin Engan, Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka; manakala ahli mesyuarat dihadiri oleh YBhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh; YBhg. Datuk Wong Nai Chee; YBhg. Datuk Haelmy bin Mohd Hanifah, Setiausaha Mesyuarat; TKP Rosman bin Norman@Normin, Pengarah Jabatan Penjara Negeri Melaka.





Lembaga Pengampunan Negeri Melaka.

5. Urusan Hak-hak Keistimewaan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri/Speaker Dewan Undangan Negeri/Ahli Dewan Undangan Negeri dan Pesara-Pesara Dewan Undangan Negeri

5.1 Sepanjang tahun 2024, pentadbiran ini telah menguruskan hak-hak keistimewaan termasuk emolumen dan elaun-elaun yang berkaitan dengan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri/Speaker Dewan Undangan Negeri serta Ahli Dewan Undangan Negeri.

5.2 Pentadbiran ini juga telah menguruskan bayaran pencen dan pencen terbitan kepada 118 orang iaitu terdiri daripada 64 orang pesara ADUN dan 54 orang penerima pencen terbitan yang dibayar kepada waris pesara ADUN yang telah meninggal dunia.

6. Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Melaka ke Australia dari 30 Julai 2024 hingga 8 Ogos 2024

6.1 Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Melaka ke Australia telah diadakan dari 30 Julai 2024 hingga 8 Ogos 2024. Lawatan ini diketuai oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka bersama-sama YB Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, YB Setiausaha Kerajaan Negeri serta YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka.

6.2 Lawatan kerja ini meliputi program-program seperti Lawatan Sambil Belajar ke Parlimen Australia di Canberra dan kunjungan hormat ke Malaysian High Commission di Yarralumla, Canberra Australia serta Lawatan Teknikal Caravan Park Australia (Canberra – Sydney – Gold Coast) bagi penyediaan Garis Panduan Perancangan Tapak Aktiviti Kenderaan Rekreasi (RV) di negeri Melaka.



Bergambar kenangan di perkarangan Parlimen Australia di Canberra.



Malaysian High Commission di Yarralumla, Canberra, Australia.

7. Lawatan Kerja Daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat ke Dewan Undangan Negeri Melaka Bersempena Pra-Persidangan Speaker-Speaker Se-Malaysia Tahun 2024 pada 23 Julai 2024

7.1 YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka.

7.2 Yang di-Pertua Dewan Rakyat turut mengadakan kunjungan hormat kepada YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum, Speaker DUN Melaka dan melawat Dewan Undangan Negeri Melaka.

7.3 Objektif untuk mempertingkatkan jalinan kerjasama dua hala serta bertukar pandangan selari dengan fungsi utama Parlimen Malaysia sebagai institusi legislatif utama negara disamping membincangkan persediaan Parlimen Malaysia yang akan mempengerusikan ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) pada tahun 2025.





TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA

TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA

PENDAHULUAN

Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) telah ditubuhkan pada 5 Januari 2000 melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil 1/2000 dan menjalankan fungsinya bawah Arahan Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972) Arahan Seksyen 10. Objektif utama TAPEM ditubuhkan adalah untuk memberi bantuan kepada anak Melaka dalam bentuk bantuan material dan kewangan apabila pelajar-pelajar berkenaan mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi sama ada dari dalam atau luar negara.

Terdapat 10 jenis bantuan dan sumbangan Kerajaan Negeri Melaka demi membantu anak-anak Melaka sejak tahun 2000 hingga 2024 berjumlah **RM296,776,279.87** melibatkan sebanyak **244,622 penerima seperti berikut:**

BIL.	JENIS BANTUAN	JUMLAH PENERIMA 2000-2024	JUMLAH (RM) 2000-2024	JUMLAH PENERIMA 2024	PERBELANJAAN 2004 (RM)
1	**Pembukaan SSPN-i Kepada Kelahiran Melaka** • *One-off* RM50.00 seorang (Anak Melaka)	**11,258**	**559,520.00**	**1349**	**67,450.00**
2	**Bantuan Pelajar Sekolah Rendah** • RM200.00 seorang - dinaikan daripada RM150 bermula 2021	**89,850**	**12,891,562.00**	**2402**	**480,400.00**
3	**Biasiswa Melaka (Sekolah Menengah)** • RM600.00 seorang setahun • 79 buah Sekolah	**18,854**	**11,553,360.00**	**559**	**335,400.00**
4	**Pinjaman Wang Pengajian Tinggi** • Semua IPTA dan 4 IPTS (KUIM, ICYM, MiCoST dan ALAM)	**15,999**	**223,341,647.87**	**252**	**3,919,316.80**

BIL.	JENIS BANTUAN	JUMLAH PENERIMA 2000-2024	JUMLAH (RM) 2000-2024	JUMLAH PENERIMA 2024	PERBELANJAAN 2004 (RM)
5	**Bantuan IPT (*One Off*)** • Diploma: RM400.00 • Ijazah/Sarjana/PhD: RM600.00 • Pelajar Muslim UNIMEL dan MiCoST : RM1,000.00	**95,484**	**35,874,750.00**	**5044**	**2,756,400.00**
6.	**Dermasiswa Pelajar SPM Tahfiz Bestari UNIMEL** • Maksimum RM6,000.00 seorang setahun (kadar dermasiswa mengikut pendapatan keluarga)	**257**	**1,071,150.00**	**36**	**131,100.00**
7.	**Dermasiswa Pelajar Maahad Tahfiz** • RM1,200.00 seorang setahun • 21 Maahad Tahfiz yang berdaftar dengan JAIM • 25 pelajar setiap tahfiz	**1114**	**1,420,350.00**	**74**	**131,850.00**
8.	**Dermasiswa Pelajar STAM** • RM1,000.00 seorang setahun	**1134**	**1,134,000.00**	**63**	**63,000.00**
9.	**Dermasiswa Khas Pelajar Mesir** • Tahun 2015 hingga 2018 • RM3,500.00 seorang setahun	**100**	**350,000.00**	**-**	**-**
10.	**Dermasiswa Pengajian Islam (DPI) dalam dan luar negara** • Mulai tahun 2019 * IPTS yang terlibat : KUIS dan UNISHAMS	**418**	**5,727,050.00**	**73**	**1,423,050.00**
11.	**Majlis Anugerah Sekolah dan Pelajar Cemerlang Negeri Melaka** • SPM, STPM, STAM dan Huffaz	**10,194**	**2,852,890.00**	**813**	**355,000.00**
JUMLAH		**244,622**	**296,776,279.87**	**10,665**	**9,662,966.80**

1. Majlis Pelancaran Penyampaian Bantuan Persekolahan Sekolah Rendah Sumbangan Kerajaan Negeri Melaka Sesi Akademik 2024

Majlis Pelancaran Penyampaian Bantuan Persekolahan Sekolah Rendah Sumbangan Kerajaan Negeri Melaka bagi sesi akademik tahun 2024 telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusof, Ketua Menteri Melaka pada 2 Februari 2024 bertempat di Amverton Heritage Resort, Ayer Keroh, Melaka. Peruntukan berjumlah **RM480,400.00** telah diagihkan kepada **Guru Besar Sekolah Rendah Negeri Melaka** mewakili **2,402** orang murid daripada **241 buah sekolah rendah** dalam negeri Melaka menerima sumbangan BPSR berbentuk Kupon bernilai RM200.00 seorang. Pemberian ini bertujuan untuk membantu golongan sasar dan mampu meringankan bebanan ibu bapa.







2. Majlis Perasmian Karnival Pendidikan Futuristik Di Universiti Multimedia Melaka (MMU)

Forum bersama badan penaja Karnival Pendidikan Futuristik@STEM 2024 Sekolah Menengah Negeri Melaka telah diadakan pada 6 Februari hingga 7 Februari 2024 di Dewan Persada Permata Dunia, MMU Melaka. Tujuan program ini adalah untuk mendedahkan para pelajar sekolah menengah kepada pelbagai kerjaya masa hadapan, seiring dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) supaya mereka dapat membuka minda dan tidak terlalu fokus kepada program-program tradisional yang sedia ada. Seramai 660 pelajar sekolah menengah dan 202 orang guru kaunseling menyertai karnival pendidikan ini.









3. Majlis Taklimat Pinjaman Wang Pengajian Tinggi (PWPT) dan Dermasiswa Pengajian Islam (DPI) Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka

Taklimat Pinjaman Wang Pengajian Tinggi (PWPT) dan Dermasiswa Pengajian Tinggi (DPI) Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka telah diadakan pada 14 Mac 2024 bertempat di Dewan Hang Tuah Melaka yang telah dirasmikan oleh Encik Abdul Aziz bin Baba, Pengurus Besar TAPEM. YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka merangkap Pengerusi Lembaga Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka telah berbesar hati memberi kelulusan kepada 325 orang pelajar untuk menerima Pinjaman Wang Pengajian Tinggi dan Dermasiswa Pengajian Islam dengan peruntukan berjumlah **RM5,342,366.80** sepanjang tempoh pengajian.







4. Program *Town Hall* & Iftar Jamaie Bersama YAB Ketua Menteri Melaka

Program *Townhall* bersama Mahasiswa Anak Melaka telah diadakan pada 28 Mac 2024 di Masjid Al-Alami MITC Melaka. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh dengan kehadiran seramai 300 mahasiswa anak Melaka daripada 18 buah universiti seluruh Malaysia. Program Townhall seumpama ini merupakan satu platform atau wadah yang berharga kerana ia membolehkan pemimpin negeri untuk berinteraksi, berkongsi pandangan dan mengatur langkah proaktif bersama mahasiswa yang akan menjadi pewaris modal insan negeri Melaka.









5. Konti Radio Hitz Jasin, Majlis Perbandaran Jasin

Encik Abdul Aziz Baba, Pengurus Besar TAPEM dan Encik Muhammad Amirul Asyraff bin Kamarudin, Pegawai Tadbir TAPEM telah berpeluang bersiaran secara langsung bersama DJ Ubai di Radio Hits Jasin MPJ pada 11 Jun 2024. Peluang ini digunakan bagi menyebarluas peranan dan fungsi TAPEM dalam membantu pendidikan anak Melaka.







6. Karnival Pendidikan, Kerjaya dan TVET di Dewan Datuk Abu Seman, Ayer Limau, Alor Gajah, Melaka

Pengurus Besar TAPEM, Encik Abdul Aziz bin Baba memberi taklimat khusus kepada pelajar-pelajar lepasan SPM tentang fungsi TAPEM di Karnival Kerjaya TVET untuk memberi pengetahuan kepada anak-anak muda melanjutkan pelajaran atau mendapatkan kemahiran lanjutan. Program dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka dan dihadiri oleh hampir 300 pengunjung dari kawasan DUN Ayer Limau.





7. Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang SPM, STAM & Bijak Sejarah SPM, STPM, Bijak Sejarah A STPM, Pelajar Huffaz Sesi Akademik 2023 dan Majlis Pelancaran Bijak SPM Tahun 2024 Kerajaan Negeri Melaka

Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang SPM, STAM, Bijak Sejarah SPM, STPM, Bijak Sejarah A STPM dan HUFFAZ Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2023 telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka bertempat di Bayou Convention Centre, Bukit Katil Melaka. Majlis ini adalah untuk memberi suntikan semangat kepada semua pelajar yang memperoleh keputusan gred cemerlang straight A+ dan straight A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), A+ pada mata pelajaran Sejarah dan keputusan Jayyid Jiddan dan Mumtaz bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), PNGK 4.00 dalam STPM, Sejarah A dan pelajar Huffaz yang telah berjaya menghafal 30 Juzuk Al-Quran yang telah mendapat Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang diiktiraf oleh Darul Quran JAKIM. Majlis yang telah diraikan secara gilang gemilang ini telah dapat memberi semangat dan motivasi kepada seramai **1,211** orang pelajar cemerlang dengan peruntukan sebanyak **RM410,900.00**.









8. Perjumpaan Ikatan Mahasiswa Anak Melaka Bersama Pengurus Besar TAPEM

Satu perjumpaan antara Ikatan Mahasiswa Anak Melaka (MEGA) dengan pengurusan tertinggi TAPEM telah diadakan pada 31 Julai 2024. Perjumpaan ini dihadiri oleh Encik Abdul Aziz bin Baba, Pengurus Besar TAPEM, Encik Muhammad Amirul Asyraff bin Kamarudin, Pegawai Tadbir TAPEM dan Tuan Haji Roslan bin Haji Abu Samah, Penolong Pegawai Tadbir TAPEM, Setiausaha Agung MEGA serta beberapa orang wakil MEGA. Tujuan perjumpaan adalah membantu dan mengenalpasti sebarang permasalahan dalam kalangan pelajar anak Melaka untuk tindakan susulan Kerajaan Negeri Melaka.







9. Temuduga Dermasiswa Pengajian Islam Pelajar Luar Negara Timur Tengah (SPLAN)

Temuduga Dermasiswa Pengajian Islam Pelajar Luar Negara Timur Tengah (SPLAN) Sesi November 2024 melibatkan seramai 13 pelajar yang layak untuk ditemuduga. Panel temuduga terdiri daripada Encik Abdul Aziz bin Baba, Pengurus Besar TAPEM dan sekretariat SPLAN.







10. Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Pelajar-Pelajar Orang Asli Negeri Melaka Sesi Akademik 2024

Seramai 580 anak-anak orang Asli peringkat tadika hingga sekolah menengah dalam negeri Melaka diraikan dengan pemberian RM50.00 seorang sebagai galakkan dan semangat juang menuntut ilmu. Majlis telah diadakan di JAPERUN Taboh Naning dan dirasmikan oleh YB Datuk Haji Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin, ADUN Taboh Naning pada 15 Ogos 2024.









11. Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Alaudin Masjid Tanah Melaka

Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Alaudin Masjid Tanah, Melaka telah diadakan pada 16 Ogos 2024. Perasmian sambutan berkenaan telah disempurnakan oleh Encik Abdul Aziz bin Baba, Pengurus Besar TAPEM. Program ini dilaksanakan oleh pihak pengurusan sekolah dalam usaha meningkatkan kefahaman pelajar mengenai erti kemerdekaan dan menanam semangat patrotisme dalam kalangan generasi muda.









12. Majlis Perasmian Penutup Bijak SPM Tahun 2024 Peringkat Daerah Jasin dan Melaka Tengah

Majlis Perasmian Penutup Program Bijak SPM 2024 peringkat Daerah Jasin telah diadakan di MRSM Tun Ghafar Baba dan dirasmikan oleh YB Datuk Khaidirah binti Datuk Seri Abu Zahar, Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET. Manakala Program bijak SPM peringkat Melaka Tengah telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Rahmad bin Mariman, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama bertempat di Hotel Tun Fatimah Riverside. Program ini melibatkan sebanyak **12,796** pelajar calon SPM 2024 dengan peruntukan sebanyak **RM639,800.00.**









13. Taklimat Perjumpaan Pelajar Timur Tengah Negeri Melaka

Taklimat Perjumpaan Pelajar Timur Tengah Negeri Melaka bersama Sekretariat Pengurusan Pelajar Luar Negara Negeri Melaka (SPLAN) pada 28 Ogos 2024 di Dewan Ibnu Sina, Balai Islam. Taklimat ini telah dirasmikan oleh Encik Shaifulfazlee bin Mohamad, Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka.







14. Taklimat Dermasiswa Pengajian Islam Sesi Mei 2024

Taklimat Dermasiswa Pengajian Islam kepada seramai 13 penerima Dermasiswa telah disampaikan oleh YBrs. Encik Abdul Aziz bin Baba Pengurus Besar Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka.







15. Program Prihatin Bitara Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

Encik Abdul Aziz bin Baba, Pengurus Besar TAPEM telah merasmikan Program Prihatin Bitara anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Melaka Tahun 2024 pada 21 Oktober 2024 bertempat di Dewan Bestari, Jabatan Pendidikan Melaka. Program Prihatin Bitara adalah program satu strategi dalam kriteria penambahbaikan berterusan dalam standard kecemerlangan Jabatan Pendidikan Negeri. Objektif program ini adalah membantu murid yang berisiko cicir kerana faktor kemiskinan serta membantu meringankan beban murid dan keluarga serta rasa dipunyai. Selain daripada itu, program ini juga dapat melonjakkan prestasi dan membina karakter murid.





16. Bengkel Pengukuhan Berpasukan Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka Bagi Tahun 2024

Sebanyak 27 warga kerja Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) telah menyertai bengkel pengukuhan berpasukan yang dilaksanakan dari 26 Oktober hingga 27 Oktober 2024 bertempat di Park Royal A Famosa Resort. Objektif program ini adalah untuk membina jaringan kerjasama yang erat, mempertingkatkan persefahaman, sikap saling menghormati dan semangat setia kawan. Selain itu, ianya bertujuan untuk memahami peranan dan nilai kepimpinan dalam pasukan untuk mencapai kecemerlangan organisasi, memperkukuhkan kerjasama dan perhubungan dalam menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif.









17. Program Perkampungan Ilmu Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2024

Program Perkampungan Ilmu Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang telah diadakan pada 8 November hingga 10 November 2024 di Muzaffar Hotel adalah bertujuan untuk memantapkan persediaan pelajar menghadapi peperiksaan dan dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik. Program ini dapat memberi peluang yang terbaik kepada pelajar untuk mengikuti bengkel teknik menjawab soalan dengan lebih sistematik. Program ini juga dapat menyuntik semangat dan motivasi dalam kalangan para pelajar dan melahirkan pelajar yang cemerlang dan berketerampilan daripada sudut akademik dan sahsiah. Program Perkampung Ilmu Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2024 melibatkan 70 calon STAM daripada sekolah SM Arab JAIM Al-Asyraf, Pulau Sebang, SM Arab Al-Ahmadi, Sungai Udang dan SM Arab As-Syakirin, Selandar, Jasin.





18. Majlis Perasmian Penutupan Program Sentuhan Kasih Ketua Menteri Melaka Bijak SPM dan STPM

Majlis Perasmian Penutupan Program Sentuhan Kasih Ketua Menteri Melaka Bijak SPM dan STPM telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka pada 14hb November 2024 bertempat di UniKL MICET Alor Gajah. Sebanyak 312 calon cemerlang SPM dan 250 calon cemerlang STPM seluruh Negeri Melaka telah menghadiri majlis ini. Program ini dapat memberi peluang yang terbaik kepada pelajar untuk mengikuti bengkel teknik menjawab soalan dengan lebih sistematik. Program ini juga dapat menyuntik semangat dan motivasi dalam kalangan pelajar dan melahirkan pelajar yang cemerlang serta berketerampilan daripada sudut akademik dan sahsiah. Selain itu, sebagai pemangkin kepada peningkatan kualiti peperiksaan SPM dan STPM Negeri Melaka bagi Tahun 2024.





19. Kunjung Hormat Delegasi Majlis Pengetua Daerah Larut Matang dan Selama Perak Darul Ridzuan

Sebanyak 32 orang pengetua dari Majlis Pengetua Daerah Larut Matang dan Selama telah mengadakan kunjungan hormat ke Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka dalam usaha untuk mendapatkan input mengenai skim-skim dan peranan TAPEM sebagai peneraju pendidikan anak-anak negeri Melaka.









20. Majlis Penyampaian Bantuan Institusi Pengajian Tinggi Care IPT (*One-Off*) Peringkat Parlimen dan DUN Negeri Melaka

Majlis Penyampaian Bantuan Institusi Pengajian Tinggi *Care IPT (One-Off)* peringkat parlimen dan DUN negeri Melaka telah diadakan bermula bulan Januari sehingga Disember 2024. Penyerahan bantuan ini disempurnakan oleh YB Ahli Dewan Negeri setiap kawasan yang melibatkan sebanyak **5,044 pelajar** dengan peruntukan sebanyak **RM2,756,400.00.** Pelajar anak Melaka yang menyambung pengajian peringkat Diploma dan Ijazah ke atas serta menepati syarat Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) layak membuat permohonan bantuan awal kemasukan Universiti. Bagi peringkat Diploma pelajar menerima bantuan tunai sebanyak RM400.00 manakala peringkat Ijazah ke atas pelajar menerima bantuan sebanyak RM600.00.

DUN Tanjung Bidara





DUN Ayer Limau





Parlimen Hang Tuah Jaya





Parlimen Kota Melaka





DUN Teluk Mas



DUN Pantai Kundor





DUN Merlimau





DUN Duyong





PARLIMEN Alor Gajah





DUN Asahan





DUN Gadek





DUN Klebang





DUN Machap





DUN Bandar Hilir





DUN Kuala Linggi





DUN Durian Tunggal





DUN Lendu





PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA

PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA

PENDAHULUAN

VISI
Menjadi agensi pengurusan pelaburan hartanah terunggul di peringkat global.

MISI
Meningkatkan kecekapan pengurusan hartanah dengan mengoptimumkan peluang-peluang pelaburan bagi projek-projek pembangunan dan penswastaan.

MOTO
"Keusahawanan dan Pelaburan Global"

PENGENALAN

Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) ditubuhkan bawah Enakmen Ketua Menteri Melaka (Pemerbadanan) 1993. Penubuhan asalnya adalah bertujuan membantu anak-anak syarikat kerajaan negeri dan anak-anak syarikat agensi kerajaan Negeri Melaka dari segi pengurusan kewangan dan khidmat nasihat kewangan. Fungsi CMI kemudiannya telah diperluaskan kepada pengurusan hartanah milik Kerajaan Negeri Melaka.

OBJEKTIF DAN FUNGSI ORGANISASI

1. Mengurus dan mentadbir hartanah milik CMI.
2. Melaksanakan projek-projek pembangunan dan penswastaan.
3. Menguruskan hak eksklusif permohonan permit pengeluaran bahan batuan atas tanah kerajaan dan hutan simpan kekal di negeri Melaka.
4. Menguruskan hak eksklusif permohonan lesen pengiklanan papan iklan luar di negeri Melaka.
5. Memantau prestasi anak-anak syarikat bawah CMI (termasuk syarikat bersekutu).
6. Mengurus tadbir konsesi penyelenggaraan jalan raya (Skop Rutin) bawah peruntukan tahunan MARRIS.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Majlis Penyerahan Dokumen Nota Serah Tugas Daripada Encik Masrul Faizal bin Mohamad (Mantan Pengurus Besar CMI) Kepada Encik Mohd Saleh bin Jusman Pengurus Besar CMI Yang Baharu

Majlis penyerahan dokumen Nota Serah Tugas merupakan satu amalan tadbir urus yang baik dan terancang bagi memastikan kelangsungan pengurusan organisasi. Majlis ini diadakan bersempena dengan pertukaran Encik Masrul Faizal bin Mohamad selaku mantan Pengurus Besar kepada Encik Mohd Saleh bin Jusman, Pengurus Besar CMI yang baharu.





2. Majlis Tahlil dan Ceramah Agama Bersempena Bulan Ramadan 1445H

Pihak pengurusan CMI telah mengadakan Majlis Tahlil dan Ceramah Agama bersempena dengan ketibaan bulan Ramadan 1445H pada 8 Mac 2024. Majlis berkenaan telah diketuai olehpenceramah jemputan iaitu Ustaz Haji Hairul Amin bin Madon, Pegawai Khas Agama, Pejabat Ketua Menteri Melaka dan dihadiri oleh semua warga kerja CMI.





3. Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI)

Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) telah diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2024 iaitu pada 18 Mac 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Hang Jebat dan pada 6 Disember 2024 bertempat di Villa D'Aqua, Masjid Tanah. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah CMI. Turut hadir ialah YB Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YB Datuk Abd Aziz bin Engan, Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka; YB Datuk Wira Salhah binti Salleh, Pegawai Kewangan Negeri Melaka; YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat @ Limat, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan); dan YBhg. Datuk Mohd Saleh bin Jusman, Pengurus Besar CMI.





Mesyuarat Lembaga Pengarah CMI Bil.1/2024





Mesyuarat Lembaga Pengarah CMI Bil.2/2024

4. Lawatan Kerja ke Singapura oleh Ahli Lembaga Pengarah CMI Bersama Pegawai dan Kakitangan Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI)

Pada 29 Mac hingga 31 Mac 2024, sebanyak 19 orang Ahli Lembaga dan pegawai CMI telah mengadakan Lawatan Kerja ke Singapura yang bertujuan untuk mendapatkan pendedahan mengenai pelaksanaan operasi kawasan tarikan pelancongan Singapura untuk diaplikasikan di aset-aset milik CMI terutama di Pulau Melaka, Pulau Upeh dan Taman Ekstrem Tasik Chinchin (TETC) bersempena dengan Tahun Melawat Melaka (TMM) 2024.



5. Program Agihan Bubur Lambuk

Majlis Pengagihan Bubur Lambuk oleh Perbadanan Ketua Menteri Melaka dengan kerjasama Kelab Rekreasi dan Kebajikan CMI telah dilaksanakan pada 26 Mac 2024 dengan mengagihkan sebanyak 500 pek bubur lambuk kepada anak-anak syarikat milik CMI dan orang ramai.

Majlis Pengagihan Bubur Lambuk ini diadakan bertujuan untuk:

- Menyemarakkan semangat Ramadan dalam kalangan warga kerja CMI dan orang awam.
- Memupuk budaya memberi serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara pengurusan, kakitangan, dan orang awam.





6. Lawatan Teknikal Pemindahan Teknologi ke Melbourne, Australia Bagi Konsesi Penyelenggaraan Rutin Jalan Negeri, Jalan Pihak Berkuasa Tempatan, Jalan Kampung, dan Jalan Pertanian Secara Bersepadu di negeri Melaka

Lawatan Teknikal Pemindahan Teknologi ke Melbourne, Australia telah diadakan pada 29 Julai 2024 hingga 1 Ogos 2024. Delegasi Kerajaan Negeri Melaka telah diketuai oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka.

Tujuan lawatan adalah untuk meneroka teknologi serta sistem terkini yang bersesuaian untuk digunapakai dalam perlaksanaan konsesi penyelenggaraan jalan di negeri Melaka bagi memastikan kemudahan infrastuktur ini berada pada tahap terbaik untuk kegunaan masyarakat setempat.





7. Program Ibadah Korban Kelab Rekreasi dan Kebajikan CMI (KRKCMI) bersama Perbadanan Ketua Menteri Melaka

Program Ibadah Korban KRKCMI 1445H anjuran Kelab Rekreasi dan Kebajikan CMI (KRKCMI) dengan kerjasama Perbadanan Ketua Menteri Melaka telah dilaksanakan pada 19 Jun 2024 bertempat di Pondok Pengajian Ilmu Wahyu Merlimau Melaka.

Program Ibadah Korban merupakan salah satu aktiviti tahunan yang dilaksanakan bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha. Program ini bertujuan untuk menghayati erti pengorbanan serta memperkukuh hubungan silaturrahim sesama warga kerja Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI).

Tujuan pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:-

- Meraikan Hari Raya Aidiladha dengan melaksanakan ibadah korban dikalangan warga CMI.
- Meningkatkan semangat keprihatinan dan kebersamaan dalam kalangan warga kerja CMI.
- Menyampaikan daging korban kepada golongan yang memerlukan seperti asnaf dan masyarakat setempat.





8. Menanam Anak Pokok Mangga di Taman Tasik Ekstrim Chinchin (TETC)

YBhg. Datuk Mohd Saleh bin Jusman, Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) bersama warga kerja CMI telah menanam anak pokok mangga di Taman Ekstrem Tasik Chinchin pada 2 Oktober 2024. Penanaman pokok ini bukan hanya bertujuan untuk memperindah kawasan sekitar, tetapi juga sebagai salah satu langkah dalam mempromosikan amalan hijau dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar di kalangan semua.

9. Taman Tasik Ekstrem Chinchin Aset Milik CMI

Pembukaan semula Taman Tasik Ekstrem Chinchin secara berperingkat mulai 26 Oktober 2024 merupakan langkah proaktif dalam memastikan penggunaan aset milik CMI dimanfaatkan sepenuhnya kepada orang awam. Komitmen CMI dalam pengurusan dan penyelenggaraan aset ini akan diteruskan bagi menjamin keselamatan, keselesaan serta kepuasan pengunjung.

TETC ini berpotensi untuk dijadikan tempat riadah dengan penyediaan pelbagai fasiliti termasuk chalet, kolam renang, pusat rekreasi, tapak karavan, tapak khemah, dewan dan banyak lagi.





10. Majlis Makan Malam dan Penganugerahan CEO of The Year Bagi Tahun 2023/2024

Tahniah dan syabas kepada YBhg. Datuk Mohd Saleh bin Jusman atas penganugerahan "The Best CEO Of The Year Awards" bersempena Majlis Makan Malam dan Penganugerahan CEO Of The Year Bagi Tahun 2023/2024. Ketokohan beliau sebagai Pengurus Besar CMI terbukti bahawa Perbadanan Ketua Menteri Melaka telah berjaya membantu anak-anak syarikat, perpindahan Pejabat Baharu, Kompleks CMI dan pembukaan semula Taman Ekstrem Tasik Chinchin, Jasin.







11. Menziarahi Kematian Bapa Kakitangan CMI

YBhg. Datuk Mohd Saleh bin Jusman, Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) bersama kakitangan CMI telah menziarahi ke rumah seorang kakitangan iaitu Cik Nurraidah binti Md Anuar yang telah kehilangan bapa beliau pada 6 Disember 2024. Pihak pengurusan telah menyampaikan sedikit sumbangan dan mendoakan agaar roh bapanya ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman.

12. Program Team Building CMI

Program Team Building CMI telah berlangsung daripada 11 Disember hingga 13 Disember 2024 di Bonda Valley By Rozita Ibrahim yang terletak di Rumah Hutan Terapi Alam, Jalan Lama Genting, 44300, Batang Kali, Selangor. Sebanyak 39 orang pegawai dan kakitangan CMI hadir program tersebut.

Program ini bertujuan mengeratkan silaturrahum dan hubungan kemesraan sesama peserta, membina keserasian dan tahap persefahaman yang tinggi dalam kalangan peserta, membina jaringan hubungan yang rapat dan mengurangkan 'gap' antara peserta. Selain itu, meningkatkan motivasi diri dan semangat kerja berpasukan dan menguji tahap kesabaran, emosi dan ketahanan mental.









13. Majlis Makan Malam CMI

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka telah merasmikan Majlis Makan Malam CMI pada 26 Disember 2024 bertempat di Perkarangan Kompleks CMI. Turut hadir sama ialah Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI). YAB Ketua Menteri Melaka turut merakamkan penghargaan terima kasih atas khidmat bakti YBhg. Datuk Mohd Saleh bin Jusman sebagai Pengurus Besar CMI yang akan mengetuai Syarikat Air Melaka mulai 1 Januari 2025.







BAHAGIAN KHIDMAT MUSAADAH DAN PEMBANGUNAN BELIA

BAHAGIAN KHIDMAT MUSAADAH DAN PEMBANGUNAN BELIA

PENDAHULUAN

Bahagian Khidmat Musa'adah telah diwujudkan pada 13 Mei 2020 oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) Bil. 4 Tahun 2020, dan Tuan Haji Sha'ari bin Samsudin telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian dan ditempatkan di bangunan kerajaan yang terletak di Rumah No. 17, Bukit Peringgit, Melaka.

Manakala pada 15 Februari 2022, Unit Pembangunan Belia telah diwujudkan dan seterusnya diserapkan ke Bahagian Khidmat Musaadah dan kini dikenali sebagai Bahagian Khidmat Musaadah dan Pembangunan Belia (BKMPB).

Bahagian Khidmat Musaadah dan Pembangunan Belia berada bawah tiga portfolio iaitu :

1. Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang dipengerusikan oleh YB Datuk Dr. Muhamad Akmal bin Saleh.
2. Exco Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang dipengerusikan oleh YB Datuk P. Shanmugam a/l V. Pitchay.
3. Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti yang dipengerusikan oleh YB Datuk Hajah Kalsom binti Nordin.

Bahagian ini terbahagi kepada tiga unit utama iaitu:

1. Unit Pentadbiran, Kewangan dan Kebajikan
2. Unit Kemasyarakatan
3. Unit Pembangunan Belia

OBJEKTIF BAHAGIAN

Menjadi agensi penghubung kerajaan dengan masyarakat termasuk golongan belia dalam memastikan dasar-dasar dan matlamat kerajaan dapat disampaikan dan dilaksanakan secara efektif dan berkesan.

VISI BAHAGIAN

Menjadi sebuah organisasi yang unggul dalam usaha untuk membantu masyarakat serta golongan belia supaya menjadi berdaya saing dalam bidang sosial dan ekonomi agar dapat keluar daripada paras kemiskinan negeri Melaka.

MISI BAHAGIAN

Membantu kerajaan negeri mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat termasuk golongan belia melalui program-program yang dirancang.

FUNGSI BAHAGIAN

1. Menyelaraskan urusan berkaitan dengan pelantikan, pertukaran, dan penamatan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Sidang dan Pegawai Perhubungan di negeri Melaka;
2. Menyelaraskan permohonan Bantuan Melaka Sara Rakyat (MESRA-Bantuan Pengurusan Jenazah) daripada rakyat Negeri Melaka.
3. Menyelaraskan permohonan peruntukan berkaitan Inisiatif Belia Progresif daripada Persatuan-persatuan Belia Negeri Melaka.
4. Menyelaraskan urusan berkaitan pelantikan, bengkel serta Persidangan Ahli Dewan Belia Negeri Melaka.
5. Mengurus setia serta menyelaras urusan sukarelawan Paramedik Komuniti (PARAKOM) Negeri Melaka berkaitan pelantikan, latihan serta pembayaran elaun.
6. Menyelaraskan program-program dan aktiviti kemasyarakatan serta bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan daripada agensi kerajaan, swasta dan NGO.
7. Menguruskan dan menyelaras urusan berkaitan insurans untuk JPKK, JPKKB, JPKKOA, Sidang dan Lembaga Adat Orang Asli Negeri Melaka.
8. Memantau dan mengumpulkan data penerima bantuan negeri Melaka berdasarkan maklumat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka (JKM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Pejabat Pembangunan Negeri Melaka (SDO), Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) dan Lembaga Perumahan Negeri Melaka (LPM).

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Program Lawatan Pelajar Tingkatan Enam Atas Parlimen Masjid Tanah ke Persidangan Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas.

Bahagian Khidmat Musaadah dan Pembangunan Belia telah menjemput pelajar Tingkatan Enam Atas daripada Parlimen Masjid Tanah untuk menghadiri Persidangan Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas pada 30 Disember hingga 31 Disember 2024.

Sebanyak 98 orang pelajar termasuk guru pengiring telah menghadiri persidangan tersebut yang terdiri daripada tiga buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Alauddin, Sekolah Menengah Kebangsaan Ghafar Baba dan Sekolah Menengah Kebangsaan Lubok China.

Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai proses perundangan dan penggubalan dasar yang dijalankan di peringkat negeri.















2. Program Bengkel Kemahiran *Malaysian University English Test* (MUET) Tahun 2024 Peringkat Negeri Melaka

Bahagian Khidmat Musaadah dan Pembangunan Belia telah menganjurkan Bengkel Kemahiran *Malaysian University English Test* (MUET) tahun 2024 Peringkat Negeri Melaka bertempat di IPG Kampus Perempuan Melayu, Melaka pada 12 September hingga 14 September 2024 di mana bengkel ini telah dikendalikan oleh Puan Cheok Mei Lick, pensyarah Kolej Tingkatan Enam Tun Fatimah.

Sebanyak 121 orang pelajar telah menyertai bengkel ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama (JAIM) Al-Ahmadi, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Talib Karim, Sekolah Menengah Kebangsaan Ghafar Baba, Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek, Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah, Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Melaka, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Dol Said, Sekolah Menengah Kebangsaan Gajah Berang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Muhammad.

Majlis Perasmian Penutup bengkel ini disempurnakan oleh YBrs. Dr. Hajah Karitini binti Mutalib, Pengarah IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka, dan turut dihadiri oleh Encik Mohd Yazid bin Baharom, wakil Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

MAJLIS SUKAN NEGERI MELAKA

MAJLIS SUKAN NEGERI MELAKA

PENDAHULUAN

Majlis Sukan Negeri Melaka (MSNM) ditubuhkan untuk memastikan dasar dan pengurusan sukan negeri Melaka dilaksanakan bagi tujuan kemajuan dan kepentingan sukan negeri dengan memberi tumpuan terhadap sukan prestasi tinggi selaras dengan Dasar Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan. Penyelarasan dan bantuan khidmat nasihat kepada persatuan-persatuan sukan negeri juga merupakan antara tugas MSN Melaka bagi memastikan aktiviti yang dilaksanakan mencapai objektif pelaksanaan program masing-masing. MSN Melaka juga membuat tinjauan dan kajian serta cadangan kepada Kerajaan Negeri berkaitan cara, langkah dan dasar yang perlu diambil bagi memudahkan kemajuan dan pembangunan sukan negeri.

CARTA ORGANISASI MAJLIS SUKAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN 2025



AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Kursus Kejurulatihan Sukan Berprestasi Tinggi: Periodisasi Sukan Bersempena Sukan Malaysia (SUKMA) XXI, Sarawak 2024

Persiapan Kontinjen Negeri Melaka ke Temasya SUKMA XXI, Sarawak 2024 dimulakan dengan penganjuran Kursus Kejurulatihan Sukan Berprestasi Tinggi: Periodisasi Sukan Siri 1 bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Majlis ini dirasmikan oleh YB Datuk P. Shanmugam a/l V. Pitchay, Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), selaku Pengerusi Majlis Sukan Negeri Melaka manakala majlis penutupan dirasmikan oleh Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal, Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka.

Sebanyak 67 jurulatih daripada 37 jenis sukan yang dipertandingkan pada SUKMA XXI, Sarawak 2024 hadir bagi persiapan pelan latihan masing-masing. Keseluruhan warga MSN Melaka juga turut serta sepanjang kursus berlangsung sebagai tanda sokongan dan komitmen kepada jurulatih Kontinjen SUKMA Melaka demi satu matlamat yang sama iaitu Kecemerlangan Sukan Demi Negeri Melaka.









2. Lawatan Kerja ke *Pace Physiotherapy Centre*

Pengarah MSN Melaka, Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal, bersama pegawai-pegawai MSN Melaka telah mengadakan lawatan kerja ke *Pace Physiotherapy Centre* yang terletak di Taman Kota Shahbandar, Melaka pada 1 Februari 2024. Tujuan lawatan ini ialah untuk membincangkan kemudahan yang boleh ditawarkan kepada atlet negeri Melaka. Kehadiran Pengarah disambut oleh Puan Gladys Yap, Ketua Pegawai Pemasaran dan pegawai-pegawai di pusat tersebut. Taklimat berkaitan kemudahan yang terdapat di pusat tersebut telah dibentangkan oleh beliau dan juga oleh Encik Hakimi bin Rohazli, Ketua Fisioterapi *Pace Physiotherapy Centre.*





3. Lawatan Kerja ke Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak

Pihak MSN Melaka telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak bertempat di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya pada 2 Februari 2024. Tujuan lawatan ini ialah untuk meninjau fasiliti dan kemudahan yang boleh ditawarkan kepada jurulatih dan atlet negeri Melaka. Kehadiran Pengarah disambut oleh Encik Tan Eng Wah, Ketua Pegawai Rehabilitasi dan taklimat berkaitan manfaat caruman PERKESO telah disampaikan oleh Encik Nasarudin bin Ahmad, Pegawai Eksekutif Kanan, Pejabat PERKESO Negeri Melaka.


PERKESO


PERKESO
PUSAT REHABILITASI
PERKESO
TUN ABDUL RAZAK




PERKESO
PUSAT REHABILITASI
PERKESO
TUN ABDUL RAZAK
PUSAT REHABILITASI PERKESO
SEDEKAD
PERKESO
MEMACU REVOLUSI REHABILITASI
2014 - 2024

4. Majlis Penyerahan Projek Kerja Penyelenggaraan Bangunan dan Kerja-kerja Lain Berkaitan Dewan Gimnastik Ayer Leleh Melaka

Satu majlis ringkas bagi penyerahan projek telah dilaksanakan antara JKR dengan MSN Melaka bertempat di Dewan Gimnastik Ayer Leleh Melaka pada 7 Februari 2024.

Simbolik serahan siap kerja telah disempurnakan antara Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal, Pengarah MSN Melaka dengan Ir. Mahalik bin Mokhtar, Jurutera JKR Daerah Melaka Tengah dan disaksikan oleh YBhg. Datuk Ir. Ismail bin Abd Rahman, Pengarah Jabatan Kerja Raya Melaka. Kerja penyelenggaraan dan baik pulih ini telah siap dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 15 September 2023 hingga selesai iaitu pada 8 Disember 2023.









5. Majlis Penyerahan Pelantikan Watikah Bapa Angkat (YB), Jabatan Angkat dan Anak Angkat (Sukan) Bersempena Sukan Malaysia XXI, Sarawak 2024

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Bapa Angkat (YB), Jabatan Angkat dan Anak Angkat (Sukan) bersempena Sukan Malaysia (SUKMA) XXI, Sarawak 2024 telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka pada 4 Mac 2024 bertempat di Auditorium Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka. Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran YB Datuk P. Shanmugam a/l V. Pitchay, Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), Ketua-ketua jabatan dan wakil-wakil persatuan sukan negeri Melaka.

Pada majlis berkenaan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri Sarawak turut hadir sebagai agensi yang dilantik sebagai Bapa Angkat kepada Kontinjen Negeri Melaka bersempena temasya SUKMA XXI, Sarawak 2024.

Sebanyak 37 jenis sukan dipertandingkan dalam SUKMA XXI yang berlangsung dari 17 Ogos hingga 24 Ogos 2024 dan melibatkan 490 acara sukan yang dilaksanakan di sembilan bahagian serta lima kawasan perkampungan sukan di seluruh negeri Sarawak.







6. Kunjungan Hormat Delegasi SUKMA Sarawak Bersempena Promosi SUKMA dan Para SUKMA XXI Sarawak 2024 ke negeri Melaka

YB Datuk P. Shanmugam a/l V. Pitchay, Exco Belia, Sukan dan NGO Negeri Melaka yang mewakili YAB Ketua Menteri Melaka telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Sekretariat SUKMA dan Para SUKMA XXI Sarawak 2024 di Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka pada 25 April 2024. Tujuan kunjungan hormat ini adalah bagi memaklumkan butiran dan perincian berkaitan program SUKMA XXI Sarawak 2024 serta menyerahkan surat jemputan bagi menghadiri Majlis Perasmian, Majlis Penutupan dan Majlis Makan Malam SUKMA XXI 2024 kepada Kerajaan Negeri Melaka.













7. Kursus Sains Sukan Tahap 1 bagi Tahun 2024 Anjuran MSN Melaka dan Universiti Multimedia Melaka (MMU)

MSN Negeri Melaka dengan kerjasama Universiti Multimedia Melaka (MMU) telah menganjurkan Kursus Sains Sukan Tahap 1 bagi Tahun 2024 bertempat di CDP Theatre 1, MMU dengan penyertaan sebanyak 82 peserta dari pelbagai latar belakang dan negeri seluruh Malaysia. Kursus telah diadakan selama lima hari bermula dari 29 April hingga 3 Mei 2024 dan telah dirasmikan oleh Exco Belia, Sukan dan NGO Negeri Melaka, YB Datuk P. Shanmugam a/l V. Pitchay pada 29 April 2024. Hadir sama semasa majlis perasmian kursus ialah Pengarah MSN Melaka, Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal dan Timbalan Pengarah Gaya Hidup dan Pengalaman Pelajar (STYLE) MMU Melaka, Puan Putri Nurul 'Aainaa binti Rusli.









8. Karnival Bakat Kebangsaan Melaka Siri 2/2024

Karnival Bakat Kebangsaan Siri 2/2024 telah berlangsung di negeri Melaka dari 23 Mei hingga 26 Mei 2024. Karnival ini menampilkan empat jenis sukan iaitu Taekwondo, Karate, Judo dan Tinju. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Menteri Belia dan Sukan, YB Puan Hannah Yeoh yang telah menyempurnakan majlis penyampaian pingat kepada para pemenang sukan karate di Dewan Bola Keranjang MBMB, Bukit Serindit. Turut hadir sama ialah Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Encik Abdul Rashid bin Yaakub, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pengurusan MSN, Encik Arrifin bin Mohd Ghani, dan Pengarah Bahagian Bakat dan Pembangunan Wanita MSN, Encik Mohd Safrushahar bin Yusof.









9. Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan *2nd Malaysia Finswimming Championship 2024*

Kejohanan *2nd Malaysia Finswimming Championship 2024* Peringkat Kebangsaan telah berlangsung selama dua hari bermula daripada 8 Jun hingga 9 Jun 2024 di Pusat Akuatik, Stadium Hang Jebat Melaka dengan jumlah penyertaan atlet sebanyak 331 peserta dari seluruh negara.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka bagi menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang. Ketibaan TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka disambut oleh Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal, Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka; Encik Khairul Adri bin Dato' Rosli, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka; Encik Suprawee Sukerd, President of World Underwater Federation South East Asia dan Encik Ravivarma Sanmugam, Presiden Persatuan Finswimming Malaysia. Tahniah dan syabas kepada Kontijen Melaka yang telah menjadi Juara keseluruhan bagi Kejohanan *2nd Malaysia Finswimming Championship 2024.*









10. Majlis Penyerahan Wang Saguhati kepada Tiga Atlet Negeri Melaka yang Layak Bertanding di Sukan Olimpik Paris 2024

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka telah menyerahkan wang sagu hati bernilai RM3,000 sumbangan Kerajaan Negeri Melaka kepada tiga atlet negeri Melaka yang layak bertanding di Sukan Olimpik Paris 2024 pada satu majlis ringkas di Pejabat YAB Ketua Menteri Melaka pada 9 Julai 2024. Tiga atlet yang terlibat ialah Johnathan Wong bagi sukan menembak (*Pistol Air Rifle 10m*); Aaron Chia Teng Fong (Badminton Beregu Lelaki); dan Toh Ee Wei (Badminton Beregu Campuran). Aaron Chia Teng Fong dan Toh Ee Wei diwakili oleh ahli keluarga masing-masing. Turut hadir sama, YB Datuk P. Shanmugam a/l V. Pitchay, Exco Belia,Sukan dan NGO Negeri Melaka, dan Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal, Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka.









11. Perhimpunan Kontinjen Negeri Melaka Bersempena Sukan Malaysia (SUKMA) XXI Sarawak 2024

Perhimpunan Kontinjen Negeri Melaka telah dilaksanakan selama dua hari iaitu daripada 27 Julai hingga 28 Julai 2024 bertempat di Stadium Mini Bistari, Ayer Keroh, Melaka yang melibatkan penyertaan sebanyak 336 peserta terdiri daripada atlet, jurulatih dan juga pengurus pasukan bagi 37 jenis sukan dari Kontinjen Negeri Melaka yang terlibat dengan SUKMA XXI.

Pelbagai program dilaksanakan sempena perhimpunan berkenaan meliputi taklimat berkaitan SUKMA XXI Sarawak, sesi motivasi bersama bekas atlet negara yang disampaikan oleh Sharon Wee, taklimat berkaitan *Doping* Dalam Sukan, aktiviti berkaitan sesi pengukuhan pasukan seperti *Ice Breaking, Holey Tarp & Spot-iT, Tarantula X Relay* dan akhir sekali amanat yang disampaikan oleh Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal, Pengarah MSN Melaka.









12. Majlis Perasmian Sukan Malaysia (SUKMA) XXI Sarawak 2024

Majlis Perasmian SUKMA XXI Sarawak 2024 telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Stadium Kuching, Sarawak pada 17 Ogos 2024. Turut hadir sama, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak; YB Puan Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan; dan YB Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak.

YB Datuk P. Shanmugam a/l V. Pitchay, Exco Belia, Sukan dan NGO Negeri Melaka selaku Chef de Mission dan Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal, Pengarah MSN Melaka yang juga merupakan Timbalan Chef de Mission telah mengetuai perbarisan masuk Kontinjen Negeri Melaka pada majlis perasmian tersebut. Pada temasya SUKMA kali ini negeri Melaka telah menyertai 37 jenis sukan dari 39 jenis sukan yang dipertandingkan dengan kekuatan kontinjen sebanyak 625 orang termasuk barisan atlet, pegawai serta urus setia kontinjen.









13. Kejohanan Basikal Petronas *Le Tour De Langkawi* Malaysia 2024 Peringkat Ke-5 (Kuala Lumpur-Melaka)

Pada 3 Oktober 2024, Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Sukan Negeri Melaka sekali lagi diberi tanggungjawab untuk menguruskan upacara penamat Peringkat ke-5 Kuala Lumpur – Melaka bersempena Kejohanan Basikal Petronas *Le Tour de Langkawi* Malaysia 2024 bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka.

Upacara penyampaian hadiah untuk Petronas *Le Tour de Langkawi* Malaysia 2024 Peringkat Ke-5 telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Hadir sama YB Adam Adli Abdul Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia; YB Datuk VP Shanmugam, Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO); YB Datuk Ngwe Hee Sem, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan; dan Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal, Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka. Sebanyak 105 pelumba basikal terlibat dalam peringkat ini yang melibatkan jarak perlumbaan sejauh 163.7km.









14. Kunjungan Hormat dan Perbincangan Kerjasama antara Majlis Sukan Negeri (MSN) Melaka dengan Manipal University Collage Malaysia (MUCM)

Satu sesi kunjungan hormat dan perbincangan kerjasama antara Majlis Sukan Negeri Melaka dengan Manipal University Collage Malaysia (MUCM) telah diadakan pada 9 Oktober 2024 yang bertujuan untuk melihat peluang dan ruang bagi para atlet negeri Melaka melanjutkan pelajaran peringkat pengajian tinggi di MUCM.

Delegasi MSN Melaka yang diketuai oleh Pengarah MSN telah disambut oleh Profesor Dr. Patrick Kee, Naib Canselor MUCM dan telah diberi taklimat ringkas mengenai peranan dan program MUCM yang meliputi Pusat Korporat & Pemulihan MUCM, Program Fisioterapi, Program Terapi Carakerja dan perbincangan tentang peluang kerjasama antara MUCM dengan MSN. Selain taklimat, delegasi MSN telah dibawa meninjau kemudahan dan fasiliti MUCM sedia ada seperti kompleks sukan dan klinik pergigian, Fakulti Kesihatan Bersekutu dan Psikologi di bangunan Laksamana Cheng Ho dan diberi peluang untuk mencuba mesin teknologi fisioterapi di Pusat Fisioterapi MUCM.









15. Sambutan Hari Sukan Negara 2024 Peringkat Negeri Melaka

Majlis Sukan Negeri Melaka telah mengambil bahagian dalam menjayakan Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Melaka dengan mengadakan beberapa aktiviti menarik seperti *X-O-X TicTacToe, Word Search, Mini Lawn Bowls, Trivia Quiz* dan *Fit Challenge* sebagai tanda sokongan kepada penganjur utama iaitu Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka.

Sambutan Hari Sukan Negara 2024 Peringkat Negeri Melaka telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka pada 12 Oktober 2024 bertempat di perkarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Banda Hilir, Melaka.









16. Majlis Penyampaian Hadiah Insentif Kemenangan Sukan Olimpik Paris 2024 dan Sukan Malaysia (SUKMA) XXI Sarawak 2024

Majlis Penyampaian Hadiah Insentif Kemenangan Sukan Olimpik Paris 2024 dan Sukan Malaysia (SUKMA) XXI Sarawak 2024 telah diadakan pada 28 Oktober 2024 bertempat di Seri Bendahara, Ayer Keroh, Melaka.

Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Sukan Negeri telah mengambil inisiatif untuk memberikan penghargaan kepada atlet kelahiran negeri Melaka yang telah mencapai kejayaan meraih pingat gangsa di Sukan Olimpik Paris, 2024 dan juga kepada barisan atlet pengurus dan jurulatih yang telah mempamerkan pencapaian cemerlang sekali gus membawa pulang pingat kemenangan di Sukan Malaysia (SUKMA) XXI Sarawak 2024. YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka telah menyampaikan insentif keseluruhannya berjumlah RM254,675.00 kepada 110 atlet dan 67 jurulatih yang memenangi pingat dalam Temasya SUKMA ke-21, disusuli insentif sebanyak RM50,000.00 kepada Aaron Chia Teng Fong, pemain badminton kebangsaan yang berjaya mengekalkan pingat gangsa pada Sukan Olimpik Paris 2024.

Hadir sama pada majlis ini ialah YB Datuk Wira Hj. Ibrahim bin Durum, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka; YB Dato' Azhar bin Hj. Arshad, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana; YB Datuk P. Shanmugam a/l V. Pitchay, Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO); Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka; dan Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal, Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka.









Majlis Penyampaian Hadiah Insentif Kemenangan Sukan Olimpik Paris 2024 dan Sukan Malaysia (Sukma) XXI, Sarawak 2024 pada 28 Oktober 2024



Pencapaian Kontinjen Negeri Melaka di SUKMA XXI, Sarawak 2024

IRUTAN	NEGERI				JUMLAH
12	MELAKA	17	23	30	70
	WUSHU	7	4	5	16
	PENCAK SILAT	2	1	3	6
	OLAHRAGA	2	0	0	2
	LAWAN PEDANG	1	1	3	5
	SKUASY	1	1	1	3
	PETANQUE	1	1	0	2
	ESPORT	1	0	1	2
	SEPAK TAKRAW	1	0	0	1
	BADMINTON	1	0	0	1
	AKUATIK	0	3	2	5
	MUAYTHAI	0	2	3	5
	JUDO	0	2	3	5
	TINJU	0	1	2	3
	PING PONG	0	1	1	2
	CATUR	0	1	1	2
	TENPIN BOLING	0	1	0	1
	MENEMBAK	0	1	0	1
	ANGKAT BERAT	0	1	0	1
	MEMANAH	0	1	0	1
	BOLA SEPAK	0	1	0	1
	SILAMBAM	0	0	3	3
	BERBASIKAL	0	0	1	1
	BOLA KERANJANG	0	0	1	1

Jumlah pungutan pingat mengikut sukan Kontinjen Negeri Melaka di SUKMA XXI, Sarawak 2024

17. Bengkel Pengukuhan Kerja Berpasukan, Pemantapan Organisasi dan Lawatan Penanda Aras ke Pusat Perahu Layar Kebangsaan di Langkawi, Kedah

Majlis Sukan Negeri Melaka telah mengadakan Bengkel Pengukuhan Kerja Berpasukan, Pemantapan Organisasi dan Lawatan Penanda Aras ke Pusat Perahu Layar Kebangsaan di Langkawi, Kedah pada 11 November hingga 13 November 2024 yang melibatkan penyertaan sebanyak 30 orang pegawai dan kakitangan.

Objektif bengkel ini adalah untuk memahami tanggungjawab pada diri dan rakan sekerja serta organisasi, menjelaskan kepentingan nilai sepunya dalam membentuk persekitaran yang harmonis, dinamis dan progresif serta memupuk kerjasama antara warga kerja bagi mencapai visi dan misi organisasi. Selain itu, lawatan penanda aras ke Pusat Perahu Layar Kebangsaan juga telah dilaksanakan sebagai rujukan bagi mewujudkan Pusat Perahu Layar Kebangsaan kedua di Melaka.









18. Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Sukan Melaka 2024 Piala YAB Ketua Menteri Melaka

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Sukan Melaka 2024 Piala YAB Ketua Menteri Melaka telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka pada 1 Disember 2024 bertempat di Stadium Hang Tuah Melaka. Turut hadir sama ialah YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YB Datuk VP Shanmugam, Exco Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri Melaka; Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Negeri Melaka; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka; dan Encik Mohd Asri bin Haji Ninggal, Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka.

Sukan Melaka kali ini mempertandingkan sebanyak enam jenis sukan iaitu bola sepak, sepak takraw, bola jaring, futsal dan acara terbaharu iaitu snuker di peringkat DUN, manakala sukan bola keranjang dipertandingkan secara terus di peringkat negeri.

Pada kejohanan kali ini, DUN Ayer Keroh telah menjuarai Sukan Futsal; DUN Duyong (Juara Sepak Takraw); DUN Bandar Hilir (Juara Bola Jaring); DUN Paya Rumput (Juara Bola Sepak); Pasukan Eagle (Juara Bola Keranjang Wanita); Pasukan 125 Warriors (Juara Bola Keranjang Lelaki); Syirazi dari DUN Kota Laksamana (Juara Snuker); dan DUN Merlimau pula muncul kontinjen terbaik. Sebanyak 13,963 peserta telah menyertai kejohanan pada tahun 2024 dan ianya meningkat 2.6 peratus berbanding tahun 2023. DUN Banda Hilir telah diumumkan sebagai juara keseluruhan Piala YAB Ketua Menteri Melaka.








SEPAK TAKRAW
BOLA JARING
FUTSAL
SKATES


N22


BANDAR HILIR
JOHAN
RM 2,000.00




JOHAN
RM 2,000.00


JOHAN
RM 1,500.00

19. Program Jalinan Kerjasama antara Majlis Sukan Negeri Melaka (MSN Melaka), Majlis Sukan Negeri Selangor (MSN Selangor) dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSN Wilayah Persekutuan)

Program Jalinan Kerjasama antara MSN Melaka, MSN Selangor dan MSN Wilayah Persekutuan telah berlangsung dari 14 Disember hinga 15 Disember 2024 bertempat di Dusit Princess, Melaka. Sebanyak tiga jenis sukan telah dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring dan golf. Tujuan program dilaksanakan ialah bagi memperkukuhkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kesukanan dan menggalakkan kerjasama dalam kalangan Majlis Sukan Negeri yang mengambil bahagian.













BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

PENDAHULUAN

Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) merupakan ejen penghubung antara kerajaan, pihak berkepentingan dan pelanggan meliputi orang awam secara proaktif dan informatif bagi mencapai objektif, visi dan misi JKMM.

BKK terdiri dari lima unit iaitu Unit Perhubungan Awam (UPA), Unit Teknologi Maklumat (UTM), Unit Pentadbiran dan Kewangan (UPK), Unit Komunikasi Strategik dan Hubungan Antarabangsa (UKS), dan Unit Penerbitan, Visual dan Majlis (UPVM). Setiap unit mempunyai peranannya yang tersendiri dalam memastikan urusan kerja seharian beroperasi di tahap yang cemerlang.

Fungsi utama Bahagian Komunikasi Korporat adalah seperti berikut:

- Mengurus dan mengendalikan aduan awam negeri Melaka
- Menyelaras perhubungan awam Negeri, Pusat Panggilan Setempat (ONCC), portal rasmi, pengurusan media dan media sosial Kerajaan Negeri Melaka.
- Menyelaras pengurusan kualiti bersepadu di Jabatan Ketua Menteri Melaka.
- Menguruskan majlis dan lawatan.
- Memberi perkhidmatan komunikasi, hebahan dan penyampaian informasi yang tepat, berkualiti dan jelas.
- Membentuk, memperkasa dan menonjolkan imej korporat jabatan dengan menyampaikan fungsi perkhidmatan, nilai tambah dan pencapaian jabatan kepada awam.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Bengkel Pembangunan Prosedur Operasi Standard (SOP) Aduan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024

Pelaksanaan Bengkel Pembangunan Prosedur Operasi Standard (SOP) Aduan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2024 telah diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka dari 30 Januari hingga 31 Januari 2024. Tujuan bengkel ialah untuk mewujudkan garis panduan sistem pengurusan aduan yang jelas agar boleh digunapakai bagi memperkasa pengurusan aduan dalam negeri Melaka. Seramai 53 orang penyelaras aduan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Melaka dan tujuh orang urus setia telah menyertai bengkel berkenaan.









2. Taklimat Klik Dengan Bijak (KDB) bersama Penjawat Awam Negeri Melaka

Taklimat Klik Dengan Bijak (KDB) bersama Penjawat Awam Negeri Melaka adalah anjuran bersama Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia (MCMC) Negeri Melaka dan Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Ketua Menteri Melaka. Taklimat telah diadakan di Auditorium Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka pada 8 Februari 2024 dan dirasmikan oleh YB Datuk Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem, Timbalan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital dengan penyertaan sebanyak 350 orang peserta dari pelbagai jabatan dan agensi di seluruh negeri Melaka. Objektif taklimat ini adalah bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran awam tentang keselamatan dan perlindungan di internet.









3. Bengkel Pemantapan Kefahaman, Pemurnian Penilaian Risiko MS ISO 9001:2015 dan MS ISO 37001:2016 Jabatan Ketua Menteri Melaka Tahun 2024

Bengkel Pemantapan Kefahaman, Pemurnian Penilaian Risiko MS ISO 9001:2015 dan MS ISO 37001:2016 Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) Tahun 2024 anjuran Bahagian Komunikasi Korporat telah diadakan dari 25 April hingga 27 April 2024 bertempat di Oakwood & Residences Hotel, Kuala Lumpur. Sebanyak 44 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Bahagian, Juruaudit dan Penyelaras Bahagian/Unit JKMM telah menyertai bengkel ini yang bertujuan membuat persediaan bagi menghadapi Audit Pensijilan Semula ISO Bersepadu JKMM 2024. Bengkel ini telah dibimbing oleh Puan Irma Munirah binti Alias, Penceramah dari SIRIM STS Training Services Sdn. Bhd.








4. Program Hari Bertemu Rakyat

Program Hari Bertemu Rakyat Kerajaan Negeri Melaka Peringkat Parlimen Jasin dengan kerjasama Majlis Perbandaran Jasin serta Pejabat Daerah dan Tanah Jasin telah diadakan pada 25 Julai 2024 (Khamis) bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Dewan MPJ Alamanda, Jasin, Melaka. Semasa program dilaksanakan, rakyat negeri Melaka berpeluang bertemu secara bersemuka dengan YAB Ketua Menteri Melaka dan barisan Exco-Exco serta Ketua-ketua Jabatan Agensi, Jabatan Negeri Melaka dan Persekutuan bagi mengemukakan sebarang aduan, cadangan atau pertanyaan. Selain kaunter dibuka bagi tujuan aduan, jualan RAHMAH dan jualan agro MADANI serta gerai makanan dan minuman turut disediakan kepada para pengunjung.







Pengadu mendaftar di kaunter pendaftaran Aduan SISPAA



YAB Ketua Menteri Melaka mengadakan lawatan ke kaunter pameran jabatan/agensi

5. Kunjungan T.Y.T. Ying Yong, Chief Grand Prosecutor of The People's Republic Of China ke Melaka

Kerajaan Negeri Melaka telah menerima kunjungan dari T.Y.T. Ying Yong, Chief Grand Prosecutor of The People's Republic of China bersama delegasinya ke Melaka pada 21 November 2024. Kunjungan ini adalah bersempena lawatan kerja dan mesyuarat bersama YBhg. Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, Peguam Negara; Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara; dan YB Dato' Sri Azalina binti Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Ketibaan delegasi ke Melaka telah disambut oleh YB Tuan Khairul Azreem bin Mamat, Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka dan YB Datuk Wira Lim Ban Hong, Penasihat Khas Pelaburan, Hal Ehwal Negara Cina kepada YAB Ketua Menteri, serta pegawai-pegawai Jabatan/Agensi Negeri Melaka. Delegasi telah dibawa melawat ke Sky Tower, Swiss Garden, Masjid Selat Melaka, Muzium Cheng Ho, Muzium Baba dan Nyonya, dan akhir sekali menelusuri Sungai Melaka bersama Melaka River Cruise.









6. Laporan Lawatan Kerja ke Pusat Panggilan Kecemasan Malaysia (MERS999)

Bahagian Komunikasi Korporat bersama Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Ketua Menteri Melaka telah mengadakan lawatan ke Pusat Panggilan Kecemasan Malaysia (MERS999) untuk mendapatkan penerangan serta melihat secara lebih terperinci berhubung sistem pengurusan pelanggan yang dilaksanakan oleh pihak MERS999 dalam usaha menaiktaraf perkhidmatan pusat panggilan Melaka One Number Call Centre (ONCC). Lawatan kerja ini telah diketuai oleh Encik Fauzi bin Elham@Alhim, Ketua ICT Negeri Melaka, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi JKMM dan taklimat ringkas mengenai proses dan perkhidmatan MERS999 telah disampaikan oleh Encik Mohd Rozali bin Ab. Mu'mini, Penolong Pengurus Besar, 999 Response Centre.













BADAN KAWAL SELIA AIR

BADAN KAWAL SELIA AIR

PENDAHULUAN

Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka ditubuhkan pada 1 Julai 2006 setelah Perbadanan Air Melaka (PAM) dikorporatkan kepada Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB). Badan Kawal Selia Air merupakan sebuah agensi bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) yang bertanggungjawab berkaitan pengurusan dan pengawalseliaan sumber air mentah di negeri Melaka dengan peruntukan perundangan Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014.

OBJEKTIF

i. Menyediakan sumber air mentah yang mencukupi dan berkualiti baik bagi memenuhi keperluan sejajar dengan pertambahan penduduk dan pembangunan sosioekonomi negeri; dan

ii. Melaksanakan fungsi sebagai perancang, pelaksana, penyelaras, pemudahcara, penyelidik dan penguat kuasa secara efektif, sistematik dan efisien dalam pembangunan dan pengurusan sumber air mentah.

PUNCA KUASA

Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014 yang berkuatkuasa mulai 25 Disember 2014 dan siar Warta bertarikh 26 Februari 2015. Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014 memperuntukkan kuasa dan tanggungjawab kepada Badan Kawal Selia Air berkaitan pengurusan dan pengawalseliaan sumber air dan kawasan tadahan air dalam negeri Melaka dan perkara-perkara yang berhubung dengan pengurusan air mentah yang cekap dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

SEKSYEN BADAN KAWAL SELIA AIR TERDIRI DARIPADA:-

3.1. Seksyen Dasar, Kewangan dan Teknologi Maklumat
3.2 Seksyen Perancangan dan Pembangunan Sumber

3.3 Seksyen Perlesenan dan Kualiti Air
3.4 Seksyen Penguatkuasaan
3.5 Sekseyen Penguatkuasaan dan Pengurusan Laut

PRESTASI KUTIPAN HASIL



PERUNDANGAN & PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2024, BKSA telah melaksanakan pelbagai operasi yang melibatkan aktiviti pencemaran sumber air dan pencerobohan tanah empangan. Operasi melibatkan aktiviti-aktiviti yang meliputi pelbagai sektor seperti perladangan, penternakan, pertanian, perlombongan dan perindustrian. Sebanyak **30 notis** dikeluarkan bagi kesalahan-kesalahan bawah Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014. **326 operasi penguatkuasaan** telah dilaksanakan dan **24 kertas siasatan** telah dibuka. Sebanyak 12 barangan sitaan terdiri dari bot, pam air dan alatan memancing di bawah **Seksyen 6 - Pengisytiharan Kawasan Sumber Air & Kawasan Tadahan Air, Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014.**


MCR 747







1. Sesi Lawatan YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) ke kilang Victory Recovery Sdn Bhd

YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) telah mengadakan lawatan ke kilang Victory Recovery Sdn. Bhd. pada 2 Januari 2024 susulan aduan kilang tersebut terbakar yang menyebabkan pencemaran pelepasan minyak hitam dan habuk sehingga mencemarkan bekalan air. Hadir sama dalam sesi lawatan ini ialah Encik Azizul Adzran bin Mahmor, Pengarah Sumber Air; Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran; wakil Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah; dan wakil Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).





2. Taklimat Pelesenan Aktiviti Pengubahan Sumber bawah Peraturan-Peraturan Abstraksi, Cari Gali, Pelancongan Air & Aktiviti Pengubahan Sumber (Negeri Melaka) (Pindaan 2019)

Taklimat Pelesenan Aktiviti Pengubahan Sumber bawah Peraturan-Peraturan Abstraksi, Cari Gali, Pelancongan Air & Aktiviti Pengubahan Sumber (Negeri Melaka) (Pindaan 2019) telah diadakan pada 19 Januari 2024 kepada semua syarikat yang menjalankan aktiviti Kapal Pedagang di negeri Melaka. Taklimat ini menjurus kepada Pembinaan Jeti/Struktur Kekal atas Badan Air bagi Aktiviti Kapal Pedagang (Ship to Ship) di Pelabuhan Sungai Udang dan Pelabuhan Melaka.





3. Lawatan Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam ke Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka telah mengadakan lawatan rasmi ke TAPS Jernih pada 12 Januari 2024. Hadir sama dalam lawatan ini ialah YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam; dan YB Datuk Hameed Mytheen bin Kunju Basheer, Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan Negeri Melaka. Projek ini yang menelan belanja RM124 juta dengan kapasiti bekalan air sebanyak 14 juta liter air dijangka siap pada 6 Disember 2024.



4. Lawatan Pengarah Sumber Air ke Taman Laut Negeri Melaka dan Pulau Besar

Pengarah Sumber Air bersama anggota BKSA, wakil MIMO dan wakil Majlis Pembangunan Pulau-pulau telah mengadakan lawatan ke Pulau Besar dan Taman Laut Negeri Melaka yang meliputi Pulau Undan, Pulau Nangka, Pulau Hanyut dan Pulau Serimbun. Tujuan lawatan ialah bagi melihat keadaan semasa sumber air negeri Melaka dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk masa hadapan.





5. Lawatan Kerja Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Sumber Air Negeri Melaka ke Taman Laut Negeri Melaka

Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Sumber Air Negeri Melaka telah mengadakan lawatan kerja ke Taman Laut Negeri Melaka pada 30 Januari 2024. Lawatan telah dihadiri oleh YB Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YB Datuk Wira Salhah binti Salleh, Pegawai Kewangan Negeri Melaka; YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat, Timbalan Setiausaha (Pembangunan); YBhg. Datuk Yusof bin Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Melaka dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan. Antara tujuan lawatan diadakan ialah bagi melihat keadaan semasa Taman Laut Negeri Melaka dan mengenalpasti masalah dan kaedah penyelesaian sekiranya ada.





6. Lawatan Kerja Badan Kawal Selia Air ke Lembaga Urus Air Selangor (Luas)

Lawatan kerja Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka ke ibu pejabat Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah diadakan pada 7 Mei 2024. Antara agenda pertemuan ialah perkongsian maklumat dan pengalaman antara pihak LUAS dan BKSA Melaka berkaitan pengurusan sumber air negeri khususnya berkenaan Sistem Pemetaan GIS LUAS, Sistem Pemantauan Beban Harian Maksima (TMDL) LUAS dan pengurusan sumber air terutamanya kolam-kolam sumber alternatif di negeri Selangor yang dikawal selia oleh LUAS.

Hadir sama ialah YBrs. Ts. Tuan Haji Hasrolnizam bin Shaari, Pengarah Lembaga Sumber (atau Urus) Air Selangor dan YBrs. Encik Azizul Adzran bin Mahmor, Pengarah BKSA.

BKSA Melaka juga turut dibawa ke Bestari Jaya untuk melihat secara dekat pelaksanaan dan pengoperasian Kolam *Hybrid of River Augmentation System* (HORAS 600) serta Projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) yang dibangunkan oleh LUAS sebagai jaminan kesinambungan sumber air negeri Selangor.





7. Bengkel Kajian bagi Mewujudkan Rekabentuk Sistem Rawatan Sisa bagi Sektor Penternakan, Perikanan dan Perlombongan Negeri Melaka

Kajian bagi Mewujudkan Rekabentuk Sistem Rawatan Sisa bagi Sektor Penternakan, Perikanan dan Perlombongan Negeri Melaka telah diadakan pada 5 Mei 2024 bertempat di Putrajaya.

Tujuan bengkel ini ialah bagi merangka sistem serta merancang kaedah pengurusan dalam mengendalikan sisa buangan secara sistematik termasuk rawatan yang mematuhi piawaian yang telah ditetapkan bagi sesuatu permohonan oleh penternak dan pelombong di negeri Melaka. Rekabentuk kolam rawatan ini juga diharapkan akan menghasilkan penguatkuasaan yang lebih mantap dan efisien bagi memainkan peranan dalam kelulusan pembangunan yang melibatkan pelepasan sisa ke sumber air.





8. Kerja-Kerja Persampelan bagi Memantau Kualiti Air Mentah di Muka Sauk Negeri Melaka Termasuk Kolam-Kolam Alternatif yang Digunakan bagi Tujuan Bekalan Air

Kerja-kerja persampelan bagi memantau kualiti air mentah di muka sauk negeri Melaka termasuk kolam-kolam alternatif yang digunakan bagi tujuan bekalan air dilaksanakan secara berkala sebanyak empat kali setahun yang meliputi Empangan Durian Tunggal, Empangan Jus, Empangan Asahan, Sungai Batang Melaka, Sungai Melaka, Sungai Kesang dan kolam-kolam alternatif yang telah dikenalpasti. Antara parameter yang diuji ialah analisa kimia, bakteria dan *pesticides*.





9. Bengkel Pindaan Peraturan-Peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020

Badan Kawal Selia Air Melaka telah menganjurkan Bengkel Pindaan Peraturan-Peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020 pada 14 Mei 2024 bertempat di Hotel Swiss Garden, Melaka.

Bengkel ini bertujuan bagi mendapatkan pandangan, komen, dan idea-idea bernas dari wakil-wakil jabatan teknikal dalam memantapkan proses pemindaan peraturan tersebut. Bengkel ini juga adalah bagi memastikan kualiti dan ketersediaan sumber air di negeri Melaka dalam keadaan baik dan mencukupi.

Antara wakil jabatan yang hadir adalah dari Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Melaka, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah dan Tanah dari setiap daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, serta wakil-wakil dari jabatan dan agensi teknikal.

10. Sesi Libat Urus Bersama Agensi-Agensi Kerajaan Negeri Melaka Bersama Bahagian Bekalan Air (BBA), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

BKSA bersama pihak Bahagian Bekalan Air (BBA), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah menjalankan sesi libat urus bersama agensi-agensi Kerajaan Negeri Melaka bagi mendapatkan pandangan dan maklumbalas terhadap projek yang sedang dilaksanakan iaitu Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus, Daerah Jasin, Melaka pada 28 Mei 2024 bertempat di Seri Negeri, Melaka.

Antara objektif pelaksanaan projek ini untuk menyalurkan air mentah tambahan dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus. Segala penyaluran ini bagi memastikan kapasiti simpanan air mentah di negeri Melaka mencukupi sepanjang tahun.





11. Lawatan Tapak ke Empangan Durian Tunggal

BKSA telah mengurusetiakan lawatan tapak YB Datuk Hameed Mytheen Kunju Bashir, Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam, dan Pengangkutan ke sebahagian rizab Empangan Durian Tunggal yang telah menjadi tapak binaan struktur beberapa kandang ternakan haram dan pondok sembahan yang tidak berdaftar.

Pihak penceroboh telah dinasihatkan untuk mengosongkan tapak berkenaan dalam tempoh 30 hari kerana penempatan haiwan ternakannya di tanah rizab tersebut sangat berisiko bagi penurunan kualiti air Empangan Durian Tunggal.

Lawatan pada hari ini turut disertai oleh YB Datuk Zahari bin Abd Kalil, Timbalan Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam, dan Pengangkutan; Datuk Sabrina Thalas, Pegawai Daerah Alor Gajah; ASP Istamal bin Md Som, Ketua Cawangan Khas Daerah Alor Gajah; serta wakil-wakil dari Pejabat Tanah dan Galian Melaka, Majlis Perbandaran Alor Gajah, IPD Alor Gajah, dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.





12. Lawatan BKSA ke Empangan Timah Tasoh Perlis

Badan Kawal Selia Air telah mengadakan lawatan kerja ke Empangan Timah Tasoh, Perlis pada 21 Jun 2024 yang melibatkan sebanyak 25 orang anggota BKSA. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau pelaksanaan aktiviti rekreasi yang dijalankan dalam kawasan empangan dan juga berkongsi tatacara pengoperasian empangan untuk dimanfaatkan oleh kedua belah pihak terlibat. Empangan Timah Tasoh ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Perlis.





13. Bengkel Pengukuhan Kerja Berpasukan (Team Building) Badan Kawal Selia Air 2024

Sebanyak 25 orang pegawai dan kakitangan telah menyertai Bengkel Pengukuhan Kerja Berpasukan BKSA 2024 *"Strengthen Water Chains 4.0"* yang diadakan dari 21 Jun hingga 23 Jun 2024 bertempat di Malibest Resort, Langkawi.

Program dimulakan dengan pelbagai aktiviti berkumpulan seperti *Explorace, Water Confident,* dan Ekplorasi Taman Laut. Selain itu setiap pasukan juga perlu melaksanakan tugasan yang diberikan mengikut ketetapan masa dan kebijaksanaan dalam pasukan. Kepentingan kerjasama dalam berpasukan diambil kira dalam menyelesaikan semua tugasan.

Majlis penutupan bengkel ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Azizol Adzran bin Mahmor, Pengarah Sumber Air, Badan Kawal Selia Air Melaka.







14. Kunjungan Hormat dari Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Melaka

BKSA telah menerima kunjungan hormat dari Encik Mohd Faizul Bin Ibrahim Penolong Pengarah Bahagian Latihan, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka pada 26 Jun 2024. Kunjungan hormat ini juga disertai oleh beberapa orang wakil dari Balai Bomba Ayer Keroh, Melaka.

Kunjung hormat pada hari ini bertujuan bagi merapatkan hubungan dua hala antara Badan Kawal Selia Air Melaka dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Melaka.





15. Lawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) ke Tapak Program Tanaman Pokok Hutan *Walks4tress* dan Perancangan Projek Tanaman Pokok di Empangan Jus

YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat@ Limat, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) mengadakan lawatan rasmi ke tapak Program Tanaman Pokok Hutan di Empangan Durian Tunggal pada 12 Julai 2024 untuk melihat perkembangan pokok yang ditanam oleh pihak Sahabat Mesra Alam Rimba Terpelihara (SMART) dengan kerjasama Global Enviroment Center (GEC). YBhg. Datuk turut menanam pokok di kawasan tersebut sebagai tanda sokongan kepada program ini.





16. Pembentangan Peringkat Separuh Akhir Kajian Penilaian Outcome Negeri Melaka Tahun 2024

Badan Kawal Selia Air Melaka (BKSA) telah terpilih untuk menghadiri satu sesi pembentangan peringkat separuh akhir Kajian Penilaian Outcome Negeri Melaka tahun 2024 bertempat di Auditorium MBMB, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah pada 15 Julai 2024.

Projek BKSA disenaraikan bawah kategori Infrstruktur bersama pelbagai jabatan lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka, Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah (PDTMT), Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (PDTAG), Pejabat Daerah dan Tanah Jasin (PDTJ), Jabatan Pertanian Negeri Melaka dan juga Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka.



17. Operasi Bersepadu Perobohan Struktur Binaan Haram Dalam Rizab Empangan Durian Tunggal

BKSA telah mengetuai Operasi Bersepadu Perobohan Struktur Binaan Haram dalam rizab Empangan Durian Tunggal pada 15 Julai 2024. Operasi ini dijalankan kerana penceroboh gagal mengosongkan tanah rizab berkenaan selepas tamat tempoh Notis Pengosongan Tanah Rizab yang dikeluarkan oleh BKSA dan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah. Operasi dilaksanakan bagi mengelakkan kacau ganggu terhadap kawasan tadahan air dan kemerosotan kualiti bekalan air minum kepada rakyat negeri Melaka.

Empangan Durian Tunggal telah diwartakan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan bawah Akta Kawasan Larangan Tempat Larangan (Akta 298) yang membawa maksud tiada sesiapa pun boleh memasuki atau mencuba untuk memasuki kawasan tersebut tanpa keizinan Pegawai Berkuasa.





18. Lawatan Teknikal Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Ranhill SAJ Sdn. Bhd ke Empangan Jus, Jasin, Melaka

BKSA telah menerima Lawatan Teknikal Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Ranhill SAJ Sdn. Bhd ke Empangan Jus, Jasin, Melaka pada 25 Julai 2024. Sebanyak 25 orang pegawai dan kakitangan SAJ telah hadir dalam sesi lawatan ini. Encik Mohd Yazid bin Md Salleh, Jurutera BKSA memberikan taklimat tentang aktiviti dan pengawalan di Empangan Jus. Manakala bagi taklimat berkenaan pengoperasian air terawat dan pengendalian operator air telah disampaikan oleh Ir. Ts. Ridzwan bin Zakariah, Pengurus Sumber Air, Syarikat Air Melaka Berhad SAMB.





19. Pemeriksaan Struktur Empangan Durian Tunggal dan Empangan Jus

BKSA telah mengadakan Pemeriksaan Struktur Empangan Durian Tunggal dan Empangan Jus pada 12 Ogos 2024 bagi memastikan Empangan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan pemeriksaan ini perlu dijalankan sekali setahun.





20. Program CSR Tanam Pokok "Restorasi Empangan Jus" Memulihara Khazanah Melaka Demi Masa Depan Lestari

Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Badan Kawal Selia Air (BKSA), Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Global Environment Centre (GEC), Sahabat Mesra Alam Rimba Terpelihara (SMART), dan AirBnB Community Fund telah melaksanakan Program CSR Tanam Pokok "Restorasi Empangan Jus" pada 5 September 2024.

Aktiviti menanam 266 pokok spesies Merawan Siput Jantan (Hopea Odorata) di kawasan Empangan Jus ini turut melibatkan150 orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka, Unit Kerajaan Tempatan, Bahagian Khidmat Mussadah dan Pembangunan Belia, dan Bahagian Koridor Infrastruktur dan Impak Sosial. Hadir sama ialah YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat@Limat, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka (Pembangunan).





21. Bengkel Hidrogeologi Siri 2/2024

BKSA telah menganjurkan Bengkel Hidrogeologi Siri 2/2024 dari 18 September hingga 20 September 2024 bertempat di Ibis Hotel Melaka yang melibatkan penyertaan sebanyak 40 peserta yang terdiri daripada Badan Kawal Selia Air Negeri-Negeri, Pengurusan Sumber Air Negeri, Lembaga Sumber Air Negeri dan Syarikat Air Negeri seluruh Malaysia. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Encik Azizul Adzran bin Mahmor, Pengarah Sumber Air, Badan Kawal Selia Air Melaka.

Peserta diberikan penerangan tentang struktur telaga yang boleh mengeluarkan air bumi yang berkualiti. Selain itu, peserta juga di bawa ke Kilang Mamee (M) Sdn. Bhd, Kolam Air Panas Gadek dan Rumah Pam Gadek untuk melihat telaga air yang telah dibina.







22. Bengkel Pemantapan Penguatkuasa: Penyediaan Tatacara Siasatan di Tapak

BKSA telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Penguatkuasa: Penyediaan Tatacara Siasatan di Tapak pada 27 September 2024 bertempat di Johor Bahru. Bengkel ini khusus bagi memantapkan tatacara siasatan di tapak oleh penguatkuasa-penguatkuasa BKSA dalam mengatasi aduan, pencemaran badan air, isu-isu pengubahan sumber dan pelencongan air, pelesenan abstraksi air mentah, perairan Negeri Melaka, dan terutama sekali bagi ketersediaan bekalan air mentah yang berkualiti dan mencukupi bagi penduduk negeri Melaka. Bengkel telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Md Azhan bin Samat, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Melaka.

BKSA Melaka merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka, Polis DiRaja Malaysia, dan Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) yang telah berkongsi ilmu dan pandangan mengenai tatacara siasatan di tapak bagi kes-kes pencemaran air dan penyediaan kertas siasatan yang baik bagi prosiding pendakwaan kes ke m ahkamah.





UNIT KERAJAAN TEMPATAN

UNIT KERAJAAN TEMPATAN

PENDAHULUAN

Unit Kerajaan Tempatan (UKT) diletakkan bawah Sektor Pembangunan dan diselia oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan). Unit ini berperanan bagi menyelaraskan empat Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka termasuk menjadi urus setia bagi Portfolio Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Program Jom Baca Bersama 10 Minit/*Let's Read Together For 10 Minutes*

Pada 23 April 2024, kakitangan Unit Kerajaan Tempatan telah mengambil bahagian dalam Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit/*Let's Read Together For 10 Minutes* Peringkat Negeri Melaka yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) secara serentak di seluruh negara.





2. Kunjungan Hormat Suruhanjaya Tenaga ke Unit Kerajaan Tempatan, Jabatan Ketua Menteri Melaka

Pada 18 Mac 2024 telah berlangsungnya kunjungan hormat daripada Suruhanjaya Tenaga yang diketuai oleh Encik Ahmad Rafdi bin Endut, Pengarah Jabatan Perancangan & Komunikasi Strategik ke atas Encik Mahathir bin Mustafa, Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan, Unit Kerajaan Tempatan. Turut hadir sama, Encik Khairul Nizam bin Anuar, Timbalan Pengarah Unit Pematuhan; Ir. Amir Faisal bin Khamshah, Pengarah Kawasan Negeri Sembilan dan Melaka dan kakitangan-kakitangan Suruhanjaya Tenaga. Tujuan kunjung hormat adalah bagi membincangkan kerjasama dan maklum balas daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan proses akreditasi oleh Suruhanjaya Tenaga, khususnya dalam memastikan pematuhan kepada piawaian dan garis panduan yang ditetapkan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.







3. Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Peringkat Negeri Melaka Tahun 2024

Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Peringkat Negeri Melaka Tahun 2024 telah diadakan pada 17 Oktober 2024 bertempat di Taman Seri Duyong Fasa 2 yang dirasmikan oleh YB Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Pemilihan Taman Seri Duyong Fasa 2 adalah berdasarkan penilaian risiko kawasan yang merupakan lokaliti wabak berulang demam denggi dengan kejadian wabak sebanyak tiga kali pada tahun 2024. Program ini dilaksanakan bertujuan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya ancaman denggi, di samping menggalakkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam usaha membanteras denggi. Program ini adalah kerjasama antara Unit Kerajaan Tempatan bersama-sama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, SWCorp Negeri Melaka, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah & Tanah serta Jawatankuasa Penduduk Taman Seri Duyong Fasa 2. Turut hadir sama, YB Datuk Ngwe Hee Sem, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan; YB Datuk Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem, ADUN Duyong dan Datuk Haryaty binti Hamdzah, Pengerusi JPKK Sungai Duyong.















4. Mesyuarat Penyeragaman Fi Permit Sementara Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle Charging Bay - EVCB*) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka

Unit Kerajaan Tempatan telah mengadakan Mesyuarat Penyeragaman Fi Permit Sementara Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle Charging Bay - EVCB*) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka (PBT) pada 13 November hingga 15 November 2024 bertempat di Hotel Tamu Kuala Lumpur. Tujuan mesyuarat adalah bagi penyediaan garis panduan penentuan satu kadar fi yang bersesuaian dan seragam untuk digunapakai oleh PBT.







5. Projek Pembinaan Monumen Bendera Gergasi Puncak Laksamana, Bukit Beruang, Melaka

Majlis Perasmian Monumen Bendera Gergasi Puncak Laksamana Bukit Beruang telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab. Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka pada 1 November 2024. Majlis perasmian ini telah diurussetiakan oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

Idea bagi pembinaan monumen bendera gergasi telah diutarakan sejak tahun 2022 dan susulan itu, Jawatankuasa *Taskforce* Pemantauan Projek Pembinaan Monumen Bendera Gergasi diwujudkan bagi memastikan projek membina mercu tanda baharu di Bukit Beruang berjalan mengikut perancangan.

Keahlian jawatankuasa melibatkan pelbagai agensi dan jabatan teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Perhutanan Negeri Melaka, Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah Melaka Tengah, Jabatan Ukur dan Pemetaan dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian.








KOBELCO


PUNCAK LAKSAMANA



UNIT INTEGRITI

UNIT INTEGRITI

PENDAHULUAN

Unit Integriti ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 sebagai titik fokus kepada pengurusan isu-isu berkaitan dengan integriti di semua agensi awam negeri Melaka. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam fungsi teras iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengurusan Aduan, Pengesanan dan Pengesahan, Pematuhan dan Tatatertib.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Tahun 2024, Unit Integriti telah berjaya melaksanakan 23 program seperti Jadual 1.

Jadual 1

Bil.	Tajuk Program	Tarikh	Tempat	Golongan Sasaran	Impak Keberkesanan Selepas Program Dilaksanakan
1.	Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023	29 Februari 2024	Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya	Bahagian/ Unit bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka	Merupakan pengiktirafan dan penghargaan kepada JKMM untuk menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam JKMM

Bil.	Tajuk Program	Tarikh	Tempat	Golongan Sasaran	Impak Keberkesanan Selepas Program Dilaksanakan
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri Melaka Bil 1 Tahun 2024	4 April 2024	Bilik Tun Mutahir, Seri Negeri	YB Pegawai Kewangan Negeri, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua Penguasa Tempatan dan Pegawai Badan Berkanun Negeri	Pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan
3.	Sesi Sinergi Integriti Jabatan Ketua Menteri Melaka Siri 1	22 April 2024	Bilik Perbincangan, Unit Integriti, JKMM	Pembekal dan Kontraktor di JKMM	Meningkatkan kefahaman berkaitan dengan integriti dan antirasuah
4.	Hebahan Poster "Bila Hadiah Menjadi Rasuah"	1 Mei hingga 30 Jun 2024	Media Elektronik dan Interaktif	Semua Penjawat Awam	Meningkatkan kesedaran dan menyebarluas kan informasi berkaitan dengan rasuah
5.	Hebahan Poster "Aduan Integriti"	1 Jun hingga 31 Julai 2024	Media Elektronik dan Interaktif	Semua Penjawat Awam	Meningkatkan kesedaran dan menyebarluas kan informasi berkaitan dengan aduan integriti
6.	Kursus Literasi Pengurusan Dokumen Kes Tatatertib bagi Urus Setia Lembaga Tatatertib Jabatan/ Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	19 Jun hingga 20 Jun 2024	Swan Garden Resort Hotel, Melaka	Jabatan/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun Negeri bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka	Memantapkan kemahiran urus setia tatatertib dalam penyediaan laporan dan dokumentasi tatatertib yang lebih efisien dan teratur

Bil.	Tajuk Program	Tarikh	Tempat	Golongan Sasaran	Impak Keberkesanan Selepas Program Dilaksanakan
7.	Sesi Sinergi Integriti Jabatan Ketua Menteri Melaka Siri 2	4 Julai 2024	Bilik Perbincangan, Unit Integriti, JKMM	Pembekal dan Kontraktor di JKMM	Meningkatkan kefahaman berkaitan dengan integriti dan antirasuah
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Jabatan Ketua Menteri Melaka Bil 1 Tahun 2024	16 Julai 2024	Bilik Tun Mutahir, Seri Negeri	Ketua Bahagian/ Unit JKMM	Pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan
9.	Hebahan Info Grafik Larangan Menyebarkan dan Mendedahkan Rahsia Kerajaan		Media Elektronik dan Interaktif	Semua Penjawat Awam	Mengukuhkan budaya integriti dalam kalangan penjawat awam
10.	Kursus Pengukuhan Integriti Agensi Penguatkuasa "Perangi Rasuah: Jangan Beri! Jangan Terima!"	13 Ogos 2024	Grand Swiss Belhotel, Melaka	Pegawai Penguat kuasa bawah Agensi Penguatkuasaan dalam dan luar Negeri Melaka	Meningkatkan kefahaman dan ilmu pengetahuan kepada Pegawai Penguatkuasa mengenai perlakuan rasuah
11.	Kunjungan Hormat Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan ke Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	21 Ogos 2024	Bilik Mesyuarat Tun Fatimah, Seri Negeri	Pegawai dan Kakitangan Unit Integriti Pejabat SUK Negeri Sembilan	Meningkatkan kefahaman dan memantapkan tatakelola dan integriti serta tadbir urus yang berkesan

Bil.	Tajuk Program	Tarikh	Tempat	Golongan Sasaran	Impak Keberkesanan Selepas Program Dilaksanakan
12.	Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) bagi Kumpulan Pelaksana	26 September hingga 27 September 2024	Agrofarmstay Resort, Durian Tunggal, Melaka	Kumpulan Pelaksana bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka	Mengukuhkan budaya integriti dalam kalangan penjawat awam
13.	Mesyuarat Berkaitan DenganTaklimat Mengenai Kesan Dan Impak Kebocoran Maklumat Berkaitan Dengan Perolehan Kepada Warga Kerja Jabatan Ketua Menteri Melaka	30 September 2024	Bilik Mesyuarat Tun Fatimah, Seri Negeri	Bahagian/ Unit bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka, Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri Melaka	Meningkatkan kefahaman berkaitan dengan kesan dan impak kebocoran maklumat berkaitan dengan perolehan
14.	Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)	3 Oktober Hingga 4 Oktober 2024	Kem Permata Resort, Alor Gajah, Melaka	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka	Mengukuhkan budaya integriti dalam kalangan penjawat awam
15.	Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) bagi Ketua Jabatan	17 Oktober 2024	Hotel Holiday Inn, Melaka	Ketua Jabatan/ Agensi bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka	Mengukuhkan budaya integriti dalam kalangan penjawat awam

Bil.	Tajuk Program	Tarikh	Tempat	Golongan Sasaran	Impak Keberkesanan Selepas Program Dilaksanakan
16.	Program Setia: Seminar Tatakelola, Integriti dan Antirasuah Sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Melaka 2024	21 Oktober hingga 22 Oktober 2024	Hotel Holiday Inn, Melaka	Jabatan/Agensi Negeri Melaka dan Persekutuan	Memperkukuh amalan tadbir urus yang telus dan beretika dalam kalangan penjawat awam
17.	Hebahan Info Integriti Kesalahan Tuntutan Palsu	1 November hingga 30 November 2024	Media Elektronik dan Interaktif	Semua Penjawat Awam	Mengukuhkan budaya integriti dalam kalangan penjawat awam
18.	Kursus Tatakelola Kewangan : Pengurusan Peruntukan Khidmat Masyarakat dan Pengurusan Kewangan Japerun Negeri Melaka	7 November 2024	Hotel MITC, Melaka	Penghulu, Setiausaha dan Pembantu Kewangan JAPERUN Negeri Melaka	Meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan yang telus dan berintegriti
19.	Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri Melaka Bil 2 Tahun 2024	12 November 2024	Bilik Tun Mutahir, Seri Negeri	YB Pegawai Kewangan Negeri, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua Penguasa Tempatan dan Pegawai Badan Berkanun Negeri	Pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan

Bil.	Tajuk Program	Tarikh	Tempat	Golongan Sasaran	Impak Keberkesanan Selepas Program Dilaksanakan
20.	Eksplorasi SUK: Destinasi Lawatan Penuh Inspirasi, Di Balik Tabir Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	21 November 2024	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	Pegawai dan Kakitangan Unit Integriti JKMM	Meningkatkan kefahaman berkaitan budaya kerja dan pengetahuan berkaitan dengan integriti
21.	Mesyuarat MyPerformance Serta Misi Sinergi: Mengukuhkan Pasukan Hebat Bagi Pegawai Di Unit Integriti	22 November hingga 24 November 2024	Hotel Tamu, Kuala Lumpur	Pegawai dan Kakitangan Unit Integriti JKMM	Mengukuhkan pasukan Unit Integriti
22.	Hebahan Garis Panduan Permohonan Potongan Cukai Di Bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967	1 Disember hingga 31 Disember 2024	Media Elektronik dan Interaktif	Semua Penjawat Awam	Meningkatkan kefahaman berkaitan potongan cukai pelaksanaan program antirasuah
23.	Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri Melaka Bil 3 Tahun 2024	17 Disember 2024	Bilik Tun Mutahir, Seri Negeri	YB Pegawai Kewangan Negeri, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua Penguasa Tempatan dan Pegawai Badan Berkanun Negeri	Pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan

1. Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) Tahun 2023

Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) telah berjaya memenangi Kategori Emas bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 Peringkat Kebangsaan. Majlis AIGA 2023 telah dirasmikan oleh YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan Menteri Kewangan II mewakili YAB Timbalan Perdana Menteri. Encik Shaifulfazlee bin Mohamad, Ketua Unit, Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka mewakili YB Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka untuk menerima anugerah tersebut.

Selain JKMM, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Yayasan Melaka dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) turut memenangi Kategori Emas AIGA 2023.







2. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri Melaka

Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri Melaka Tahun 2024 telah berjaya dilaksanakan sebanyak tiga kali iaitu pada 4 April 2024, 16 Julai 2024 dan 12 November 2024 yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Mesyuarat diadakan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 mengenai Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional.







Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Bil. 1 Tahun 2024 pada 4 April 2024 yang dipengerusikan oleh YB Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri.







Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Bil. 2 Tahun 2024 pada 16 Julai 2024 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri.





Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Bil. 3 Tahun 2024 pada 12 November 2024 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri.

3. Kursus Literasi Pengurusan Dokumen Kes Tatatertib Bagi Urus Setia Lembaga Tatatertib Jabatan/Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) telah berjaya menganjurkan Kursus Literasi Pengurusan Dokumen Kes Tatatertib pada 19 Jun hingga 20 Jun 2024 bertempat di Swan Garden Resort Hotel Melaka. Bengkel ini khusus disasarkan kepada urus setia tatatertib di Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, dan Badan Berkanun Negeri bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dalam usaha memantapkan kemahiran urus setia tatatertib dalam penyediaan laporan dan dokumentasi tatatertib yang lebih efisien dan teratur selaras dengan peraturan sedia ada. Penceramah jemputan ialah Puan Salwa binti Abd Rahman dan Encik Wan Ahmad Hakimi bin Wan Ahmad Jaafar yang merupakan Penasihat Undang-Undang serta Timbalan Penasihat Undang-Undang daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.









4. Sesi Sinergi Integriti Jabatan Ketua Menteri Melaka

Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) telah mengadakan Sesi Sinergi Integriti (SSI) JKMM yang bertujuan untuk memastikan pembekal dan kontraktor cakna terhadap integriti dalam memastikan urusan perolehan Kerajaan Negeri adalah bebas rasuah dan zero tolerance terhadap perlakuan tersebut. Sesi ini adalah susulan daripada saranan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mencadangkan agar Unit Integriti mengadakan sesi taklimat tentang polisi dan peraturan perolehan serta Akta SPRM 2009 kepada pembekal dan kontraktor Jabatan Ketua Menteri Melaka yang baru dilantik. Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka adalah negeri pertama yang melaksanakan inisiatif ini.





5. Kursus Pengukuhan Integriti Agensi Penguat kuasa "Perangi Rasuah: Jangan Beri! Jangan Terima!"

Unit Integriti dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) telah melaksanakan Kursus Pengukuhan Integriti Agensi Penguat kuasa "Perangi Rasuah: Jangan Beri! Jangan Terima!" bertempat di Grand Swiss Belhotel, Melaka. Program ini merupakan program khusus dianjurkan untuk semua penguat kuasa bawah Agensi Penguatkuasaan sama ada dari dalam atau luar negeri Melaka dengan penyertaan sebanyak 70 orang peserta. Ceramah telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Muhammad Shamshinor bin Abdul Azzis, Pensyarah Kanan, Pusat Latihan Intern & Pengayaan Akademik (CITrA), Universiti Malaya dan juga oleh Encik Muhamad Firdaus bin Musa, Timbalan Pengarah Bahagian Operasi, Suruhanjaya Integriti Agensi Perkhidmatan Awam (EAIC). Kursus ini telah berjaya memberi pengetahuan dan pendedahan mengenai tatacara pengurusan integriti yang teratur.









6. Kunjungan Hormat Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka (PSUK) telah menerima kunjungan hormat dari Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK) Negeri Sembilan yang diketuai oleh Puan Nur Hafizah binti Abdullah bersama-sama tujuh orang kakitangan.

Tujuan utama kunjungan ini adalah untuk menjalinkan hubungan baik antara Unit Integriti PSUK Negeri Sembilan dengan Unit Integriti PSUK Melaka. Dengan adanya pertemuan ini, kedua-dua Unit Integriti negeri dapat bertukar-tukar pandangan dan idea pengalaman dalam usaha memantapkan tatakelola dan integriti serta tadbir urus yang lebih berkesan dalam pentadbiran masing-masing.







7. Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) bagi Kumpulan Pelaksana Jabatan/Agensi Negeri Melaka

Unit Integriti JKMM dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) telah melaksanakan Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) bagi Kumpulan Pelaksana bertempat di Agrofarmstay Resort, Durian Tunggal, Melaka yang dihadiri sebanyak 104 orang peserta daripada pelbagai jabatan dan agensi di negeri Melaka.

Selain aktiviti luar, pengisian program juga melibatkan ceramah Taklimat Integriti dan Antirasuah yang disampaikan oleh Puan Siti Hajar binti Abd Rahman, Pegawai Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka dan Taklimat Kesedaran Berkaitan Penipuan Scammer oleh Encik Hisyamuddin bin Mohd Noor, Pegawai Penyiasat, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Kontijen Melaka.

Program yang menggabungkan elemen pengukuhan integriti dan kerjasama dalam kumpulan ini diharapkan dapat meningkatkan keupayaan sahsiah diri dan sekaligus meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.









8. Mesyuarat Berkaitan Taklimat Mengenai Kesan dan Impak Kebocoran Maklumat Berkaitan Perolehan Kepada Penjawat Awam Negeri Melaka

Unit Integriti, JKMM telah mengadakan Mesyuarat Mengenai Kesan Dan Impak Kebocoran Maklumat Berkaitan Perolehan Kepada Warga Kerja Jabatan Ketua Menteri Melaka yang bertujuan memenuhi hasrat Kerajaan Negeri supaya mengadakan sesi taklimat mengenai kesan dan impak kebocoran maklumat berkaitan perolehan kepada warga kerja Jabatan Ketua Menteri Melaka - khususnya kepada warga kerja JKMM yang terlibat secara langsung bagi hal ehwal perolehan. Mesyuarat ini adalah tindakan susulan daripada Perkara 5.2 minit mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) peringkat JKMM Bil.2 Tahun 2023 yang bersidang pada 12 Julai 2023, Perkara 3.5 minit mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Bil.1/2024 peringkat JKMM Bil.1/2024 yang bersidang pada 16 Julai 2024 dan minit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri P.15 Bil. 26/2024.

Mesyuarat ini melibatkan kehadiran wakil daripada Bahagian/Unit di JKMM, Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri Melaka. Pengerusi turut menjemput Encik Mohamad Hanafi bin Mohd Nordin, Pegarah Keselamatan Kerajaan (Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Melaka), Encik Wilson Lim Tien Huat, Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka) dan Encik Mohd Najmi bin Mohd Zohdi, Penolong Setiausaha Kerajaan (Unit Integriti,JKMM) untuk memberi taklimat mengenai kesan dan impak kebocoran maklumat berkaitan perolehan. Pengerusi turut mengingatkan ahli mesyuarat yang terlibat agar prihatin dan mematuhi setiap peraturan dan implikasi perundangan melibatkan kebocoran rahsia rasmi kerajaan bagi memelihara kepentingan negara umumnya; dan negeri Melaka khususnya.





9. Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti Dan Antirasuah (MPGIA) Bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (P&P) Jabatan/Agensi Negeri Melaka

Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) telah berjaya melaksanakan Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) bagi Kumpulan Pengurusan dan Professional (P&P) Siri II Tahun 2024 selama 2 hari 1 malam mulai 3 hingga 4 Oktober 2024 bertempat di Kem Permata Resort, Alor Gajah, Melaka.

Objektif utama pelaksanaan program MPGIA ini adalah untuk membudayakan dan mengamalkan integriti dan tadbir urus terbaik dalam kalangan penjawat awam serta melaksanakan inisiatif anti rasuah dalam Organisasi masing-masing. Program MPGIA ini telah disertai oleh 70 orang peserta terdiri daripada Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

Penghargaan turut diberikan kepada penceramah jemputan yang menjayakan program ini daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Negeri Melaka dan Ibu Pejabat Polis, Negeri Melaka.

Penganjuran program MPGIA ini jelas menzahirkan komitmen JKMM sentiasa berusaha bagi mewujudkan persekitaran sifar toleransi dan tiada kompromi terhadap kesalahan jenayah rasuah agar integriti perkhidmatan awam terus terpelihara dan diyakini selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.









10. Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti Dan Antirasuah (MPGIA) Kumpulan Ketua Jabatan/Agensi Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka

Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) telah melaksanakan Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) Kumpulan Ketua Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka bertempat di Hotel Holiday Inn, Melaka.

Seramai 70 orang Ketua Jabatan/Agensi Negeri Melaka telah memberi komitmen untuk menghadiri program pada hari ini. Objektif utama program ini adalah untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada para peserta program. Program yang menggabungkan elemen pengukuhan integriti dan kerjasama dalam kumpulan ini diharapkan dapat meningkatkan keupayaan sahsiah diri untuk menolak perbuatan tidak berintegriti, khususnya perbuatan rasuah.

Ucapan penghargaan juga kepada Perunding Terlatih serta Penceramah Jemputan daripada Ibu Pejabat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas sumbangan ilmu yang dikongsikan bukan sahaja membuka minda terhadap isu-isu yang dibincangkan, malah telah memberikan inspirasi untuk berfikir secara lebih mendalam dan bertindak dengan lebih bijak.

Maklum balas peserta terhadap program ini juga sangat memberangsangkan. Setiap komen positif yang diterima menjadi bukti bahawa program ini berjaya memberikan impak yang mendalam serta memenuhi jangkaan semua dan akan diteruskan pada tahun 2025. Kami berterima kasih atas sokongan dan komitmen semua Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka merangkap peserta yg hadir pada hari ini.

Program MPGIA ini akan memberi kesan jangka panjang dalam memperkukuhkan integriti dan menjadi pemangkin untuk penjawat awam negeri Melaka untuk terus komited dalam memerangi rasuah di negara kita.









11. Program SETIA: Seminar Tatakelola, Integriti dan Antirasuah Bersempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Melaka 2024

Unit Integriti JKMM dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) telah berjaya melaksanakan Program SETIA: Seminar Tatakelola, Integriti dan Antirasuah Bersempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Melaka 2024 yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Maslina binti Baki, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) mewakili YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka bertempat di Hotel Holiday Inn, Melaka. Program ini telah dihadiri sebanyak 110 orang peserta yang terdiri daripada pegawai peringkat negeri dan persekutuan.

Objektif program adalah untuk memupuk kesedaran dalam kalangan penjawat awam mengenai kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti secara berterusan, dengan matlamat hala tuju bebas daripada amalan rasuah serta penyelewengan pada setiap masa dan keadaan.

Lazimnya sambutan hari integriti ini diadakan pada bulan November setiap tahun tetapi Negeri Melaka mengadakan sambutan ini lebih awal dengan menggunakan akronim S.E.T.I.A yang membawa maksud Seminar Tatakelola, Integriti dan Anti Rasuah. Akronim S.E.T.I.A ini akan dikekalkan dan akan diteruskan pada tahun 2025, S.E.T.I.A 2.0 kerana ia merupakan ledakan inspirasi melalui sesi perkongsian gabungan panel-panel jemputan yang hebat. Program S.E.T.I.A sempena sambutan hari initegriti ini merupakan julung kalinya diadakan di Negeri Melaka dan merupakan negeri pertama yang menyambuat Hari Integriti pada tahun 2024.





12. Kursus Tatakelola Kewangan: Pengurusan Peruntukan Khidmat Masyarakat dan Pengurusan Kewangan JAPERUN Negeri Melaka

Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka dengan kerjasama Unit Integriti dan Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) telah berjaya melaksanakan Kursus Tatakelola Kewangan: Pengurusan Peruntukan Khidmat Masyarakat dan Pengurusan Kewangan JAPERUN Negeri Melaka bertempat di Hotel MITC, Melaka.

Kursus ini telah dihadiri sebanyak 65 orang yang terdiri daripada Penghulu, Setiausaha dan Pembantu Kewangan JAPERUN Negeri Melaka.

Tujuan kursus ini dilaksanakan adalah untuk :

1. **Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Kewangan**: Membantu warga JAPERUN untuk memahami asas tatakelola kewangan yang baik, termasuk pengurusan bajet, perancangan kewangan, dan kawalan perbelanjaan yang berhemah.

2. **Memastikan Pengurusan Kewangan yang Telus dan Berintegriti**: Mengurangkan risiko ketirisan dan ketidakwajaran dalam pengurusan kewangan, serta memastikan semua aktiviti kewangan dilakukan dengan integriti dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

3. **Pengurusan Sumber Dana yang Efisien**: Memberikan panduan untuk merancang dan menggunakan sumber kewangan dengan efisien bagi memastikan program dan projek yang dijalankan mencapai matlamatnya tanpa pembaziran.

4. **Peningkatan Akauntabiliti dan Laporan Kewangan**: Menggalakkan budaya akauntabiliti dalam setiap urusan kewangan dan memudahkan penyediaan laporan kewangan yang jelas dan teratur, bagi memastikan pihak berkuasa dapat menilai prestasi dan keberkesanan penggunaan dana.

5. **Mengurangkan Risiko Kewangan**: Memberikan pengetahuan mengenai cara-cara mengenal pasti dan mengurus risiko kewangan yang mungkin timbul, serta menyediakan strategi mitigasi yang berkesan.

6. **Meningkatkan Kecekapan dalam Mematuhi Peraturan dan Polisi**: Membantu peserta untuk memahami dan mematuhi semua peraturan dan garis panduan kewangan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, termasuk Akta Kewangan dan peraturan-peraturan lain yang relevan.

7. **Meningkatkan Kepercayaan Orang Awam**: Dengan mengamalkan tatakelola kewangan yang baik, JAPERUN dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan dana awam dan perkhidmatan yang diberikan.

Pelaksanaan kursus ini merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kapasiti warga JAPERUN dalam menguruskan kewangan dengan cara yang lebih sistematik, teratur, dan berkesan, seterusnya menyumbang kepada kejayaan pembangunan masyarakat dan negara.









BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN SIASATAN AWAM

BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN SIASATAN AWAM

PENDAHULUAN

Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Awam (BADSA), Jabatan Ketua Menteri Melaka telah ditubuhkan pada tahun 2001. Penubuhan BADSA dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 berkaitan dengan pelaksanaan Unit Audit Dalam di semua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Peraturan berkenaan seterusnya telah ditambah baik melalui PS 3.1/2013 : Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan PS 3.2/2013: Penubuhan Jawatankuasa Audit di Peringkat Kementerian Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkuat kuasa 3 Julai 2014.

Objektif penubuhan BADSA untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Visi BADSA ialah menjadi peneraju ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Melaka. Misi BADSA ialah memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam penggunaan wang awam serta menggalakkan pentadbiran yang cekap dan berhemah. BADSA juga komited untuk meningkatkan khidmat pengurusan dalam pengauditan/siasatan yang dijalankan.

BADSA diketuai oleh Pengarah Bahagian dan bertanggungjawab terus kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada masa kini, sebanyak 17 orang pegawai dan kakitangan sedang bertugas di BADSA.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Rancangan Audit yang Diluluskan dan Pencapaian

BIL.	RANCANGAN AUDIT TAHUN 2024 JENIS PENGAUDITAN	PENCAPAIAN TAHUN 2024	
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti	i.	Jabatan Mufti Negeri Melaka
		ii.	Jabatan Kerja Raya Daerah Alor Gajah
2.	Pengauditan Prestasi	i.	Pengauditan Prestasi Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Dan Logo Halal Jabatan Agama Islam Melaka
3.	Pengauditan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah	i.	Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka – Biasa dan Kumpulan Wang Amanah Asnaf Fisabilillah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Asnaf
4.	Pemeriksaan Mengejut	i.	Zoo Melaka
		ii.	Lembaga Perumahan Melaka
		iii.	Badan Kawal Selia Air, Jabatan Ketua Menteri Melaka
		iv.	Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah
		v.	Pejabat Agama Islam Daerah Melaka Tengah
		vi.	Pejabat Agama Islam Daerah Jasin
		vii.	Perpustakaan Awam Cawangan Alor Gajah
		viii.	Perpustakaan Awam Cawangan Jasin
		ix.	Perpustakaan Awam Cawangan Merlimau
5.	Pengauditan Sistem Nilaian Audit Penampilan (ezSNAP)	i.	Bahagian Khidmat Musaadah dan Pembangunan Belia, Jabatan Ketua Menteri Melaka
		ii.	Unit Dewan dan MMKN, Jabatan Ketua Menteri Melaka
		iii.	Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri Melaka
		iv.	Unit Kerajaan Tempatan, Jabatan Ketua Menteri Melaka
		v.	Bahagian Kawal Selia Air, Jabatan Ketua Menteri Melaka

BIL.	RANCANGAN AUDIT TAHUN 2024 JENIS PENGAUDITAN	PENCAPAIAN TAHUN 2024
	Pengauditan Sistem Nilaian Audit Penampilan (ezSNAP)	vi. Tabung Amanah Pendidikan, Jabatan Ketua Menteri Melaka
		vii. Bahagian Promosi Pelancongan, Jabatan Ketua Menteri Melaka
		viii. Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Melaka
		ix. Jabatan Perhutanan Negeri Melaka
6.	Pengauditan Perolehan	i. Jabatan Agama Islam Melaka
7.	Pengauditan Khas	i. 1 Laporan Pengauditan Khas
8.	Pengauditan Susulan	i. Perbadanan Muzium Melaka
9.	Pemantauan Isu Audit di *AG's Dashboard* a) Susulan Laporan Ketua Audit Negara b) Paparan Susulan LKAN di *AG's Dashboard*	Status isu sehingga 31 Disember 2024: **Butiran** — **Bil. Isu** Bilangan isu tahun 2024 — 34 Bilangan isu telah selesai sepanjang tahun 2024 — 8 Bilangan isu belum selesai pada 31 Disember 2024 — 26

2. Sesi Libat Urus Bersama Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara – Penyelesaian Isu Laporan Ketua Audit Negara

Pada 30 Ogos 2024, Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Awam (BADSA) dengan kerjasama Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara telah menganjurkan sesi libat urus berhubung isu dan maklum balas dalam *Auditor General's Dashboard* (AGD). AGD merupakan sebuah medium saluran bagi memastikan tindakan segera diambil oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Sesi libat urus ini dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka (Pengurusan), Pengarah Bahagian Susulan Audit Jabatan Audit Negara, Pengarah Audit Negeri Melaka dan Ketua Jabatan serta pegawai daripada empat Agensi Kerajaan Negeri Melaka. Sebanyak 15 isu dan maklum balas serta tindakan penambahbaikan yang telah diambil dibincangkan semasa sesi libat urus ini bagi menyelesaikan isu yang dilaporkan.


PENGERUSI




BENTARA

3. Persidangan Juruaudit Dalam Sektor Awam Tahun 2024 (PADSA 2024)

Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan dengan kerjasama Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Awam (BADSA), Jabatan Ketua Menteri Melaka telah menganjurkan Persidangan Juruaudit Dalam Sektor Awam Tahun 2024 (PADSA 2024) dari 4 November hingga 6 November 2024 bertempat di Hotel Hatten, Melaka. Sekretariat PADSA 2024 daripada Kementerian Kewangan dan BADSA bekerjasama dalam tugas-tugas keurusetiaan, keperluan logistik dan pergerakan peserta persidangan.

PADSA 2024 dianjurkan dengan tema "Auditan Berkesan Tatakelola Cemerlang" diserikan dengan kehadiran Ketua Audit Negara, YB Pegawai Kewangan Negeri Melaka, Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat Kementerian Kewangan serta pegawai-pegawai kanan Perbendaharaan Malaysia.

PADSA kali ini melibatkan penyertaan sebanyak 350 Juruaudit Dalam daripada 43 Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta turut diadakan secara dalam talian atau *hybrid.*

PADSA merupakan acara tahunan peringkat kebangsaan yang bertujuan meningkatkan kompetensi Juruaudit Dalam di samping meningkatkan kesedaran terhadap peranan dan fungsi Audit Dalam bagi memperkasakan akauntabiliti dan tadbir urus organisasi. Peserta persidangan juga turut didedahkan dengan perkembangan terkini dan isu semasa berkaitan pelaksanaan audit dalam di sektor awam.

PADSA 2024 dimulakan dengan sesi taaruf pemantapan jati diri juruaudit melibatkan aktiviti membentuk kumpulan, melantik ketua kumpulan, mencipta *war cry* kumpulan dan cabaran strategi permainan berpasukan. Majlis perjumpaan Ketua Audit Negara bersama warga Audit Dalam turut diadakan pada hari pertama persidangan.

Forum PADSA 2024 kali ini membincangkan peranan Jawatankuasa Audit bagi tindakan penyelesaian isu signifikan, isu dan cabaran pengauditan pengurusan aset dan stor, "*In trend*" pengauditan ICT dan pindaan PS 3.1 Pekeliling Perbendaharaan berkaitan pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Garis Panduan Pengauditan Audit Dalam juga dilancarkan dan diikuti dengan pengenalan pasukan pakar bidang pengauditan yang dikenali sebagai *Subject Matter Expert* Audit Dalam (SMEAD).



YB Pegawai Kewangan Negeri Melaka menyampaikan cenderahati kepada Ketua Audit Negara sempena PADSA 2024 di Hotel Hatten, Melaka.



YB Pegawai Kewangan Negeri Melaka bergambar kenangan bersama Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan, Pengarah Bahagian Susulan Audit Jabatan Audit Negara, Presiden Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM) serta Ketua-Ketua kluster Subject Matter Expert Audit Dalam (SMEAD).



Sekretariat PADSA 2024 daripada Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan dan BADSA, Jabatan Ketua Menteri Melaka.

4. Seminar Melestari Perundangan Kewangan dan Pentadbiran Kontrak Perolehan Kerajaan

Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Awam (BADSA) dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) telah menganjurkan seminar bertajuk 'Melestari Perundangan Kewangan dan Pentadbiran Kontrak' bertempat di Swan Garden Resort Hotel, Melaka dari 29 April hingga 30 April 2024. Objektif pelaksanaan seminar adalah meningkatkan pemahaman tentang pematuhan kepada peraturan dan undang-undang serta amalan terbaik pengurusan kewangan di sektor awam, menjelaskan aspek perundangan kewangan yang berkaitan pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak Kerajaan. Selain itu, seminar ini juga menjadi platform kepada para peserta untuk memahami konsep pengauditan, pengurusan isu audit dan penyediaan maklum balas terhadap isu audit.

Seminar ini telah menarik penyertaan sebanyak 165 peserta daripada pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di seluruh negara. Antara pengisian seminar adalah perundangan kewangan dan kontrak Kerajaan, pengurusan perolehan dan teguran Audit berkaitan pengurusan perolehan Kerajaan.

Sesi pengurusan tatakelola dan maklum balas *Auditor General's Dashboard* (AGD) turut dijadikan sebagai salah satu topik seminar bagi membantu Jabatan/Agensi Kerajaan memberi maklumbalas yang tepat terhadap penemuan Audit yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Penceramah yang ditampilkan merupakan pakar dalam bidang masing-masing iaitu YB Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka, Pengarah Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara dan pegawai kanan daripada Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan Malaysia.



Pengarah BADSA menyampaikan ucapan aluan bagi Seminar Melestari Perundangan Kewangan dan Pentadbiran Kontrak.



